

Bil. 52

**Khamis
24 Ogos 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 2)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1):	
• Kehadiran Berterusan Israel Di Bumi Lebanon	
- <i>Y.B. Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak)</i>	(Halaman 21 & 57)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 22)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-Undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006	(Halaman 22)
Rang Undang-Undang Ordinan No. 7 (Kuasa ² Perlu) Darurat (Pindaan) 2006	(Halaman 37)
Rang Undang-Undang Zon Ekonomi Eksklusif (Pindaan) 2006	(Halaman 41)
Rang Undang-Undang Kastam (Pindaan) 2006	(Halaman 42)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - *Senator*
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Semborong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - *Senator*
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO

7. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA

30. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Abdul Rahman bin Suliman - *Senator*

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO

13. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP

22. Yang Berhormat Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato' Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP

60. Yang Berhormat Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. " Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. " Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. " Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. " Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. " Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. " Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman (Lipis) - UMNO
77. " Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. " Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. " Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS

-
98. Yang Berhormat Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
 99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
 100. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
 101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
 102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
 103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
 104. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
 105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
 106. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
 107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
 108. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
 109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
 110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
 111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
 112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
 113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
 114. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
 115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
 116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
 117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
 118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
 119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
 120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
 121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
 122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
 123. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
 124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
 125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
 126. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
 127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
 128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Hajah Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nur Azilah binti Ahmad Ibrahim

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Azanariah binti Mohd Yunan

Norhasani binti Yaacob

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT**

Isnin, 21 Ogos 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya menyentuh Peraturan Mesyuarat (9), Setiausaha Dewan. Mungkin kali yang pertama, kita tidak ada seorang setiausaha untuk Parlimen dalam sejarah Parlimen. Mengikut semua konvensyen dan peraturan-peraturan, Setiausaha Parlimen yang bertanggungjawab, kewajipan sangat mustahak untuk membolehkan mesyuarat diadakan, sama ada mengenai Peraturan Mesyuarat, urusan rang undang-undang, usul-usul dan semua. Saya tidak tahu kenapa ini belum dilakukan dan mungkin supaya tidak berlaku dan berjalan urusan kita dengan betul, bahawa kita perlu *stand down* mesyuarat sehingga kita ada satu setiausaha dilantik supaya kita tidak menunjuk satu amalan yang tidak baik, tidak lurus. Mungkinkah Tuan Yang di-Pertua boleh buat satu *ruling* dalam perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sememangnya tidak ada setiausaha. Yang lepas telah pun bersara dan kita masih lagi menunggu tentang kedatangan. Sudah pun ditentukan tetapi oleh kerana proses-proses pentadbiran biasa termasuk perjalanan ke mari mengambil juga masa. Jadi oleh kerana beliau tidak dapat hadir pada hari ini, jadi itulah sebabnya beliau tidak ada di sini. Walau bagaimanapun, beliau telah dilantik dan setiausaha sebenarnya mengikut segala tingkah laku dan segala tugas-tugas yang dibuat oleh setiausaha adalah mengikut arahan daripada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Jadi oleh itu, beliau tidak ada di sini, maka saya memberi tugas itu sementara peralihan ini kepada Puan Roosme. Sila.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

"27 Julai 2006.

**Perutusan Daripada Dewan Negara
Kepada Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan.

1. Rang Undang-undang Lembaga Lada Malaysia 2006;
2. Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 2005;
3. Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pindaan) 2006;
4. Rang Undang-undang Pelindung 2006;
5. Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006;

6. Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan) 2006;
7. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2006;
8. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2006;
9. Rang Undang-undang Kepentingan Antarabangsa Mengenai Kelengkapan Bergerak (Pesawat Udara) 2006;
10. Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006;
11. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004; dan
12. Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004.

Yang ikhlas;

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA"

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah jaminan kerajaan bahawa kedua-dua Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan mengenai kedudukan agama Islam serta Perkara 121(A) Perlembagaan Persekutuan mengenai kedudukan Mahkamah Syariah tidak akan dipinda dan perbahasan terbuka mengenainya patut dihentikan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini, serentak dengan pertanyaan-pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Ledang dan Yang Berhormat bagi Kepong pada 22 Ogos 2006 ; Yang Berhormat bagi Pontian pada 7 September 2006 ; Yang Berhormat bagi Kubang Kerian pada 18 September 2006 ; Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor pada 6 November 2006 ; Yang Berhormat bagi Parit Buntar pada 15 November 2006 ; Yang Berhormat bagi Labuan pada 27 November 2006 ; dan Yang Berhormat bagi Jerai pada 30 November 2006.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dinyatakan berkali-kali oleh kerajaan dengan jelas sebelum ini, kerajaan tidak ada cadangan untuk memansuhkan atau meminda Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan berpendapat bahawa Perkara 121(1A) adalah jelas mengenai pembahagian bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Pada masa yang sama, sebarang masalah yang timbul mengenai tafsiran Perkara 121(1A) bolehlah dibawa ke mahkamah dan melalui proses yang sedia ada, di mana ia akan diputuskan oleh mahkamah berdasarkan konsep *rules of law* yang memang sedia terpakai dalam sistem undang-undang Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara adalah dijamin oleh Perlembagaan dan tidak sesiapa pun boleh mempertikaikan kedudukan tersebut. Dalam pada itu, kerajaan juga tidak akan membenarkan sebarang tindakan mana-mana pihak yang boleh menggugat kebebasan untuk beragama seperti yang telah dijamin oleh Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan dengan itu, kerajaan berpendapat adalah tidak perlu bagi sebarang badan ditubuhkan untuk membincangkan mengenai hal-hal agama seperti Majlis Antara Agama atau forum Artikel 11. Ini adalah kerana mekanisme untuk berbincang di antara agama memang telah sedia wujud. Kerajaan di pelbagai peringkat termasuk Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri sendiri sering mengadakan dialog dan perbincangan dengan pihak berlainan agama dari semasa ke semasa sama ada secara tertutup atau terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan percaya bahawa Perkara 11 tidak bercanggah dengan prinsip agama Islam yang mahukan umatnya ditunjukkan kepada jalan kebenaran dan meninggalkan perkara yang dilarang kerana kebebasan beragama di bawah Perkara 11 juga tertakluk kepada syarat-syarat tertentu, seperti tidak menyebarkan ajaran agama bukan Islam kepada orang Islam.

Pada masa yang sama kerajaan juga telah memperkenalkan pelbagai program untuk meningkatkan syiar Islam di Malaysia. Antara lainnya kerajaan telah membanyakkan lagi kemudahan prasarana seperti masjid dan surau, meningkatkan pemahaman ajaran Islam di kalangan remaja Islam seperti dengan memperkenalkan subjek Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain iaitu J-Qaf, di sekolah dan menubuhkan pelbagai institusi yang berteraskan ajaran Islam seperti Bank Islam, Lembaga Tabung Haji dan badan-badan zakat.

Adalah menjadi harapan kerajaan agar peningkatan kekuatan iman di kalangan umat Islam akan dapat mencegah sebarang kemungkaran atau kerosakan akidah. Kerajaan juga berharap agar setiap pihak tanpa mengambil kira fahaman politik akan bersama-sama dengan kerajaan dalam usaha yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga amat berharap agar semua pihak akan menyokong usaha kerajaan untuk mengeratkan lagi keharmonian yang telah selama ini dinikmati oleh penduduk di Malaysia yang terdiri daripada berbilang bangsa dan agama. Kerajaan tidak dapat membuat andaian mengenai punca yang menyebabkan badan-badan bukan kerajaan dan sukarela membangkitkan soalan kebebasan ini tetapi kerajaan berpendapat bahawa untuk mengekalkan keharmonian ini setiap pihak perlu menerima dengan ikhlas hak setiap rakyat Malaysia untuk mengamalkan agama masing-masing. Ini termasuklah amalan azan di masjid atau surau, atau bunyi loceng yang didengar dari rumah ibadah agama lain. Penerimaan ikhlas ini juga perlu disertai dengan kesedaran bahawa perbincangan mengenai agama adalah sesuatu isu yang begitu sensitif sekali malah ia adalah isu yang lebih sensitif dari isu perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan memberikan kebebasan bagi rakyat Malaysia membincangkan isu-isu semasa termasuklah memberi kritikan membina kepada kerajaan, kerajaan tidak dapat memanjangkan kebebasan yang sama kepada isu-isu yang berpotensi untuk menimbulkan kegusaran di kalangan penganut agama yang berbeza. Tidak dapat kita nafikan perbincangan-perbincangan seperti Perkara 11 telah menimbulkan kontroversi yang sekiranya dibiarkan berpanjangan akan menimbulkan lebih banyak keburukan daripada kebaikan, akan melebarkan jurang antara rakyat yang berlainan agama dan menghancurkan keharmonian yang telah lama kita pupuk.

Oleh itu kerajaan telah mengarahkan semua pihak untuk menghentikan sebarang bentuk perbincangan, forum atau persidangan agama seumpama itu dengan serta-merta sebelum keadaan yang membimbangkan menjadi tidak terkawal. Kerajaan juga tidak akan teragak-agak mengambil tindakan ke atas mana-mana pihak yang tidak mengendahkan amaran kerajaan ini dan juga pihak-pihak yang menyebarkan sebarang berita palsu yang boleh menggugat keharmonian di antara rakyat Malaysia.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ada menimbulkan perkara memelihara keharmonian antara kaum dan ini mengingatkan saya kepada tulisan oleh Profesor S. M. Samuel P. Huntington mengenai *The Clash of Civilization* ataupun 'Pertelagahan Antara Tamadun', dan realitinya kita lihat bahawa ia telah berlaku di Timur Tengah dan kemungkinannya riak-riak itu cuba disebarkan dengan menggunakan jarum-jarum yang halus untuk menyuntik dan akhirnya membawa kepada perpecahan antara kaum di negara kita ini.

Jadi isu-isu dalam Perlembagaan yang dibahaskan, walaupun kita tidak dibenarkan, akan membawa kepada keretakan keharmonian antara kaum yang berasaskan kepada perbezaan agama seperti yang berlaku di Timur Tengah. Jadi, tidakkah kerajaan dapat melihat bahawa adanya unsur-unsur luar ini yang cuba mewujudkan keretakan

keharmonian antara kaum dan cuba memecahbelahkan hubungan yang begitu baik selama ini yang sama-sama kita pelihara. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini daripada pihak kerajaan kita belum lagi ada berita-berita yang menceritakan bahawa apa yang berlaku pada hari ini adalah mungkin dipengaruhi oleh pihak-pihak dari luar negara yang mahu melihat kehancuran keharmonian yang ada di negara kita tetapi walau bagaimanapun kita sentiasa berhati-hati. Namun apa yang lebih penting ialah kita di dalam negara Malaysia ini sendiri hendaklah terus mengamalkan sikap sederhana dan menjaga kesensitifan berkenaan dengan agama masing-masing. Itu jauh lebih penting lagi daripada yang lain-lain.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, Perkara 11 ini termaktub dalam Perlembagaan. Justeru itu kerajaan harus tegas sebab ini bukan soal kebebasan. Saya rasa Yang Berhormat bersetuju bahawa tidak ada kebebasan secara total dalam negara ini, dalam mana-mana dunia. Justeru itu pengawalan jangan sampai perkara sebegini berlaku seperti di Bosnia Herzegovina, di South Africa, ada bunuh membunuh di antara satu dengan yang lain, kalau dibiarkan. Justeru itu usaha mana-mana pihak yang mengadakan forum, perbincangan dan sebagainya mereka ini harus ditangkap dan disiasat sebab ada motif dia. Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak berhajat untuk menangkap sesiapa. Cuma saya hendak mengulangi kembali jawapan yang telah saya sebutkan tadi iaitu walaupun kerajaan memberikan kebebasan bagi rakyat Malaysia membincangkan isu-isu semasa termasuklah memberi kritikan membina untuk kerajaan, kerajaan tidak dapat memanjangkan kebebasan yang sama kepada isu-isu yang berpotensi untuk menimbulkan kegusaran di kalangan penganut agama yang berbeza. Itulah pendirian kerajaan pada hari ini.

2. Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, jumlah kerugian akibat aktiviti kecurian kabel telefon pada tahun 2004, 2005 dan tujuh bulan pertama pada tahun 2006 di negara ini, serta apakah langkah pencegahan yang telah dan sedang diambil oleh pihak Telekom Malaysia.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang di bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Larut bersekali dengan soalan nombor 24 pada hari ini yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, memandangkan ia berkisar mengenai perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes kecurian kabel telefon adalah satu perkara yang amat serius kerana ia bukan sahaja mengakibatkan terputusnya perkhidmatan telekomunikasi pelanggan di kawasan terbabit malah turut mengakibatkan peningkatan kos operasi untuk menggantikan kabel yang telah dicuri. Bagi tempoh sepanjang tahun 2005, jumlah keseluruhan kes kecurian kabel telefon ialah 3,825 kes dan kos membaik pulih dianggarkan RM9.69 juta, termasuk RM636,000 bagi kawasan Kuala Selangor sahaja.

Kejadian kes kecurian telah meningkat tahun ini di mana dari bulan Januari 2006 hingga Julai 2006 jumlah keseluruhan kes ialah 7,584 yang mana melebihi jumlah keseluruhan kes untuk tahun 2005 dan ini menunjukkan peningkatan yang tidak sihat. Sepanjang tempoh tujuh bulan pertama tahun 2006 ini, jumlah kes dan kos membaik pulih dianggarkan sebanyak RM25.4 juta dan telah melebihi jumlah keseluruhan kos membaik pulih bagi seluruh tahun 2005. Peningkatan ketara kes kecurian kabel telefon adalah disebabkan permintaan yang tinggi bagi kabel iaitu item berasaskan kepada tembaga.

Sehubungan dengan ini, pihak Telekom Malaysia telah menggunakan kaedah menanam kabel di bawah tanah supaya kabel telefon tidak mudah dicuri serta beberapa pendekatan lain untuk mengatasi masalah ini seperti:

- (i) mengatur rondaan untuk mengawasi agar tiada kes kecurian kabel berlaku;

- (ii) memasang alat amaran kabel untuk pegawai Telekom Malaysia mengesan sekiranya kabel terputus;
- (iii) mendapat bantuan dari pihak Ikatan Relawan Rakyat Malaysia, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Polis Diraja Malaysia dan masyarakat tempatan untuk membantu; dan
- (iv) mencegah berlakunya kecurian kabel telefon.

Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masih belum cukup, Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang masalah kecurian ini. Kita tahu tadi Yang Berhormat telah menyebutkan tentang kos operasi untuk membaik pulih segala kecurian kabel telefon dan ini telah menjejaskan perkhidmatan telefon yang berlaku.

Saya difahamkan di negeri Perak sahaja berjuta-juta ringgit pada tahun lalu, dan mungkin juga sepuluh juta ringgit kehilangan akibat kecurian kabel ini. Barangkali sudah tiba masanya untuk mengelakkan kecurian kabel ini supaya Telekom sendiri yang mengendalikan segala penggantian kabel telefon ini daripada hanya diserahkan kepada syarikat-syarikat besi buruk ataupun *scrap* yang menjalankannya. Kalau ini bebas dilakukan, sesiapa juga boleh mencuri kabel ini tetapi kalau Telekom sendiri yang mengendalikannya dengan melantik barangkali syarikat yang bertauliah sudah tentulah mereka tidak bebas untuk mencuri dan menjual segala kabel telefon ini.

Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju supaya Telekom sendiri mengendalikan segala penjualan kabel yang hendak diganti itu secara terus kepada pihak berkenaan. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, buat masa ini kejadian kes-kes kecurian kabel berlaku di kawasan-kawasan yang terpencil dan di kawasan-kawasan pedalaman.

Sebenarnya bukan mudah untuk mencuri kabel telefon ini kerana Telekom Malaysia mempunyai alat pengesan apabila berlaku kecurian. Biasanya pencuri ini ditangkap cuma yang berlaku kesusahan kerana apabila kecurian ini berlaku maka terdapat gangguan kepada sistem telekomunikasi dan kos membaik pulih adalah tinggi. Yang mencuri itu selalunya dapat ditangkap kerana alat pengesan ini disambung kepada ibu pejabat-ibu pejabat telekom dan juga di balai-balai polis.

Mengenai kerja-kerja membaik pulih kabel telefon, selalunya ia dijalankan oleh kontraktor-kontraktor yang ditauliahkan oleh Telekom Malaysia. Bagi mereka yang telah membuka kabel-kabel ini, mereka hendaklah menjualkannya kepada pembeli-pembeli yang diberi lesen oleh kerajaan dan bagi sesetengah negeri, seperti di negeri Johor, apabila mereka hendak menjual kabel telekom ini, pembeli biasanya meminta penjual kabel yang telah tidak digunakan ini menunjukkan kad pengenalan mereka untuk membuktikan sekiranya berlaku apa-apa permasalahan selepas ini, jadi mereka tahu siapa yang menjual kabel kepada mereka ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Hubungan kait dengan kecurian kabel ini, memang kebanyakan berlaku di luar bandar dan kita dapati semenjak beberapa tahun yang lepas, Telekom Malaysia telah menggunakan *transmitter* yang tidak menggunakan kabel untuk menghubungkan telefon rumah dengan ibu sawat.

Soalan yang ingin saya timbulkan, apakah kaedah menggunakan *transmitter* untuk telefon rumah ini diperbanyakkan supaya kos memperbaiki kabel ini boleh ditampung dengan kos untuk menggunakan *transmitter* tersebut kerana ia cukup mudah dan boleh digunakan dengan jarak yang jauh.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, untuk pengetahuan Yang Berhormat, kos menggunakan *transmitter* ini sebenarnya tidaklah begitu murah tetapi bagi Telekom Malaysia, mereka membuat kajian dari segi keperluan sama ada kesesuaian untuk sesuatu kawasan itu menggunakan *transmitter* ataupun sambungan secara terus sebelum

mereka memikirkan sama ada menggunakan *transmitter* ataupun kabel untuk membuat sambungan komunikasi bagi setiap pelanggan mereka. Terima kasih.

3. Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, kedudukan terbaru polis terhadap penubuhan IPCMC. Adakah kerajaan akan membentangkan satu Rang Undang-undang penubuhan IPCMC untuk diluluskan dalam sidang Dewan Rakyat ini.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, mengenai penubuhan sebuah Suruhanjaya Bebas Aduan Mengenai Salah Laku Polis iaitu IPCMC, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Penambahbaikan PDRM yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil keputusan bahawa secara prinsipnya cadangan penubuhan badan penyemakan bebas ini adalah dipersetujui.

Jabatan Peguam Negara sedang dalam peringkat akhir membuat perancangan lengkap mengenai penubuhan badan bebas ini. Kertas Cadangan akan diangkat kepada Yang Amat Berhormat sebelum di bentang kepada Jemaah Menteri dan sama ada ini akan di *table* di Parlimen, ini bergantung kepada bentuk IPCMC yang akan dikemukakan oleh pihak AG.

Tuan Yang di-Pertua, pihak pengurusan PDRM juga telah mengatakan sokongan penuh dan akur kepada apa juga keputusan kerajaan mengenai bentuk dan kuasa badan penyemakan bebas ini. Pada pandangan pihak PDRM telah diberi perhatian yang sewajarnya oleh Jabatan Peguam Negara.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya sangat kesal bahawa Yang Amat Berhormat tidak ada di sini untuk jawab soalan ini, adakah menunjukkan bahawa keutamaan mengenai IPCMC dan laporan *Police Royal Commission* sudah jatuh dalam pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khasnya apabila kita baru-baru ini tengok banyak kes yang berlaku jenayah sama ada mengenai Kolej Tunku Abdul Rahman, Lee Kim Yeik atau wanita jurujual di Kuantan iaitu Ng Chew Lim.

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa tujuan menubuhkan Suruhanjaya Polis yang ada ini pun diakui oleh laporan ini ialah oleh kerana Kerajaan ada timbul kebimbangan yang meluas tentang kejadian jenayah yang tinggi dan persepsi gejala rasuah dalam PDRM dan rasa tidak puas hati orang ramai terhadap peri laku dan prestasi anggota polis.

Nampaknya masalah ini lebih teruk sebelum penubuhan suruhanjaya dan kenapa sungguhpun polis sudah menarik balik tentangan terhadap IPCMC, Peguam Negara atau *come up* Peguam Negara begitu sambil lewa untuk mempercepatkan penubuhan IPCMC yang direkomen oleh suruhanjaya ditubuhkan pada Mei tahun ini. *Crime*, lebih serius tetapi nampaknya kita buang masa, buang *commission enquiry*, buang masa, buang tenaga sahaja. Apa yang berlaku?

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, sebenarnya pejabat AG bukan sahaja mengkaji mengenai IPCMC sahaja tetapi banyak lagi daripada kementerian-kementerian lain yang perlu dikaji oleh pejabat AG.

Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, selain daripada IPCMC ini, kita juga mempunyai badan bebas untuk memantau disiplin polis. Untuk pengetahuan 'tuan-tuan'... [Disampuk] Pada tahun ini sahaja..., Yang Berhormat! Minta maaf. Terdapat 116 kes pegawai polis telah diambil tindakan oleh Jawatankuasa Tatatertib PDRM, dan salah seorangnya telah dibuang kerja iaitu berpangkat ASP dan berpangkat Superintendent telah diturunkan pangkat. Bermakna kita sentiasa memantau dan kita amat peka berkenaan dengan kadar jenayah yang berlaku di negara kita.

Dalam masa yang sama, kita tengok juga kejayaan yang dicapai oleh pihak polis. Dalam masa yang singkat sahaja Kumpulan Dewa dapat ditumpaskan. Bermakna polis sentiasa bergerak di samping itu jenayah memang meningkat kerana ada ramai sekarang ini, bukan rakyat kita banyak, jadi macam-macam yang berlaku. Ia tidak semestinya kita tidak memantau tentang keselamatan negara kita. Saya rasa hari ini di Kuala Lumpur kalau kita pergi ke mana-mana pun pukul tiga pagi atau empat pagi pun selamat. Saya rasa tidak ada masalah.

Saya rasa perkara ini sentiasa dibuat oleh pihak polis. Saya haraplah kepada pihak pembangkang tidak payahlah kita risau kerana kita juga bertanggungjawab mengenai keselamatan negara kita. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sri Gading.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Oh, Sri Gading.

Tuan Yang di-Pertua: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, kerajaan telah pun berusaha dengan menubuhkan Suruhanjaya Penambahbaikan Polis ini, dan suruhanjaya ini telah pun mencadangkan 124 perkara, antaranya IPCMC.

Polis telah pun begitu banyak jasanya kepada negara. Kerajaan jangan sampai terpengaruh dengan diayah-diayah pembangkang yang...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, adakah dia sokong sekarang? Dulu dia bantah. Adakah dia sokong sekarang?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Nampaknya hendak memberikan gambaran supaya kerajaan bermusuh dengan polis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Polis sangat berjasa. Ramai orang pun tolak IPCMC ini termasuk saya pun tolak. Kerajaan kena fikir ini jangan hendak ikut suka parti pembangkang sahaja. Parti pembangkang tidak relevan dalam hal menjaga keamanan. Sebenarnya kerajaanlah yang lebih berkuasa.

Saya harap kerajaan kena peka juga kepada pendapat-pendapat yang menolak IPCMC ini untuk dilaksanakan oleh pihak polis. Yang lain sudah dilaksanakan. Polis banyak berjasa. Jangan kita bersangka buruk kepada polis. Kita kena hormati dan kita kena kenang jasa dan pengorbanan polis...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:Minta Kerajaan bertegas perkara ini. AG pun hendak kena bertegas juga. Jangan terpengaruh dengan suara-suara pembangkang yang hendak memisahkan polis dengan kerajaan dan rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Kalau macam ini senang kita bekerja... *[Dewan riuh]*

Yang Berhormat, memang kita hargai apa yang dibuat oleh polis. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada pagi ini, di Kuala Lumpur ini kita ada 255 buah kamera yang memantau lalu lintas tetapi tanpa 200, boleh berdiri di tengah simpang itu? Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat tidak dapat sampai di sini.

Setakat ini benda-benda seperti ini kita kena bagi penghargaan kepada pihak polis yang sentiasa berada di tengah-tengah bandar ini. Kita hendak mencari benda yang silap sahaja. Saya harap pihak pembangkang dalam soal ini, kita kena ubah minda mereka sedikit supaya mereka mengutarakan perkara-perkara yang boleh kita menambah dari segi kelengkapan dan sebagainya bagi PDRM untuk menambah kecekapan mereka daripada kita mengkritik benda-benda yang saya kata tidak memberi apa-apa manfaat kepada kita.

4. **Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]** minta Menteri Kewangan menyatakan, berapakah jumlah pegawai dagang atau *expatriate*, yang kini bekerja di negara kita dan anggaran dana hasil pendapatan mereka yang telah dibawa keluar dari Malaysia pada tiga tahun yang lepas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pegawai dagang ataupun *expatriate* yang kita bekerja di Malaysia bagi tiga tahun yang lepas:

- (i) tahun 2004 - 43,406 orang;
- (ii) tahun 2005 - 33,368 orang;
- (iii) tahun 2006 hingga 31 Julai – 33,352 orang.

Dari segi aliran keluar wang yang telah pun dibawa keluar oleh *expatriate*, ini tidak termasuk yang dibawa keluar oleh pekerja asing yang lain iaitu:

- (i) tahun 2004 – RM3.76 bilion;
- (ii) tahun 2005 – RM4.711 bilion;
- (iv) tahun 2006 hingga Mac - RM1.281 bilion.

Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sebenarnya mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk menjadikan negara sebuah hab pelaburan aktiviti perniagaan dan kewangan. Kita juga tahu dengan kemasukan *expatriate* ini dapat memberi faedah kepada rakyat Malaysia untuk mengenali cara kerja dan budaya syarikat-syarikat besar antarabangsa.

Selain daripada soalan tambahan saya untuk mengetahui sejauh manakah kita dapat menjadikan negara sebagai hab aktiviti perniagaan dan pelaburan kewangan ini dengan memberi ruang yang luas kepada *expatriate* atau kepada syarikat-syarikat besar memasukkan pegawai-pegawai mereka bekerja di negara kita. Di samping dengan berapa banyak penduduk tempatan dapat belajar daripada pengetahuan dan pengalaman mereka ini. Saya hendak tanya dari segi caruman KWSP mereka ini kepada KWSP yang pada saya ia dapat sedikit sebanyak menambah caruman kutipan KWSP oleh mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Dan yang kedua, apakah... bila Tuan Yang di-Pertua sebut saya sudah terlupa. Ini kerana, sehingga ini mereka hanya diberi pilihan atau *optional*, untuk mencarum. Ini kerana pada saya kalau kita jadikan itu sebagai satu perkara yang perlu dan wajib, ia juga dapat membuat pemantauan dan pergerakan keluar masuk pekerja-pekerja dagang ini dalam menentukan aktiviti-aktiviti mereka. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat dari sektor-sektor yang *expatriate* itu terlibat sebenarnya ada 10 sektor yang utama. Yang paling tinggi ialah sektor perkhidmatan, ini termasuklah perbankan dan perkhidmatan yang lain. Yang kedua ialah pembuatan dan seterusnya yang ketiga pendidikan, kemudian petroleum, pembinaan, perdagangan, pengangkutan, sukan, pertanian dan perlombongan. Jadi, yang paling ketara ialah tentang perkhidmatan ini, ramai *expatriate* yang ada di sini iaitu 15,065 orang pada tahun ini sahaja. Diikuti oleh pembuatan iaitu 13,000 orang dan seterusnya. Pendidikan yang lain adalah dalam 1,000 orang lebih sahaja. Maknanya yang kedua ini, pembuatan dan perkhidmatan adalah yang tertinggi sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Memang mereka diberi *option* untuk bayar KWSP. Dari segi pergerakan, mereka memang di *capture* oleh imigresen dan kalau kita lihat di sini memang ramai, lebih daripada 20 negara *expatriate* yang datang bekerja di sini, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat dari segi jumlah yang saya sebut tadi jumlah *expatriate* sememangnya menurun. Dari tahun 2000 kalau kita lihat 83,000 *expatriate*, sekarang sudah tahun 2006 turun kepada 33,000 sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Lama kita berkampung, kita balik ke Parlimen ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada sedikit soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. *Expatriates* ini ataupun kepakaran-kepakaran ini boleh atau tidak Yang Berhormat beritahu kepada Dewan Rakyat yang mulia ini dalam bidang apa mereka datang? Adakah *expatriate* ini datang mungkin hendak cari makan di sini? Ini kerana negara kita sudah merdeka 49 tahun. Apakah kita masih kekurangan pakar-pakar sehingga kita memerlukan *expatriates* ...

Tuan Yang di-Pertua: Pegawai dagang, ya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hah! Pegawai-pegawai dagang untuk berkhidmat di negara kita. Kalau zaman dahulu, okey, Tuan Yang di-Pertua. Dahulu kita banyak pegawai dagang tetapi hari ini pegawai dagang kita pun menganggur. Macam mana kita hendak memperdagangkan pegawai kita ini... [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, 43,000 orang, tahun ini 33,000 orang dan pertukaran wang asing kita begitu banyak sekali. Apakah tindakan daripada pihak kementerian untuk mengurangkan pegawai dagang ini supaya anak-anak tempatan boleh mendagang. Terima kasih... [Ketawa]

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai. Saya telah sebut tadi perangkaan yang ada. Pegawai dagang ini, Tuan Yang di-Pertua, sektor yang utama yang mereka ceburi ialah perkhidmatan dan pembuatan iaitu *manufacturing and services*. Ini yang paling banyak sekali iaitu 15,000 orang bagi perkhidmatan dan pembuatan ialah 13,000 orang. Kalau kita lihat dari segi jumlah, Tuan Yang di-Pertua, tahun 2000, 83,000 pegawai dagang; tahun ini sudah tinggal 33,352 orang, sudah turun banyak, sudah 50,000 orang turun.

Maknanya jawatan-jawatan yang ada di dalam negara kita sudah pun diambil alih oleh pegawai-pegawai dagang kita sendiri. Bukan *expatriate*, pegawai dagang kita sendiri... [Disampuk] Pegawai pakar Malaysia sendiri. Saya yakin kalau dilihat jumlah, memang tiap-tiap tahu menurun daripada tahun 2001 sehingga tahun 2002. Memang tiap-tiap tahun menurun, Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin tahun depan akan lebih turun lagi. Ini sebenarnya adalah jumlah kecil kalau di banding pekerja asing yang lain. Kalau ikut pendaftaran 1.8 juta, kalau ikut jumlah pendaftaran yang terdapat di imigresen, yang daftar, yang tidak daftar mungkin dianggarkan dalam lebih kurang 400,000 hingga 500,000 lagi. Jadi, bermakna berbanding *expatriate* dengan pekerja asing yang lain memang jumlahnya kecil, Tuan Yang di-Pertua.

5. **Dato' Goh Siow Huat [Rasah]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan pusat *incinerator* di kawasan yang strategik di setiap daerah supaya sampah sarap tidak jadi ancaman kesihatan dan kehidupan rakyat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk mengadakan pusat *incinerator* di kawasan yang strategik di setiap daerah bagi pelupusan sisa pepejal. Penggunaan sebarang kemudahan dan teknologi akan dipertimbangkan dalam konteks pengurusan sisa pepejal bersepadu yang akan mengambil kira hierarki pengurusan sisa pepejal sebagaimana yang digariskan di dalam Pelan Strategik Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan yang telah disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Hierarki tersebut meletakkan pengurangan dan kitar semula sisa sebagai keutamaan. Bakinya dilupuskan di tapak pelupusan *sanitary*. Kerajaan telah menggalakkan pihak-pihak berkaitan untuk merawat sisa-sisa supaya dijadikan kompos tetapi disebabkan kekurangan pengalaman dan pengetahuan, cara ini belum mendapat sambutan yang memuaskan di kalangan *end-user*. Kegunaan *incinerator* dalam pengurusan sisa pepejal perlu ditimbang dengan teliti kerana penggunaannya perlu disesuaikan dengan pelbagai faktor seperti kos, lokasi, jenis sisa yang akan dirawat dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya difahamkan untuk membina sebuah pusat *incinerator* perlu kos pembinaan yang tinggi. Ini memang. Di Negeri Sembilan, di

Perhentian Tinggi ada satu tapak 200 ekar untuk buat projek *sanitary landfill*, dengan izin.

Soalan saya, adakah sistem *sanitary landfill* ini masih digalakkan di negara kita dan tidak mengancam keselamatan orang ramai? Sekian terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan sedang gunakan *sanitary landfill* seperti satu cara yang utama di dalam menguruskan sisa pepejal di negara kita dan *sanitary landfill* baru mempunyai beberapa kaedah untuk memastikan masalah-masalah berkenaan dengan pencemaran dan masalah-masalah lain yang berkaitan dengan kesihatan boleh di atasi. So, sedemikianya, pada masa sekarang, dengan teknologi-teknologi baru dan syarat-syarat baru yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan, *sanitary landfill* boleh dikatakan sebagai satu cara yang memuaskan dan boleh digunakan untuk satu jangka masa yang panjang.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Negeri Melaka pernah mencadangkan supaya pembinaan sebuah *incinerator*, kebetulan ianya terletak di kawasan Parlimen Tangga Batu di daerah Kuching.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Menyampuk]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, kenakan peraturan kepada Yang Berhormat bagi Seputeh, Tuan Yang di-Pertua, orang hendak bercakap, sibuk dia.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, tetapi rancangan itu menemui kegagalan disebabkan oleh protes dan memorandum daripada penduduk-penduduk setempat. Soalan saya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah cara kementerian untuk memberikan kesedaran kepada penduduk-penduduk tentang kepentingan pembinaan *incinerator* ini kerana ia akan menyelamatkan program-program guna tanah di negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sampai sekarang di negara kita, di mana-mana tempat kita telah mencadangkan pembinaan *incinerator* telah menerima bantahan daripada kalangan penduduk di kawasan itu. Ini kerana budaya menggunakan *incinerator* sebagai satu cara untuk melupuskan sistem pepejal belum diterima oleh rakyat kita daripada segi pengetahuan dan dari segi pengalaman. Seperti Ahli Yang Berhormat maklum, kos pembinaan dan menguruskan bagi satu *incinerator* begitu tinggi dan kalau untuk melupuskan sisa pepejal dengan menggunakan *sanitary landfill*, kosnya pada keseluruhan dengan mengambil kira kos kapital dan kos operasi dan selenggara ialah lebih kurang RM43 untuk satu tan.

Akan tetapi di sebaliknya, kalau kita gunakan *incinerator* dengan teknologi yang ada pada masa sekarang, kos keseluruhannya ialah sampai RM354 oleh perbezaannya ialah lebih kurang RM300 untuk satu tan. Pada masa sekarang, kalau boleh di mana-mana tempat yang ada tanah, yang boleh digunakan secara *sanitary landfill*, dasar daripada pihak kementerian untuk menggalakkan *sanitary landfill*, tetapi di kawasan-kawasan di mana tanah yang sesuai itu jadi satu masalah, kemungkinan menggunakan *incinerator* akan dikaji dan di dalam keadaan itu kita akan mengadakan kempen penyedaran supaya pihak penduduk boleh memahami bahawa teknologi *incinerator* sudah mencapai satu tahap di mana itu sihat dari segi kesihatan dan sihat daripada segi pencemaran alam sekitar. Terima kasih.

6. Dato' Firdaus bin Harun [Rembau] minta Perdana Menteri menyatakan, bilakah cadangan projek keretapi laju atau *Bullet Train*, dari Kuala Lumpur ke Singapura akan dilaksanakan dan implikasi kepada negara serta kesan kepada pengangkutan awam yang lain.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Saya mohon izin menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Kapit pada 12 September 2006; dan Yang Berhormat bagi Tebrau pada 4 Disember 2006, kerana menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menerima cadangan daripada pihak swasta yang berminat untuk melaksanakan projek keretapi laju ataupun *Bullet Train* dari Kuala Lumpur ke Singapura. Walaupun projek keretapi laju itu dicadang dilaksanakan secara *Private Finance Initiative* atau PFI, namun ianya perlu dikaji dengan teliti dari segi daya maju, keperluannya dan impak sosioekonomi kerana ianya melibatkan kos yang tinggi dan pengambilan balik tanah.

Sehubungan ini kerajaan telah mengarahkan Khazanah Nasional untuk menjalankan kajian impak, bagi menilai implikasi sosioekonomi projek tersebut kepada negara secara keseluruhan termasuk kesan ke atas mode pengangkutan lain. Hasil kajian impak ini kelak akan dijadikan asas untuk kerajaan membuat keputusan mengenai pelaksanaan projek tersebut.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan projek ini akan dibuat di bawah PFI dan kosnya dianggarkan RM8 bilion iaitu kira-kira RM35 bilion per kilometer berbanding dengan RM120 million ke RM150 million per kilometer untuk projek yang sama di negara-negara Barat dan memandangkan sambutan yang baik daripada semua pihak termasuk pihak peniaga, pihak pengguna dan juga untuk meningkatkan pelancongan antara kedua negara, jadi adakah kerajaan akan menyetujui projek ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebut di sini bahawa kita kena membuat kajian impak terlebih dahulu kerana kalau kajian tidak dibuat, apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu cuma spekulasi sahaja. Pandangan-pandangan yang mungkin tidak mewakili majoriti kerana kita ada banyak lagi masalah yang lain, masalah seperti apa akan jadi kepada Johor. Sebagai contoh, kalau sekiranya Singapura itu ada hubungan terus tetapi *Bullet Train* ini dari Kuala Lumpur ke Singapura. Bagaimana dengan rancangan kita untuk menjadikan selatan Johor itu sebagai tempat di mana pertumbuhan ekonominya besar. Jadi banyak masalah yang harus kita kaji terlebih dahulu. Sebab itulah kerajaan telah mengarahkan Khazanah Nasional untuk menjalankan kajian impak bagi menilai implikasi sosioekonomi projek ini.

7. Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya] minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah perkembangan kemajuan kajian ke atas wabak HFMD yang telah dilakukan oleh UNIMAS dan memandangkan gelombang kedua wabak ini sedang melanda Sarawak di mana telah mengorbankan seorang lagi bayi berumur tujuh bulan, apakah usaha aktif kerajaan dalam menangani permasalahan ini dan adakah kemungkinan penemuan imunisasi untuk wabak ini ditemui dalam masa terdekat.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, kajian penyakit tangan, kaki dan mulut atau *hand, foot and mouth disease*, dengan izin, masih lagi tinggi di Sarawak. Kerajaan, khususnya Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak masih lagi meneruskan aktiviti-aktiviti pencegahan dan pengawalan penyakit tersebut. Ia termasuk:

- (i) pengesanan kes secara aktif;
- (ii) pemeriksaan taska, tadika, tabika dan sekolah rendah;
- (iii) rawatan kes HFMD di hospital dan rujukan kes hospital dengan pakar bagi rawatan lanjut; dan
- (iv) komunikasi risiko kepada orang awam, khususnya jabatan-jabatan kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan yang terlibat dengan pengendalian kanak-kanak.

Bantuan pakar kanak-kanak dan kakitangan perubatan dan kesihatan yang lain telah dihantar dari Semenanjung untuk membantu negeri Sarawak menangani masalah ini.

Mengenai penyelidikan ke atas vaksin untuk penyakit tersebut, ia sedang dijalankan, tetapi penghasilannya akan memerlukan masa yang lebih panjang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Timbalan Menteri. Kita melihat setakat ini kes terkumpul bagi kes ini ialah

13,800, begitu besar jumlahnya. Di mana semalam sahaja 23 kes baru dilaporkan dengan 10 kes dimasukkan ke dalam wad. Kalau kita melihat setakat ini 13 kematian telah dilaporkan, jadi saya melihat kepada apa yang dikatakan "*prevention is better than cure*", dengan izin.

Jadi soalnya, setakat manakah keberkesanan? Maksudnya kita dapat sampai kepada kumpulan sasaran dalam kita menangani atau memberi penerangan tentang perlunya menjaga kebersihan di kawasan-kawasan yang terlibat, terutamanya masyarakat di luar bandar dengan keadaan geografi Sarawak yang begitu rumit. Setakat manakah usaha ini telah dijalankan? Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan yang amat baik daripada Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Sebenarnya bulan lepas saya sendiri Tuan Yang di-Pertua turun padang bersama dengan Yang Berhormat bagi Baram bagi mengenal pasti dan mempelajari selok-belok endemiknya penyakit tersebut. Ekoran daripada itu, saya dapat taklimat yang mutakhir sebab di Sarawak ia, dengan izin, *pocket of areas* di Merudi, Baram, Miri, Sibu dan juga sebahagian kecil di Kuching. Kita kena faham bahawa penyakit HFMD ialah penyakit yang endemik dan cara jangkitan adalah *horrifically* dengan izin, dan dia mudah.

Oleh kerana dia mudah berjangkit, dan cara hendak mengawalinya juga mudah jika kita dapat sampaikan maklumat mengenai personal *hygiene*, kesihatan diri yang boleh diamalkan oleh semua orang. Ekoran daripada umpamanya saya lihat di Baram dan Marudi, ada tadika dah tutup tetapi penerangan kepada ibu atau mereka yang menjaga itu tidak jelas, bahasa yang digunakan hanya bahasa Malaysia, jadi kita hendak beri lebih banyak risalah dalam bahasa-bahasa tempatan umpamanya dan usaha-usaha melakukan penerangan dan pendidikan kepada orang ramai terus dijalankan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita nampak di Sarawak yang memberi penerangan yang bercakap adalah hanya Timbalan Ketua Menteri Tan Sri George Chan. Kita tidak nampak pegawai ataupun Menteri, Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen dari sini bercakap memberi penerangan, memberi anuran kepada orang di Sarawak bahawa mereka akan menangani masalah ini dengan cara yang aktif, cara yang segera. Jadi yang kita lihat yang memberi *press statement* sering Menteri Pertanian Negeri Sarawak. Mengapakah ini berlaku, dan apakah bukti yang kita dari sebelah sini memang serius tentang perkara ini?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih, soalan yang amat mencabar daripada Yang Berhormat bagi Sri Aman...*[Ketawa]*Terima kasih ingatkan kami, sebenarnya, tidak wujud pecahan kuasa bila Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Datuk Dr. George Chan mengetuai. Ini adalah persetujuan yang sudah kita persetujui bahawa dia adalah peringkat negeri maknanya Tan Sri Datuk Dr. George Chan sudah bersetuju, dan kita ada satu *joint committee*. Saya dan juga Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah pun diarahkan oleh Yang Berhormat Menteri untuk melihat perkara tersebut. Dan apa juga kekangan kalau ada masalah kewangan atau ada masalah komunikasi kenderaan itu semua Kerajaan Pusat akan beri bantuan secara terus menerus. Walaupun ada *second way* ke *third way commitment* kita kepada isu tersebut di Sarawak macam biasa dan tidak pernah kurang walaupun yang banyak bercakap adalah Timbalan Ketua Menteri Sarawak.

8. Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai] minta Menteri Pelajaran menyatakan, betapa seriusnya masalah disiplin pelajar terutama sekali masalah buli di sekolah dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya?

Menteri Pelajaran [Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat sebanyak sembilan pertanyaan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan disiplin pelajar yang menyentuh dan mengenai jenis-jenis salah laku pelajar, tindakan serta langkah mengatasinya. Pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Padang Serai; Bukit Mertajam; Gelang Patah; Kuala Krau; Hulu Langat; Lanang; Alor Setar; Bintulu; dan Padang Serai pada 21 Ogos; 24 Ogos; 28 Ogos; 12 September; 13 September; 7 November; 14 November; dan 23

November. Saya mohon izin untuk menjawab kesemua soalan ini secara serentak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran menyedari bahawa masalah disiplin pelajar masih dan terus akan berlaku. Walau bagaimanapun, hasil kerjasama semua pihak Kementerian Pelajaran mendapati terdapat penurunan dalam kes-kes disiplin murid di sekolah. Bagi tahun 2005 penurunan adalah sebanyak 0.33% iaitu daripada 2.7 % bagi tahun 2004, kepada 1.74% bagi 2005. Kes salah laku mengikut klasifikasi yang dipungut melalui sistem salah laku disiplin murid atau SSDM menunjukkan penurunan salah laku jenayah sebanyak 0.08%, lucah menurun sebanyak 0.01%, kekemasan diri menurun sebanyak 0.05%, tidak pentingkan masa telah menurun sebanyak 0.01%, kurang sopan menurun sebanyak 0.07%, dan ponteng menurun sebanyak 0.11%.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat tingkah laku yang melibatkan gejala buli dan gengsterisme seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Padang Serai dan juga Yang Berhormat Alor Setar yang berlaku di sekolah-sekolah adalah kecil bilangannya jika dibandingkan dengan beberapa buah negara lain di bawah 0.03% berbanding umpamanya 16% di Amerika Syarikat mengikut kajian National Institute of Child Health and Human Development atau NICHD dengan izin. Walaupun bilangannya kecil, Kementerian Pelajaran Malaysia tetap mengambil serius perkara ini dan terus berusaha membanteras hingga ke akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tindakan buang sekolah, seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Lanang, bagi tempoh tahun 2005 sehingga sekarang tidak ada kes murid sekolah rendah yang dikenakan tindakan buang sekolah. Manakala bilangan murid sekolah menengah yang dikenakan tindakan buang sekolah pada tahun 2005 adalah 7,493 orang. Manakala bagi Januari hingga Jun 2006 adalah seramai 2,322 orang. Kebanyakan kes yang dikenakan tindakan buang sekolah adalah kerana kesalahan ponteng sekolah iaitu seramai 6,998 orang pada tahun 2005 dan 2,208 dalam tempoh Januari hingga Jun 2006. Untuk makluman tiada kes murid yang dibuang sekolah disebabkan prestasi pencapaian akademik mereka yang lemah. Demi untuk masa hadapan pelajar-pelajar ini, kementerian tidak mengabaikan mereka dan mengambil langkah berikut:

- (i) mereka dibenarkan merayu untuk bersekolah semula; dan
- (ii) mereka perlu menjalani satu program pemulihan jati diri yang dilaksanakan di pusat-pusat kurikulum negeri.

Pada tahun ini seramai 600 orang murid menjalani program ini di seluruh negara yang bermula pada Julai hingga Oktober 2006. Program ini telah dimulakan di negeri Perlis dan Kedah pada 20 hingga 26 Julai 2006 yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah-masalah disiplin, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil beberapa langkah yang wajar. Sepanjang tahun 2005, Pasukan Flying Skwad Kementerian, Pasukan Pemantau Jabatan Pelajaran Negeri, dan juga Pejabat Pelajaran Daerah telah turun padang membuat pemantauan aspek disiplin murid di 1,624 buah sekolah menengah dan rendah di seluruh Negara. Sejak Januari hingga Mac 2006, pasukan tersebut telah turun memantau sejumlah 423 lagi buah sekolah di seluruh negara. Mengenai aduan yang diterima sejak Januari hingga Mac 2006, kita telah menerima sejumlah 18 aduan berkaitan disiplin murid. Enam daripada aduan tersebut adalah melalui laman *web*. Saluran lain melibatkan satu melalui *hotline*, tiga melalui e-mel, satu melalui faksimile, tiga melalui surat, dan empat melalui akhbar. Kesemua aduan tersebut telah disiasat, dan tindakan telah diambil terhadap aduan-aduan yang kita terima.

Mengenai program-program kesedaran pula pada 8 Mac 2006, kementerian telah melancarkan Kempen Anti Buli peringkat kebangsaan, laman web aduan disiplin, poster anti buli yang baru serta buku panduan pengurusan anti buli. Selain daripada itu kementerian juga telah bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia atau PDRM, PIBG, badan-badan bukan kerajaan yang lain serta masyarakat setempat. Kementerian Pelajaran juga telah memantapkan semula peraturan disiplin sekolah. Dan hasil daripada memorandum menangani gejala disiplin di sekolah yang telah pun dipersetujui oleh Jemaah

Menteri, kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM6.1 juta bagi melaksanakan program-program tambahan yang telah dirangka di bawah Jawatankuasa Induk menangani gejala disiplin yang diwujudkan sejak tahun 2004 ini. Terima kasih.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Menteri yang telah memberikan jawapan yang begitu teliti dan mengucapkan tahniah, nampaknya ada penurunan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita lihat persepsi yang ada di kalangan orang ramai ialah masalah disiplin di sekolah-sekolah ini semakin lama semakin serius. Dan kita lihat bahawa perkara ini amat membimbangkan. Daripada angka yang telah disebutkan oleh Dato' Menteri, bahawa terdapat 7,493 yang dibuang pada tahun lepas, kita lihat ada juga di mana saya terima angka 15,148 pelajar telah digantung. Dan kita lihat bahawa mungkin sebab-sebab disiplin ini ialah kerana sistem pendidikan kita yang sedia ada. Di mana penekanan kita adalah terlalu pihak kepada akademik sahaja, mungkin kita tidak memberi penekanan yang cukup dari segi menerapkan nilai-nilai murni dan juga pendidikan moral.

Adakah pihak kementerian bercadang untuk mengkaji semula sistem yang sedia ada supaya lebih lagi penekanan diberikan dari segi pendidikan moral supaya pelajar-pelajar kita akan menjadi seorang insan yang lebih sempurna dari semua segi. Terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Dua perkara, satu ialah berhubung kait dengan penggembleran semua pihak untuk mengatasi masalah ini. Untuk meletakkan beban dan juga tanggungjawab ini hanya kepada bahu dan kepala sekolah saya rasa tidak adil. Sebab itu usaha kita sekarang ialah untuk melibatkan seramai mungkin mereka yang berkepentingan untuk bersama-sama dengan kita menanganinya dan satu-satunya pihak yang paling penting ialah sokongan daripada media massa. Sebab itu persepsi yang disebutkan tadi perlu kita tangani dengan angka dan fakta yang tepat supaya ianya tidak menimbulkan keresahan di kalangan ibu bapa kita yang menghantar anak-anak mereka di sekolah-sekolah kita.

Mengenai kedua, berhubung kait dengan kurikulum dan juga kokurikulum di sekolah. Saya telah umumkan sebelum ini bahawa kita sekarang ini sedang merintis cara bagaimana perkara-perkara yang bukan sahaja menjurus kepada pencapaian akademik, juga dapat diperhebatkan dan juga dipelbagaikan di sekolah dan melalui keputusan Jemaah Menteri, penekanan kepada kokurikulum dan juga pendidikan moral dan membina jati diri di peringkat sekolah sedang dirintis untuk Rancangan Malaysia Kesembilan ini supaya kalau ianya berjaya, ianya dapat diperluaskan kepada kesemua sekolah kita di bawah Rancangan Kesepuluh dan Sebelas.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat jawapannya ialah walaupun ada banyak langkah yang telah diambil tetapi adalah sepertinya mana sakitnya, dia beri ubat di situ tetapi saya rasa masalah ini adalah lebih rumit. Saya rasa ada sebahagian besar adalah berkaitan dengan apa yang berlaku di rumah, di keluarganya. Jadi saya rasa adalah perlunya kementerian ini bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat supaya memberi penjagaan yang baik kepada kanak-kanak yang dari rumah-rumah ataupun keluarga-keluarga yang perlu bantuan. Kalau kita tak ada satu sistem sokong ataupun *family support system*, saya rasa kita tidak dapat menyelesaikan masalah di situ. Jadi apakah rancangan yang ada untuk menyelesaikan menangani masalah ini secara lebih mendalam dan juga jangka masa panjang? Terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya setuju Yang Berhormat. Kita telah pun mengenal pasti di antara faktor yang mempengaruhi salah laku tersebut merangkumi didikan ibu bapa, masalah rumah tangga, peranan media, gejala sosial dalam masyarakat, pengaruh persekitaran seseorang murid serta faktor-faktor di sekolah itu sendiri. Oleh itu saya juga bersetuju Kementerian Pelajaran Malaysia memerlukan kerjasama semua pihak bagi menghadapi masalah disiplin murid. Sebab itulah di bawah Jawatankuasa Induk menangani gejala disiplin murid, kita telah pun mewujudkan empat Jawatankuasa Bertindak. Satunya untuk menangani isu-isu yang berhubung kait dengan masalah yang kita hadapi di sekolah. Satu lagi bagi pendekatan perundangan dan penguatkuasaan di mana kita akan lihat kepada peraturan dan undang-undang yang sedia

ada sama ada mencukupi untuk menangani isu ini. Ketiganya, Jawatankuasa Bertindak bagi pendekatan psikologi dan juga kesihatan. Dan itu juga kita mengambil kira dari segi pemikiran dan juga suasana yang *conducive* termasuk juga suasana di rumah murid-murid berkenaan.

Dan akhir sekali, Jawatankuasa Bertindak bagi pendekatan masyarakat. Sebab itu kita mempunyai kaedah yang menyeluruh dan kita telah pun melibatkan semua pihak bukan sahaja di peringkat Jawatankuasa Induk tetapi di peringkat Jawatankuasa Bertindak untuk memastikan bahawa punca-punca yang telah pun dikenal pasti dapat ditangani bersama dan juga mendapat satu perancangan yang menyeluruh dan holistik dan insya-Allah ianya dapat menurunkan semula, menghapuskan sifarnya masalah disiplin, saya rasa mustahil tetapi sekurang-kurangnya menurunkan insiden-insiden berkenaan. Paling penting ialah persepsi dan juga sokongan daripada orang ramai.

9. Tuan Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kementerian untuk membantu nelayan Sungai Muar yang terdapat di Daerah Segamat yang sering kali sungai tersebut ditabur racun/bahan toksik dan membunuh kehidupan di dalam sungai tersebut.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani kes sama ada menabur racun atau bahan toksik di Sungai Muar yang telah membunuh kehidupan di dalam sungai, tindakan bersepadu antara semua agensi yang mempunyai bidang kuasa memang dilaksanakan. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar bertanggungjawab memantau status kualiti air sungai secara umum termasuk Sungai Muar dengan mengadakan stesen-stesen pengawasan kualiti air sungai di mana Sungai Muar dikategorikan sebagai sederhana tercemar. Jabatan Alam Sekitar juga sedang mempertingkatkan pelaksanaan penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemaran yang tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya bagi memastikan sebarang pelepasan dari punca-punca tersebut sentiasa mematuhi standard pelepasan yang ditetapkan.

Kawalan dibuat di peringkat punca khususnya punca-punca tetap, *point of sources* dengan izin, seperti industri dan loji pengolahan kumbahan di mana sebelum *effluent* dan sisa kumbahan dilepaskan ke dalam sungai, ia perlu dirawat di loji-loji pengolahan dan mematuhi standard yang ditetapkan. Bagi kawalan pencemaran buangan toksik dan berbahaya yang dikategorikan sebagai buangan terjadual, Jabatan Alam Sekitar juga mempertingkatkan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan tiap berlakunya pelupusan haram dan prosedur pengurusan buangan ini dipatuhi sepenuhnya oleh pihak-pihak yang terlibat. Seperti mereka yang mengeluarkan buangan, ataupun kontraktor pengangkutan ataupun mereka yang mempunyai kemudahan penerimaan buangan terjadual.

Bagi kegiatan menuba ikan, ini pihak polis yang sentiasa bertanggungjawab mengawasinya. Pihak nelayan pula boleh membantu menangani kegiatan menabur racun bahan toksik ke dalam sungai dengan membuat laporan polis dan memberi maklumat segera jika mereka mengetahui pihak yang bertanggungjawab melakukan kegiatan tersebut. Dengan adanya laporan dan aduan tersebut, semua agensi yang mempunyai bidang kuasa akan melaksanakan siasatan dan mengambil tindakan secara bersepadu. Terima kasih.

Tuan Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membuat jawapan. Tuan Yang di-Pertua, daripada pemerhatian yang dibuat atau kajian yang dibuat, kita mendapati bahawa sekurang-kurangnya tiga spesis ikan ataupun hidupan dalam sungai itu telah pupus hasil daripada kegiatan-kegiatan yang tidak bermoral ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua soalan saya, apakah kementerian berhasrat untuk membuat kajian yang lebih terperinci secara saintifik mengenai masalah yang dihadapi? Lagi pun sungai tersebut adalah merupakan bekalan sumber air kepada utara Johor dan negeri Melaka. Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi penguatkuasaan. Sebab saya tidak nampak lagi penguatkuasaan dijalankan kepada

mereka yang terlibat ini dan kalau kementerian telah ada penguatkuasaan yang telah dijalankan, adakah, berapakah bilangan yang telah didakwa ataupun yang telah pun diambil tindakan? Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Memandangkan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu adalah isu yang saya lihat, kemungkinannya adalah isu jangka panjang. Oleh sebab, kalau sebenarnya, Yang Berhormat mengatakan tiga jenis ikan telah pun pupus. Juga saya pun difahamkan bahawa kematian ikan-ikan ini berlaku pada musim-musim kering di mana kemungkinannya bahan-bahan toksik dalam sungai itu terlalu pekat ataupun *concentrated*. Maka ini bermaknanya ada sumber-sumber tertentu yang mengeluarkan bahan-bahan toksik. Cuma pihak kementerian saya akan bekerjasama dan kami pun telah meminta pihak pegawai untuk bekerjasama dan memberitahu kepada Kementerian Pertanian, khususnya Jabatan Perikanan supaya memulakan siasatan secara saintifik.

Saya bersetuju perlu diadakan satu siasatan secara saintifik menentukan apakah bahan-bahan toksik yang mewujudkan masalah ini? Ini Yang Berhormat, saya rasa amat wajar dilakukan memandangkan bahawa mengikut apa yang saya ada di sini ialah kedudukan Sungai Muar. Sungai Muar walaupun kualiti kecemarannya pada tahun 1996 menurun hampir ke tahap indeks kualiti yang...

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Yang lebih teruk, tapi hari ini meningkat. Meningkat ke arah yang lebih baik. Bermaknanya ada tindakan-tindakan yang tertentu telah diambil untuk membersihkan sungai berkenaan. Namun demikian, saya akan terus menerima cadangan Yang Berhormat supaya siasatan terperinci dibuat. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tangga Batu pun mempunyai kepentingan di dalam persoalan ini Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama sekali kerana pesalah-pesalah yang ditangkap kerana membuang toksik di Sungai Muar ini adalah datangnya daripada kilang-kilang yang beroperasi di Tangga Batu. Yang Berhormat Menteri turun ke Tangga Batu saya ucap terima kasih Datuk. Dia *round* habis pantai, tengok Parlimen Tangga Batu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Soalannya Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap tentang pencemaran di peringkat hiliran ini, masalahnya tidak akan selesai Yang Berhormat Menteri. Kerana hulunya adalah bagaimana, saya sebut kementerian yang lain pula. Kementerian Sumber Manusia di bawah Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan menentukan senarai-senarai *hazardous chemical list* ini, MSDS, senarai MSDS ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi termasuklah hasil-hasil, produk-produk yang dikeluarkan sama ada dalam bentuk produk ataupun buangan. Jadi ini yang penting. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah apakah bentuk kerjasama di antara Kementerian Alam Sekitar dengan Kementerian Sumber Manusia di peringkat hulu, di peringkat *upstream* ini bagi menyelesaikan masalah hiliran.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan ada cadangan untuk mewujudkan satu sistem dikatakan *the river basin, river basin management*. Walaupun pengurusan lebar sungai yang bermaknanya daripada tahap permulaan sungai hingga ke akhir penghujung sungai akan dicadangkan, diuruskan oleh satu badan. Ini perlu sekali memandangkan bahawa ada tempat-tempat di mana sungainya bermula di sebuah negeri. Di pertengahannya masuk ke negeri lain dan keluar kepada negeri lain. Maka bidang kuasa untuk mengurus sungai berpecah juga bukan sahaja kepada negeri bahkan kepada beberapa Pihak Berkuasa Tempatan. Ini kadangkala membawa kerumitan kepada kualiti dan juga pengurusan. Oleh sebab itu ada cadangan yang akan dan sedang digubal untuk diwujudkan satu badan. Sudah pun ada keputusan Kabinet untuk mengurus sumber-sumber air. Bermaknanya ini akan meletakkan di bawah

Kementerian Tenaga Air supaya pada akhirnya kualiti air yang diminum akan dapat dikawal daripada punca sampai ke akhir. Terima kasih Yang Berhormat.

10. Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis] minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh mana ancaman kumpulan ajaran sesat dan senaraikan nama kumpulan ajaran sesat yang masih aktif di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Pro. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]: Tuan Yang di-Pertua, ancaman ajaran sesat terhadap keselamatan negara dan agama adalah di antaranya seperti berikut:

- (i) mendorong kepada melakukan pembunuhan atau mendatangkan kecederaan terhadap orang ramai;
- (ii) menyumbang kepada perpecahan ummah dan menghancurkan Islam dari dalam;
- (iii) cuba mengubah ajaran agama dengan cara membuat takwilan sendiri;
- (iv) timbulnya berbagai-bagai keganasan dan ketegangan dalam masyarakat; dan
- (v) berlaku keretakan dalam sesebuah rumah tangga atau keluarga dan seumpamanya.

Antara kumpulan ajaran sesat yang didapati masih aktif di negara ini walaupun jumlahnya tidak membimbangkan. Antaranya ialah ajaran Haji Ghazali bin Osman; ajaran Haji Kahar bin Ahmad; ajaran Anti Hadis; ajaran Tarekat Naqshabandiah Khalidiah Syeikh Nazim; ajaran Aurat Ismailiah; Tarekat Naqshabandiah Qadirun Yahya; ajaran Ayah Pin ataupun Ariffin Mohamad; kumpulan bekas Al-Arqam; dan boleh disebut juga ialah ajaran Kadiyani walaupun difatwakan terkeluar daripada Islam; dan beberapa ajaran-ajaran lain yang saya rasa tidaklah begitu membimbangkan.

Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baru-baru ini, ada mufti yang mengatakan ramai umat Islam negara ini yang telah menjadi murtad. Jadi persoalannya adakah perkara ini berlaku ada kaitannya dengan ajaran-ajaran sesat ini dan adakah ajaran-ajaran sesat ini dipengaruhi oleh gerakan-gerakan luar negara, daripada luar negara yang mungkin secara sistematik untuk merosakkan keamanan negara ini? Pohon jawapan.

Pro. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Bahagian pertama daripada soalan yang ditimbulkan ialah terhadap dakwaan Mufti Sahibul Samahah Mufti Perak, yang mendakwa angka yang begitu besar dalam dakwaan pertama iaitu pada bulan Februari, 250 ribu. Kemudian yang terbaru 100 ribu dan selepas itu membuat angka yang lain pula ialah 120 ribu.

Dakwaan tersebut sebenarnya menurut pandangan JAKIM tidak tepat kerana berdasarkan kepada sumber-sumber rujukan yang tidak boleh dipertanggungjawabkan seperti rujukan yang didapati di internet, di laman-laman web, musuh-musuh Islam. Selain daripada itu, JAKIM telah diminta oleh Perdana Menteri untuk membuat laporan kepadanya tentang isu ini dan JAKIM akan menyerahkan laporan tersebut dalam sedikit masa lagi. Selepas itu Perdana Menteri akan memanggil ulama-ulama untuk menjelaskan pandangan kerajaan terhadap dakwaan tersebut.

Manakala bahagian kedua, apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat, iaitu tentang ajaran-ajaran sesat ini, adakah ia berasal daripada luar negara? Jadi kita dapati sebahagian besar ada yang datangnya dari luar negara seperti tarekat-tarekat sebagaimana yang saya sebut tadi. Seperti tarekat Naqshabandiah Qadarun Yahya dari Indonesia; tarekat Syeikh Nazim dari Syprus dan juga London; Kadiyani misalnya daripada India dan Pakistan, Ayah Pin saya rasa di luar dari luar negara, dari langit, sebab dia adalah kerajaan langit. Kesimpulannya adalah dakwaan-dakwaan mereka ini berkisar di sekitar nikah batin bolehkah tidak, mereka mendakwa misalnya ada Nabi di kalangan orang Melayu seperti Adi Kaha, kemudian beberapa dakwaan-dakwaan lain seperti menerima

wahyu dan persoalan-persoalan kerohanian dalam Islam iaitu tarekat, cara-cara untuk jalan pintas ke syurga dan sebagainya.

Persoalan-persoalan tersebut sangat menarik kepada golongan-golongan yang jahil tentang agama, terutama di perkampungan-perkampungan iaitu di luar bandar dan juga mungkin di luar bandar yang agak sukar bagi penguasa agama negeri-negeri Jabatan Agama, Majlis Agama untuk memantaunya kerana sesetengahnya pada siang hari tidak menyeleweng, malam hari menyeleweng. Jadi, dia kadang-kadang duduk di pejabat, Tuan Yang di-Pertua menyeleweng, balik ke rumah menyeleweng. Jadi angkanya tidaklah begitu membimbangkan, hanya sekian.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Soalan tambahan saya, kita tahu bahawa pendatang haram ataupun pendatang asing sering menimbulkan masalah kepada keharmonian sosial di negara kita. Apakah kerajaan ataupun pihak kementerian atau kerajaan mempunyai maklumat, terdapat pendatang-pendatang asing ataupun pekerja asing yang terlibat secara terus dengan ajaran sesat di negara kita, terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya rasa tidak banyak. Laporan yang kita terima sebab apa pekerja-pekerja asing ini dia penat bekerja pada siang hari. Saya rasa malam tidak ada masa untuk mengamalkan ajaran-ajaran yang tersendiri tetapi, yang kita dapati misalnya kebanyakan ajaran-ajaran sesat di Malaysia ini adalah dari pintu tarekat. Maksud saya daripada pintu tarekat ini, iaitu pada mulanya mereka berkumpul untuk mengamalkan wirid-wirid, zikir-zikir yang tertentu dalam masyarakat kemudian ditambah pula dengan beberapa insentif yang boleh menarik minat terutama misalnya konsep nikah batin ataupun konsep bergaul secara tidak ada batasan misalnya seperti ajaran Ayah Pin iaitu mengamalkan ajaran saya rasa sejak lama. Di Besut di kawasan saya iaitu mengamalkan zikir dengan menyebut cara zikir yang kuat tengah malam di kawasan yang terpencil kemudian untuk menarik minat orang ramai apabila berzikir itu bercampur di antara lelaki dan perempuan. Jadi ini mula unsur-unsur ajaran sesat itu.

Jadi, apabila lama-kelamaan dia dipuja dan sebagainya akan lebih meningkat lagi daripada suatu keadaan kepada suatu keadaan yang lebih selesa baginya iaitu dengan dakwaan-dakwaan yang palsu. Inilah punca terbesar timbulnya ajaran-ajaran sesat. Selain daripada punca-punca yang lain seperti untuk berkuasa dengan adanya gerakan militan dan sebagainya untuk menambah kuasa ataupun menimbulkan ketegangan dalam masyarakat seperti Al-Maunah dan lain-lain lagi. Jadi saya rasa daripada pekerja-pekerja asing itu tidak banyak kita dapat adanya penyelewengan kerana mereka penat bekerja, mereka hendak mencari makan dan mereka tidak dapat menyebarkan ajaran tadi. Sekian.

11. Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan tentang masalah yang dihadapi pemandu-pemandu teksi di KLIA, bilakah perkara ini boleh diselesaikan.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Mohamed Khaled bin Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, ada dua masalah yang dihadapi oleh pemandu-pemandu teksi di KLIA. Pertama pemandu-pemandu yang mengusahakan teksi Airport Limo Malaysia Sdn. Bhd apabila pada tahun 2001, syarikat ini menawarkan Skim Usahawan menggantikan Skim Bergaji. Kementerian berpendapat masalah ini telah selesai kerana 98% pemandu-pemandu syarikat ini telah pun menyertai Skim Usahawan dan hanya 2% sahaja masih kekal dalam Skim Bergaji. Kedua isu perpindahan 102 teksi kendalian Syarikat KLAS Sdn. Bhd dari terminal utama KLIA ke Terminal Lapangan Terbang Tambang Murah ataupun LCCT, dengan izin.

Syarikat KLAS telah beroperasi di terminal Utama KLIA semenjak tahun 2002 atas permintaan Syarikat Airport Limo Malaysia Sdn. Bhd untuk membantu memenuhi keperluan penyediaan teksi sebagaimana yang disyaratkan dalam perjanjian perkhidmatan mereka. Walau bagaimanapun, dengan terbukanya terminal lapangan terbang murah, jumlah penumpang yang menggunakan terminal utama KLIA telah berkurangan dan pada masa yang sama syarikat Airport Limo Malaysia Sdn. Bhd telah pun meningkatkan jumlah teksi yang dilesenkan kepadanya.

Memandangkan syarikat Airport Limo tidak lagi perlu bantuan daripada Syarikat KLAS dan kerana pihak kementerian tidak mahu pemandu-pemandu Syarikat KLAS menghadapi masalah, maka kementerian telah membenarkan Syarikat KLAS memindahkan operasi perkhidmatan mereka ke Terminal Lapangan Terbang Tambang Murah. Memang pada mulanya terdapat bantahan daripada beberapa pemandu Syarikat KLAS tetapi pada hari ini, kementerian berpendapat isu ini dianggap selesai kerana semua mereka sudah pun beroperasi di Terminal Lapangan Terbang Tambang Murah.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Masih pengguna-pengguna atau penumpang-penumpang di KLIA menghadapi masalah. Masalah nombor satu ialah kadang-kadang tunggu lama sampai satu jam. Nombor dua, kita pun menghadapi perkara-perkara dengan izin, *tout*. Ini bagi satu imej yang tidak baik. Bolehkah tidak kerajaan membenarkan teksi biasa yang ambil penumpang dari KLIA seperti *airport guard line*, seperti Heathrow di London dan Changi di Singapura.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai isu *tout*, perkara ini diberikan perhatian secara bersama bukan sahaja oleh kementerian tetapi juga termasuklah Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga pihak Polis. Mengenai soal membenarkan teksi biasa untuk mengambil penumpang di lapangan terbang KLIA, buat permulaan dan pada ketika ini kita telah membenarkan di terminal Lapangan Terbang Tambang Murah.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah pecahan atau *portion* sumbangan teksi dalam menyediakan kemudahan pengangkutan KLIA berbanding dengan pengangkutan awam yang lain sebab teksi memainkan satu peranan yang begitu penting sebab ramai pelancong dari luar negeri masuk ke negara kita, dan teksi adalah salah satu alat yang pertama melalui masuk ke negara kita. Saya minta penjelasan yang menteri, terima kasih.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Secara puratanya buat ketika ini, keperluan teksi pada setiap hari yang digunakan adalah dalam lingkungan 800 baik di KLIA, main terminal mahupun di Terminal Lapangan Terbang Tambang Murah dan penggunaan itu adalah kurang daripada jumlah teksi yang telah kita lesenkan. Maknanya dari segi jumlah teksi yang disediakan, yang dilesenkan adalah lebih besar daripada jumlah permintaan, terima kasih.

12. Dato Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, sejauh mana penyelarasan operasi dalam soal pengeluaran gula bagi pasaran domestik dan apakah bentuk tindakan yang boleh diambil sekiranya pengusaha kilang gula hanya menumpukan kuota eksport sahaja.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Pahat pada 23 Ogos dan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh pada 14 September; Yang Berhormat bagi Kuala Krau, Yang Berhormat bagi Jerlun 19 September; Yang Berhormat bagi Sri Aman pada 7 November; Yang Berhormat bagi Kuala Selangor 14 November; Yang Berhormat bagi Serian 15 November; dan Yang Berhormat bagi Kampar 16 November; Yang Berhormat bagi Lubuk Antu 27 November; Yang Berhormat bagi Indera Mahkota; dan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang pada 5 Disember; dan Yang Berhormat bagi Gelang Patah, kerana soalnya adalah sama. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi menangani isu bekalan gula di pasaran tempatan. Langkah-langkah yang bersesuaian telah diambil setelah mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak tertentu termasuk industri, kementerian-kementerian yang terbabit dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Di antara langkah-langkah penyelarasan operasi mengatasi masalah gula di pasaran tempatan ialah seperti berikut.

Kerajaan telah mengarahkan kilang-kilang gula supaya meningkatkan pengeluaran mereka antara 10 hingga 15 peratus bagi memenuhi keperluan pengguna, kementerian juga ada menetapkan pegawai penguat kuasa di kilang-kilang gula bagi memastikan kilang tersebut mematuhi arahan kerajaan mulai bulan Ogos 2006. Pegawai penguat kuasa kementerian akan memantau proses pengeluaran dan pengedaran kilang-kilang gula dan membuat laporan sebanyak tiga kali sehari.

Satu pada jam 12 tengah hari, lima petang dan lapan setengah malam ke ibu pejabat. Maklumat tersebut akan disampaikan ke cawangan-cawangan kementerian yang berkaitan untuk memastikan gula benar-benar sampai ke destinasi. Kilang gula juga diminta mengemukakan laporan pengeluaran harian kepada kementerian supaya bekalan dalam pasaran dapat dipantau.

Pemeriksaan akaun pemborong gula juga dibuat untuk memastikan mereka tidak cuba membuat simpanan stok yang banyak. Ketiga, kilang gula juga telah diminta membekalkan terus gula kepada *hypermarket*, *supermarket* di samping memberi arahan supaya pihak industri berasaskan gula mendapat bekalan gula terus daripada kilang. Pihak industri berasaskan gula pun boleh mendapatkan bekalan gula dengan harga domestik, harga kawalan Kerajaan iaitu RM1.40 sen sekilogram bagi keperluan biasa industri tersebut yang didasarkan kepada tahun 2005.

Manakala bagi permintaan yang melebihi daripada keperluan biasa, pihak industri tersebut perlu membeli gula pada harga pasaran eksport lebih daripada RM1.70 sen sekilogram daripada kilang. Keputusan juga telah dibuat di mana kilang-kilang gula dikehendaki membuat keutamaan memenuhi permintaan dalam negara terlebih dahulu dan sebelum dibenarkan mengeksport. Pihak MITI hanya akan memberikan AP eksport gula bertapis kepada kilang gula yang memenuhi kuota pengedaran gula dalam pasaran tempatan.

Di samping itu pihak kilang juga, pengilang telah dikehendaki untuk mengeluarkan lebih banyak gula kasar berbanding gula halus kerana gula kasar adalah merupakan satu gula yang dikawal harganya manakala gula halus tidak dikawal oleh pihak kerajaan.

Dato' Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih lah kepada Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri menjawab soalan yang berkaitan dengan gula, isu yang begitu hangat berlaku pada waktu ini di negara, terima kasih lah. Dengan keadaan penguatkuasaan, dengan keadaan pemantau yang begitu baik oleh pihak kementerian, agaknya bilakah pihak kementerian menganggap yang perkara ini boleh diselesaikan? Kerana saya bimbang hari-hari perayaan akan hampir tiba, Hari Raya, Gong Xi Fat Choi dan sebagainya jadi bila agaknya perkara ini boleh dapat diselesaikan dengan keadaan seperti biasa dahulu. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat yang telah membangkitkan agak spesifik iaitu bilakah agaknya kita boleh atasi perkara ini dengan secepat yang mungkin. Memang pihak Kerajaan hendak menyelesaikan masalah ini sebaik mungkin. Saya akui, masih lagi terdapat di beberapa tempat beberapa negeri yang berhadapan dengan masalah ini, contohnya di sedikit sebanyak di Selangor dan Negeri Sembilan, di Johor, di Sarawak, Sabah dah pun dapat bekalan pada hari ini dan sebahagian besar daripada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi ialah kehendak pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini untuk menaikkan harga gula ini yang telah membantutkan sedikit masalah kita untuk mengatasi secepat yang mungkin.

Maka dengan itu dalam musim-musim perayaan ini, kita telah mewujudkan satu jawatankuasa khas. Dibentuk di peringkat kementerian sekali dengan agensi-agensi yang lain untuk memastikan bahawa bekalan gula di tempat-tempat tertentu yang berhadapan dengan masalah ini akan dapat di atasi khususnya musim-musim perayaan ini. Keutamaan kita pada saat ini ialah khususnya dalam musim bulan Ramadhan akan dapat mendapat bekalan yang cukup. Di samping itu, dalam jangka masa yang panjang, pihak kementerian saya dah pun menghantar Ketua Setiausaha Kementerian ke Brazil dan tempat-tempat lain untuk mendapatkan sama ada ada ruang sekiranya bekalan tidak mencukupi kita perolehkan bekalan daripada negara-negara yang lain untuk memastikan bahawa bekalan ini dapat ditampung oleh pihak-pihak pengeluar kita.

Dan sedikit masa lagi saya akan mendapat maklumat daripada *team* yang saya hantar ke Brazil masa terdekat khususnya dalam keadaan yang berhadapan dengan masalah musim perayaan. Insya-Allah Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba sedaya yang mampu untuk membolehkan kita dapat berhadapan dengan cabaran untuk mengatasi masalah bekalan gula musim perayaan khususnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja lah sesi soal jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

KEHADIRAN BERTERUSAN ISRAEL DI BUMI LEBANON

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan mesyuarat ini ditangguhkan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) bagi membolehkan Dewan ini merundingkan isu kehadiran tentera Israel yang berterusan sehingga kini di bumi Lebanon walaupun gencatan senjata melalui Resolusi 1701 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah dikuatkuasakan bermula pada 14 Ogos 2006 yang lalu. Dikhawatiri kehadiran tentera Israel yang berterusan boleh mencetuskan peperangan di antara kedua-dua belah pihak kembali iaitu di antara Israel dan Hezbollah.

Semasa 34 hari konflik yang berlaku di antara 12 hari bulan Julai sehingga 14 hari bulan Ogos, ribuan rakyat Lebanon yang tidak berdosa termasuk kanak-kanak, kaum wanita dan orang-orang tua yang telah terkorban akibat kezaliman Israel. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah mengarahkan kesemua tentera Israel keluar dari bumi Lebanon serta-merta tanpa syarat.

Perkara ini adalah tertentu kerana ia adalah kehadiran berterusan tentera asing di sebuah negara yang lain, ini adalah merupakan satu pencerobohan oleh Israel terhadap sebuah negara yang berdaulat iaitu Lebanon. Walaupun gencatan senjata telah dikuatkuasakan pada 14 hari bulan Ogos melalui Resolusi 1701 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, tetapi tentera Israel masih menduduki bumi selatan Lebanon sehingga kini.

Perkara ini ternyata berkepentingan ramai kerana kehadiran tentera Israel sehingga kini di selatan Lebanon adalah satu pencerobohan dan serta ancaman dan boleh mencetuskan kembali peperangan. Perkara ini perlu disegerakan kerana ia menuntut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengarahkan tentera Israel keluar dari bumi selatan Lebanon serta-merta tanpa sebarang syarat. Ini adalah tindakan pencerobohan serta tidak menghormati kedaulatan negara lain. Dengan demikian saya percaya, hujah-hujah di atas memenuhi kriteria-kriteria yang menunjukkan usul ini penting untuk dibahaskan di dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul Di Bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Gombak pada hari Jumaat 18 Ogos 2006. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu adalah perkara tertentu, syarat yang kedua adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga adalah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu, perkara ini ialah perkara tertentu, kepentingan orang ramai, ia adalah bagi kepentingan orang ramai.

Berkehendak disegerakan, perkara ini juga perlu disegerakan. Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b), usul ini hendaklah ditempohkan hingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang.

Saya akan membenarkan pihak pencadang membawa selama 30 minit dan lepas itu pihak Kerajaan menjawab selama 30 minit. Sekian.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2006) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 2006 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu bagi maksud-maksud tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD (PERUNTUKAN KHAS) (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang yang bernama satu Akta yang dinamakan Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 dan perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG GARIS PANGKAL ZON MARITIM 2006

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengisytiharkan koordinat geografi titik pangkal bagi maksud menentukan garis pangkal Malaysia dan bagi perkara-perkara lain berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjaga kepentingan maritim negara, Malaysia telah menunjukkan kawasan perairan laut wilayah dan pelantar benua Malaysia melalui pengisytiharan Peta Baru Malaysia pada 21 Disember

1979. Tindakan ini dibuat berdasarkan kepada Ordinan 7 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1969.

Melalui pengisytiharan ini, Malaysia telah membuat tuntutan secara unilateral had pelantar benua dan perairan laut wilayahnya. Tuntutan ini dibuat berdasarkan kepada prinsip-prinsip *Geneva Convention on the Territorial Sea and the Contiguous Zone Convention 1958* dan *Geneva Convention on the Continental Shelf 1958*, Prinsip dan Peraturan Undang-undang Adat iaitu *Customary Law*, serta Perjanjian Perbatasan Maritim sedia ada dengan negara jiran.

Peta Baru Malaysia 1979 ini diterbitkan dalam dua *sheet*. Iaitu *sheet* satu Semenanjung Malaysia dan *sheet* dua Sabah dan Sarawak. Malaysia adalah negara parti kepada kedua-dua konvensyen tersebut. Semasa Malaysia mengisytiharkan Peta Baru 1979, titik dan garis pangkal hanya dibayangkan dalam bahasa Inggerisnya *infer* daripada peta tersebut. Titik dan garis pangkal merupakan asas dalam menentukan zon-zon maritim sesebuah negara berpantai.

Peta Baru Malaysia 1979 adalah seperti di Lampiran A1 dan A2. Sebuah pasukan petugas khas telah ditubuhkan pada Mac 1984 bagi meneliti dan mengkaji semula soal penentuan titik dan garis pangkal. Ianya dianggotai oleh Jabatan Peguam Negara, Kementerian Pertahanan, Kementerian Luar Negeri dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia atau JUPEM.

Pada tahun 1987, pasukan petugas khas ini telah dipengerusikan oleh Bahagian Keselamatan Negara atau BKN, Jabatan Perdana Menteri. Pasukan Petugas Khas ini telah mengadakan beberapa siri perbincangan bagi menentukan titik dan garis pangkal Malaysia. Berdasarkan kepada Konvensyen Undang-undang Laut iaitu KUUL, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982 terdapat tiga jenis garis pangkal iaitu :

- (i) Garis Pangkal Biasa (*Normal Base Line*);
- (ii) Garis Pangkal Lurus (*Straight Base Line*);
- (iii) Garis Pangkal Kepulauan (*Archipelagic Base Line*) yang boleh digunakan oleh negara berpantai (*coaster state*).

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah meratifikasikan KUUL 1982 ini pada 14 Oktober 1996 dan mula berkuat kuasa pada 14 November 1996. Dalam hal ini Malaysia mempunyai hak obligasi dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. KUUL 1982 juga menetapkan beberapa zon maritim yang wujud di bawah Konvensyen Geneva 1958 iaitu perairan pedalaman atau *internal waters*, perairan laut wilayah, zon berdampingan ataupun *contiguous zone* dan pelantar benua sehingga 200 batu nautika dan titik pangkal. Selain dari itu KUUL 1982 turut memperkenalkan Zon Ekonomi Eksklusif atau ZEE, dan pelantar benua sehingga 350 batu nautika sekiranya memenuhi kriteria tertentu di bawah KUUL 1982.

Zon-zon maritim tersebut diukur dari titik dan daripada garis pangkal iaitu garis pangkal merupakan garisan yang menyambung antara titik-titik pangkal. Ilustrasi zon-zon maritim adalah seperti di Lampiran 'B'. Berasaskan kepada hasil kajian yang dilaksanakan oleh pasukan petugas khas, kerajaan pada 14 Januari 1998 telah memutuskan untuk menggunakan garis pangkal lurus dan mengisytiharkan garis pangkal tersebut secara berperingkat di mana garis pangkal yang tidak mempunyai tuntutan wilayah diisytiharkan terlebih dahulu. Garis pangkal bagi kawasan Pulau Batu Puteh, Pulau Sipadan dan Ligitan dan sektor Teluk Brunei yang mempunyai masalah tuntutan wilayah diisytiharkan kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan tuntutan tersebut BKN telah mewujudkan Jawatankuasa Tindakan Susulan Garis Pangkal dengan keahlian terdiri dari Kementerian Luar Negeri, Jabatan Peguam Negara atau JPN, Kementerian Pertahanan, JUPEM dan Jabatan Perikanan. Bagi maksud pengisytiharan garis dan titik pangkal ini, Jabatan Peguam Negara pada tahun 2001 telah menyediakan draf Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim. Jawatankuasa ini telah mengadakan beberapa siri mesyuarat bagi membincang dan meneliti rang undang-undang tersebut. Dalam pada itu JUPEM telah mula melaksanakan ukuran ke atas titik-titik pangkal Malaysia secara berperingkat dari tahun 1998 hingga 2005.

Pengukuran ini melibatkan ukuran geodetik menggunakan sistem Penentu Dudukan Sejagat atau GPS, dan ukuran fotogrametri yang dilaksanakan dari April 1998 hingga 2003. Manakala sebahagian titik-titik pangkal yang telah dikenal pasti perlu dilaksanakan hidrografi bagi mendapatkan data batimetri terkini. Kerja-kerja ini telah dilaksanakan oleh Cawangan Hidrografi, Tentera Laut Diraja Malaysia bermula Julai 2002 hingga Ogos 2005 bagi titik pangkal di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Semua pengukuran yang dilaksanakan mematuhi peruntukan seksyen 2 para 2.5 *Technical Aspects of The United Nations on the Law of the Sea* ataupun TALOS. Keseluruhan titik pangkal yang dikenal pasti adalah sebanyak 160 iaitu Semenanjung ada 96, Sabah ada 47 dan Sarawak 17.

Dengan selesai sepenuhnya kerja-kerja pengukuran titik-titik pangkal di Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta mengambil kira keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa pada 17 Disember 2002 yang memutuskan Malaysia mempunyai hak milik dan kedaulatan ke atas Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan, Malaysia kini bolehlah mengisytiharkan kesemua titik-titik pangkal melalui perintah di bawah Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006.

Tuan Yang di-Pertua, di kalangan negara-negara ASEAN yang telah menandatangani dan meratifikasikan KUUL 1982 hanya Malaysia, Brunei dan Singapura yang belum mengisytiharkan senarai titik dan garis pangkal secara rasmi.

Indonesia telah mengisytiharkan garis pangkalnya pada tahun 1960 dan 2002. Filipina pada tahun 1961 dan 1968. Myanmar pada 1977 dan Vietnam pada 1982. Manakala Thailand yang belum meratifikasi KUUL 1982 telah juga mengisytiharkan garis pangkal pada tahun 1953. Pengenalpastian dan pengukuran titik pangkal di lapangan adalah penting dan kritikal sebelum sesebuah negara mengisytiharkan secara rasmi titik dan garis pangkalnya, ini bagi mengelakkan penggunaan titik pangkal tersebut dipertikaikan oleh negara jiran khususnya dan negara lain amnya.

Penetapan garis pangkal merupakan asas terpenting dan kritikal dalam penentuan zon maritim, laut wilayah, zon berdampingan, *contiguous zone*, pelantar benua dan zon ekonomi eksklusif. Dengan pengisytiharan titik dan garis pangkal melalui Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim, pengawasan dan penguatkuasaan undang-undang negara akan lebih kemas dan jelas serta mengelakkan sebarang keraguan yang berbangkit.

Ketiadaan titik pangkal yang diisytiharkan secara perundangan turut menjejaskan dan melemahkan pendirian negara dalam perundingan persempadanan maritim dengan negara-negara jiran bagi kawasan yang belum dimuktamadkan.

Sebagai negara parti kepada KUUL 1982, Malaysia turut mempunyai tanggungjawab untuk memenuhi peruntukan konvensyen, khususnya yang menyentuh mengenai garis pangkal seperti berikut:-

- (i) Artikel 15 KUUL 1982 memperuntukkan persempadanan laut wilayah antara negara berhadapan atau berdampingan tidak melebihi garis median dari titik sama jarak yang diukur dari titik pangkal negara-negara tersebut;
- (ii) Artikel 16(2) KUUL 1982 memperuntukkan bahawa negara-negara berpantai perlu mengemukakan carta atau koordinat geografi titik pangkal kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
- (iii) Artikel 76(4) KUUL 1982, negara parti yang berhak mengemukakan tuntutan had pelantar benua melebihi 200 batu nautika sehingga 350 batu nautika dari garis pangkal dengan mengemukakan data saintifik dan teknikal kepada *Commission on the Limits of the Continental Shelf* atau CLCS, sebuah badan yang ditubuhkan di bawah KUUL 1982. Malaysia sedang menyediakan *submission* untuk dikemukakan kepada CLCS sebelum 13 Mei 2009.

Dengan demikian pengisytiharan koordinat geografi titik pangkal Malaysia menjadi *prerequisite* bagi *submission* kepada CLCS berhubung dengan tuntutan had pelantar benua melebihi 200 batu nautika mengikut artikel 76(4) KUUL 1982. Justeru itu, kerajaan pada 3 Mei 2006 memutuskan supaya Malaysia mengisytiharkan garis dan titik pangkal zon maritim melalui Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006 dan pindaan kepada ordinan nombor tujuh, kuasa-kuasa perlu darurat 1969 dan akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengisytiharkan garis dan titik pangkal zon maritim Malaysia, maka Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006 ini dikemukakan pada persidangan Dewan yang mulia ini. Rang undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukkan bagi mengisytiharkan koordinat geografi titik pangkal bagi maksud menentukan garis pangkal Malaysia dan bagi perkara-perkara lain berkaitan dengannya. Huraian rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (i) Fasal 1, mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan untuk membenarkan menteri menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan;
- (ii) Fasal 2, mengandungi takrif ungkapan tertentu yang digunakan dalam akta yang dicadangkan;
- (iii) Fasal 3, menyatakan bahawa sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukkan akta yang dicadangkan dengan mana-mana undang-undang bertulis lain akta yang dicadangkan hendaklah dipakai;
- (iv) Fasal 4, bertujuan untuk memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa atas syor menteri untuk mengisytiharkan koordinat geografi titik pangkal yang daripadanya garis pangkal Malaysia boleh ditentukan;
- (v) Fasal 5, mengadakan peruntukkan bagi penentuan garis pangkal bagi zon maritim Malaysia;
- (vi) Fasal 6, bertujuan untuk memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa atas syor menteri melalui perintah mengisytiharkan garis batasan luar dan garis bersempadanan untuk menentukan had zon maritim Malaysia;
- (vii) Fasal 7, bertujuan untuk memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa atas syor menteri untuk menyebabkan, disediakan, dan dikeluarkan apa-apa peta dan carta yang difikirkannya patut yang menunjukkan apa-apa perkara yang berhubungan dengan koordinat geografi titik pangkal, garis pangkal, garis batasan luar dan garis persempadanan zon maritim Malaysia;
- (viii) Fasal 8, memperuntukkan bahawa dalam mana-mana prosiding undang-undang atau prosiding lain perakuan yang dikeluarkan oleh atau di bawah kebenaran menteri yang mengandungi pernyataan bahawa mana-mana lokasi geografi, yang dinyatakan dalam perakuan itu adalah pada bila-bila masa yang material dalam prosiding itu terletak di dalam mana-mana zon maritim Malaysia, hendaklah menjadi bukti muktamad mengenai kandungan pernyataan itu tanpa bukti formal tentang tandatangan atau jawatan rasmi orang yang dikatakan telah mengeluarkan perakuan itu;
- (ix) Fasal 9, bertujuan untuk memberi menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang perlu bagi maksud melaksanakan akta yang dicadangkan; dan
- (x) Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Langkah bagi mengisytiharkan garis pangkal melalui Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim adalah penting kepada keselamatan dan kedaulatan negara. Ini memandangkan garis pangkal merupakan asas terpenting dalam menentukan zon maritim negara. Pengawasan dan penguatkuasaan undang-undang maritim negara dengan lebih sah, asas perundingan persempadanan maritim dengan negara jiran dan memenuhi tanggungjawab sebagai negara parti kepada Konvensyen Undang-undang Laut atau KUUL, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Siapa sokong?

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukkan bagi pengisytiharan koordinat geografi titik pangkal bagi maksud menentukan garis pangkal Malaysia dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat bagi Jasir

11.58 pagi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim tahun 2006 ini kerana sebagai negara yang sedang membangun apatah lagi kita pada hari ini telah menjadi *trading nation* dengan wujudnya pelabuhan-pelabuhan negara kita pada hari ini, *North Port, South Port, PPT* dan banyak lagi pelabuhan di antara negara kita yang ini rang undang-undang ini penting ini Tuan Yang di-Pertua. Dan lebih menyedihkan lagi, hari ini apabila kita menjadi *trading nation* dan banyak di antara pengusaha-pengusaha, saudagar-saudagar kita sudah mempunyai kapal sendiri. Malangnya untuk mendapatkan *chart* kedalaman laut, keselamatan lautan, dalam negara kita tidak ada Tuan Yang di-Pertua.

Kita terpaksa beli peta di Singapura, kena beli di Singapura, batu karang dekat mana, tunggul dekat mana, ini penting ini. Kita pada hari ini mendabik dada menyatakan kita ini *trading nation* yang ke-17 terbesar di dunia, memang pengangkutan laut amat penting untuk mengimport dan mengeksport barangan kita, dan kita hendak juga tumbuhnya pelabuhan-pelabuhan di serata dalam negara kita. Kecuali pelabuhan saya di Kuala Linggi yang selalu kena kacaulah..., tetapi itu tidak apa Tuan Yang di-Pertua, demi negara. Demi negara. Yang kita pentingkan ini kita minta supaya Jabatan Laut kita ini sensitif tentang perkara ini dan menjadi satu harapan saya supaya besok pelabuhan-pelabuhan kita akan menjadi hab yang sebenarnya. Mengapa kita kena lihat mengapa sekarang. Daripada dahulu sampai sekarang pelabuhan di Singapura menjadi tempat datangnya kapal-kapal di antara seluruh dunia, mengapa? Mereka singgah di Singapura hendak ambil bekalan air, *signing on and off crew*, dengan izin.

Tetapi di Malaysia mengapa benda ini tidak boleh jadi penting perkara macam itu walhal kalau hendak ikutkan harga air Tuan Yang di-Pertua, Malaysia *supply* ke Singapura. Apa Malaysia tidak bolehkah *supply* air kepada perkapalan-perkapalan di dunia ini yang datang melintasi Selat Melaka yang begitu banyak, tetapi mengapa kena singgah di Singapura untuk ambil bekalan? Kita harus lihat ini apatah lagi untuk *bunkering* minyak. Kita pengeluar minyak! Apatah lagi pada hari ini kita hendak bermula dengan biodiesel. Biodiesel yang sedang berkembang sekarang ini tetapi dalam kita cakap berkembang-berkembang Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada pengumuman dibuat oleh satu syarikat Jerman dia membuat kilang biodiesel yang terbesar di Singapura. Mengapa tidak di Malaysia? Singapura tidak ada kelapa sawit, ladangnya tidak ada...

Seorang Ahli: Sebab Malaysia tidak minat!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini yang jadi masalah kita....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya sila Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apakah Yang Berhormat berpendapat bahawa ini kelemahan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kita MITI iaitu saya juga menerima laporan bahawa di MITI ini terlalu banyak birokrasi sehingga bukan sahaja orang yang hendak datang melabur itu lari, yang sudah sedia ada kilang pun di sini menunggu kelulusan bertahun-tahun tidak dapat dan mereka menutup kilang mereka dan berpindah ke negara jiran. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Yang Berhormat bagi Kinabatangan ini Tuan Yang di-Pertua suka jolok sayalah. Yang sebenarnya benar, banyak sangat *red tape*. Kalau biodiesel melibatkan kelapa sawit mesti pergi kepada Kementerian Perusahaan utama tetapi oleh kerana hendak mendapat lesen biodiesel ini seorang pengusaha kena pergi ke MAIDA. MAIDA di bawah kementerian MITI...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Lain rumah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Maritim.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Maritim ini Tuan Yang di-Pertua, ini minyak ini. *Bunkering* Tuan Yang di-Pertua, *bunkering* Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua faham *bunkering*? Hendak *supply* minyak ke kapal. Pada hari ini kalau tengok di *European Union* atau EU, telah menetapkan bahawa penggunaan *green engine*, biodiesel ini akan dilaksanakan dengan begitu hebat di negara-negara Eropah dan kita ini ada. Mengapa tidak kita dalam negara kita menjadi sebuah negara *bunkering* untuk *supply* minyak biodiesel kepada kapal-kapal antarabangsa tapi oleh kerana *red tape* banyak.

MAIDA itu Tuan Yang di-Pertua yang keluarkan lesen untuk buat kilang ini dia punya pengerusi berjalan pun terketar-ketar. Minta maafah saya cakap.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pun masih di situ!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Masih situ lagi. Sudah macam mana hendak buat kerja ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Macam mana boleh kaitkan rang undang-undang ini?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini masalah Tuan Yang di-Pertua, masalah ini pangkal zon maritim ini sangat luas Tuan Yang di-Pertua. Global! Kita hendak *supply* minyak, hendak *bunkering*. Tidak ada lesen macam mana Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu lain cerita Yang Berhormat. Sebab itu saya kawal, kalau tidak ada nanti Yang Berhormat masuk kes kastam lagi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tak payah Tuan Yang di-Pertua, tak payah. Ini memang *on the line according to the track* Tuan Yang di-Pertua. *According to the track* kerana zon maritim apa guna kita ada zon maritim kita cakap kita hab maritim tetapi industri-industri berkaitan dengan maritim tidak masuk. Apa guna? Kita ada pelabuhan, kita belanja banyak tetapi pelabuhannya macam di Linggi sekarang sudah tidak ada bot masuk Tuan Yang di-Pertua. Apa guna pelabuhan?

Ini yang jadi masalah kita Tuan Yang di-Pertua dan kita lihat rang undang-undang ini penting Tuan Yang di-Pertua kerana pada hari ini kalau kita tidak dapat menentukan garis pangkal kita ini perairan negara kita ini akan sentiasa di cerobohi oleh orang lain. Kita dapati bahawa pada hari kita dengar banyak nelayan asing datang menceroboh wilayah kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kalau kita tidak dapat menentukan di mana wilayah kita...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha, betul.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Adakah kita hendak salahkan orang lain?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya, sila. Tidak bagi dia ini nanti dia mengamuk Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa sedih Tuan Yang di-Pertua apabila perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin pelabuhan Linggi itu sudah jadi lengang. Setahu saya pelabuhan ini telah pun memakan belanja RM40 hingga RM50 juta dan kalau dia menjadi lengang sudah menjadi pelabuhan yang diduduki oleh hantu. Apakah Yang Berhormat bagi Jasin kerana kastam kacau kapal *you*, maka agaknya ia jadi. Macam mana? Apa sebab-musabab dan kita kena peka tentang perkara ini Tuan Yang di-Pertua kerana kita tidak mahu kerajaan mengeluarkan belanja berpuluh-puluh juta tapi akhirnya ia menjadi perkara yang merugikan.

Saya tidak mahu benda ini berlaku. Tentulah apabila masa membuat itu kerajaan ada perancangan dan perancangan kerajaan itu tentulah sudah difikirkan secara mendalam dan ia akan menguntungkan pengusaha-pengusaha dan sekali gus akan menguntungkan negara tetapi kalau sudah menjadi seperti orang kata gajah putih dia menjadi lengang, saya rasa tindakan itu merugikan. Dan perkara seperti ini tidak boleh dibenarkan. Jadi apa pendapat Yang Berhormat bagi Jasin tentang perkara ini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Dia juga suka menjolok Tuan Yang di-Pertua. Yang sebenarnya kalau kita hendak menjadi satu negara maritim *trading nation* bertaraf dunia, kita harus berfikiran terbuka. Berfikiran terbuka macam saya cakap di dalam Dewan ini di Singapura mereka wujudkan satu pelabuhan baru di Pasir Panjang.

Di Pasir Panjang hanya empat perkara sahaja ditegah benar-benar oleh Kerajaan Singapura. Yang pertama dadah, yang kedua senjata api, yang ketiga *human trafficking*. Maknanya *trading* manusia. Yang keempat Tuan Yang di-Pertua rokok. Itu pantang besar dia. Yang lain datanglah kau kayu balak bulatlah apa saiz pun datanglah kau. Dia tidak ada hutan tetapi kerajaan Singapura hari ini dia masukkan balak yang masuk daripada Indonesia dia terima, dia keluarkan pula sijil perhutanan. Apa sahaja yang dikehendaki oleh peringkat antarabangsa dia boleh keluarkan "Apa *certificate* kau hendak". Dia tidak ada kelapa sawit dia boleh dagang kelapa sawit. Dia tidak ada getah dia boleh menentukan pula harga getah dunia. Dia tidak ada lada hitam macam di Sarawak tetapi penanam-penanam lada hitam di Sarawak akan menentukan harga oleh Singapura kerana pemikiran dia terbuka. Dia tahu hendak menjadi *trading nation* ini kita harus berfikiran terbuka dan kita berharap di Malaysia ini pun. Di Malaysia ini biarlah terbuka sedikit. Jangan kayu terbesar sedikit pun MP Jasin dikatakan menjadi penyeludup.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ada lagi Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Permasalahan yang kita hadapi iaitu seolah-olah tidak ada standard sistem yang dilaksanakan oleh pihak penguatkuasaan kita seperti kastam dan sebagainya. Kayu bulat yang datang kononnya melebihi 60mm bukan semua itu yang lebih. Kastam kena ukur satu demi satu tapi dia tidak. Satu sahaja dia ukur lebih dia angkat semua sehingga pengimport kita lari tidak mahu berniaga dengan kita dibandingkan dengan Singapura hanya empat perkara dia tegah. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya ini sudah lari ini sedikit Tuan Yang di-Pertua tinggal lagi ini dia dah soal kena jawab juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat panjang lagi?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya hendak panjang boleh Tuan Yang di-Pertua, hendak pendek pun boleh Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua angkat bendera saya berhenti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ikut peraturan mesyuaratlah, perbincangan terhadap rang undang-undang.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya rang undang-undang Tuan Yang di-Pertua, maritim.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya ingin bagi pihak Dewan yang mulia ini mengambil kesempatan mengalu-alukan kedatangan Honourable Don Wing, *President of the Legislative Council of Tasmania*.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua apa yang disebut oleh saudara saya dari Kinabatangan, kadang-kadang undang-undang kita ini tidak menyeluruh. Kalau Linggi dia kata Pelabuhan Linggi mesti tidak lebih 60 inci tetapi di Tawau, 600 inci pun tidak ada apa-apa boleh tanya orang Sabah. Kalau undang-undang kastam yang berkuasa di Malaysia kalau di Linggi pun kuat kuasa patut di Tawau pun berkuasa juga tetapi di Tawau boleh 600 inci mengapa dekat Linggi 60 inci sahaja? Itu belum masuk Bintulu lagi, belum masuk Miri lagi, Batu Pahat pun belum masuk lagi, Muar belum masuk lagi. Kalau kita hendak menguatkuasakan rang undang-undang ini biar menyeluruh di seluruh negara...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia ikut suka hatilah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Barulah adil. Berbalik kepada cerita...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu bukan masalah itu masalah pegawai mahu gila kuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa yang berucap?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Berbalik kepada rang undang-undang itu, berkenaan dengan ini saya menyokong penuh untuk kerajaan menguatkuasakan secepat mungkin kerana kita masalah pada hari ini kadang-kadang tentang persempadanan negara, kedaulatan negara kita ini sentiasa dicerobohi oleh pedagang-pedagang apatah lagi dengan nelayan-nelayan asing Tuan Yang di-Pertua. Saya pun setuju sangat kita kuatkuasakan ini cepat dan kita berharap pihak-pihak berkuasa yang telah ditubuhkan oleh kerajaan benar-benar menjaga perairan negara kita kerana baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua saya mendapat aduan daripada nelayan di Melaka yang mana mereka keluar ke laut bersempadan dengan Indonesia, tentera ataupun pihak berkuasa Indonesia ini Tuan Yang di-Pertua, dia tarik kita punya nelayan yang duduk dalam perairan negara kita pergi kepada perairan negara dia, akhir sekali nelayan kita kena tangkap.

Dan yang mendukacitakan saya pula Tuan Yang di-Pertua, bila nelayan kita ditangkap di negara jiran, Wisma Putra tidak dimaklumi, Wisma Putra kita maklumi, hanya kita dapat tahu daripada keluarga yang hilang ini mencari ahli keluarga nelayan dia, akhir sekali *contact* sendiri dekat Indonesia baru tahu bahawa keluarganya nelayan ini ditangkap di negara jiran dan ini pun kita kena lihat supaya penguatkuasaan perairan kita ini kena dipertingkatkan supaya nelayan-nelayan kita jangan jadi mangsa lagi. Apatah lagi baru-baru ini belah Perak kita dengar juga nelayan-nelayan kita telah ditangkap oleh negara jiran kita dengan tuduhan mencerobohi lautan ataupun perairan negara asing.

Oleh demikian saya berharap dengan adanya rang undang-undang ini yang kita akan luluskan, kita dapat menentukan sempadan negara kita yang berdaulat ini dan juga kita berharap supaya pihak berkuasa menjalankan penguasaan supaya kedaulatan negara kita ini tidak diganggu-gugat oleh kuasa-kuasa lain. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua saya sedikit...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Hendak mencelah lagi? Sila..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kedaulatan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Jasin. Kedaulatan negara bermakna juga kedaulatan rakyatnya. Saya memang setuju apa yang dinyatakan oleh Jasin. Perairan kita mestilah selamat untuk warga negara kita. Tidak ada kuasa-kuasa mana yang boleh menceroboh ke perairan kita, selepas itu bawa ke negara atau perairan mereka dan tuduh terutama nelayan-nelayan kita. Ini satu ketidakadilan dan satu kezaliman kepada rakyat kita. Kerajaan kita harus peka tentang perkara ini, ambil contoh di Johor.

Nelayan kita dalam perairan Malaysia hendak dekat-dekat dengan Pulau Batu Puteh pun dihalau, dihalau oleh tentera laut Singapura sedangkan Pulau Batu Puteh masih lagi dalam pertikaian, ini titik pangkal ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kalau panjang sangat nanti Yang Berhormat berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan saya hendak mencelah sahaja Tuan Yang di-Pertua untuk memberi peluang kepada Tuan Yang di-Pertua bagi meneruskan semua kita punya rang undang-undang akan lulus dalam persidangan ini. Jadi yang boleh jimat masa, jimat masa mencelah pun cukuplah Tuan Yang di-Pertua supaya kerajaan peka tentang apa....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Yang Berhormat kali ini pilih tidak mahu berucaplah bagi jugalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak janganlah begitu Tuan Yang di-Pertua, bagi peluang saya bercakap nanti saya ada tempat saya berucap saya bercakap yang boleh mencelah, mencelah Tuan Yang di-Pertua mencelah ini sedap Tuan Yang di-Pertua mencelah paling sedap sekali. Jadi ini soal maruah rakyat, maruah negara dan titik pangkalnya saya pun kadang pelik Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jasin faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya hendak Menteri Jabatan Perdana Menteri pun dengar juga apa yang saya celah kepada Sri Gading ini, titik pangkal kadang-kadang saya rasa pelik juga apabila kepulauan Indonesia dekat dengan kepulauan Tioman kita, jauh itu daripada Timur ke Barat. Tiba-tiba pulau-pulau yang berada dekat dengan Pulau Tioman, Pulau Tioman itu kita punya itu menjadi hak Indonesia yang dikatakan dalam *province* Riau. Oh, Riau ini saya tidak pelik, saya tidak tahulah tahun 1834 apabila berpisah atas Belanda dan Inggeris...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jasin sudah bangun, bererti Yang Berhormat perlu duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tidak tahu macam mana sejarah ini agaknya boleh terpesong di mana nampaknya Indonesia lebih lagi banyak dapat daripada Malaysia ini antara British dengan Belanda dalam 1834 punya perjanjian maka terpisahkan segala keluarga. Ini saya tidak tahu Menteri di Jabatan Perdana Menteri boleh jawabkah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Sri Gading. Saya tidak terkejut berkenaan ini kerana saya dapat tahu daripada Jabatan Pemetaan di Sabah, kes yang terbaru kita menang..., tentang Lautan Ambalat yang kita menang di Pulau Sipadan sampai hari ini kita belum selesaikan soal pemetaan. Sampai hari ini bang, sampai hari ini kita tidak dapat menyelesaikan soal pemetaan yang mana kita sudah menang di Mahkamah Antarabangsa tentang Sipadan, Ambalat. Sempadan pun kita belum selesai, Jabatan Pemetaan di Sabah belum selesai lagi ini.

Jadi oleh demikian saya berharap kerana saya tidak hairanlah kalau hari ini Sri Gading kata kita pun hairan bahawa pulau-pulau yang dekat dengan Pulau Tioman pun pada hari ini milik Indonesia kerana kita dulu tidak ambil berat soal ini, tidak ambil berat. Kedaulatan negara kita pun kita peringatkan. Ini yang jadi masalah kita pada hari ini. Jadi oleh yang demikian dengan adanya rang undang-undang yang bakal kita luluskan ini, saya berharap pihak berkuasa pihak pemetaan apa sahaja agensi yang terkait kenalah

melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya kerana kalau tidak kedaulatan negara kita ini akan dipermainkan orang.

Saya hendak nyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, itu sebab saya dan rakan-rakan kita bersetuju supaya kerajaan memberhentikan soal jambatan bengkok dekat Johor jambatan lurus kenapa kerana kita hendak bagi pasir, kerana mengikut daripada undang-undang laut sempadan negara kita akan ditentukan tempat yang paling dalam yang memisahkan kita dengan Singapura. Kalau Singapura asyik bertambak-tambak kepulauan Singapura berhampiran dengan Malaysia akhirnya sempadan kita ini sentiasa berubah.

Oleh demikian kita menyokong penuh kerajaan kerana membatalkan perjanjian dengan Singapura tentang jambatan kerana kita tidak hendak gadaikan negara kita, kedaulatan negara kita dengan kita memberi pasir kepada mereka dan mereka menambak lagi pulau Singapura yang akan membesarkan sempadan negara itu.

Dengan demikian Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

12.20 tgh.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua sebab memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006. Tuan Yang di-Pertua saya agak hairan mengapa negara kita baru sekarang mahu mengadakan undang-undang di bawah nama Akta Garis Pangkal Zon Maritim 2006 sedangkan negara sudah mencapai usia 49 tahun kemerdekaan. Ketiadaan undang-undang ini membawa erti bahawa selama ini Malaysia belum mendapat sempadan maritim mengikut dasar-dasar yang termaktub dalam Undang-undang Laut Antarabangsa UNCROS yang ketiga. Ini juga membawa erti bahawa Malaysia belum lagi mendaftar peta negara di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menjelaskan garis pangkal yang akan digunakan dalam menentukan sempadan laut wilayah negara.

Saya difahamkan Malaysia hanya mempunyai tempoh sehingga 14 Oktober 2006 untuk mendapatkan garis sempadan maritim serta garis pangkal sempadan laut wilayah di bawah UNCROS III yang perlu didaftarkan dengan PBB. Soalan saya, mengapa Malaysia lewat mendaftarkan peta negara dengan PBB? Adakah kita terlewat dari negara-negara lain? Adakah negara kita mengabaikan tanggungjawab? Tuan Yang di-Pertua jika gagal mendaftarkan peta yang menunjukkan garis pangkal dan sempadan laut wilayah Malaysia dengan PBB, negara kita akan berdepan dengan kesukaran untuk menentukan kawasan zon ekonomi eksklusif dan pelantar benua. Dan peliknya Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 telah terlebih dahulu diwartakan malah ia menjelaskan hak negara untuk membuat semula jadi yang terdapat di zon ekonomi eksklusif dan pelantar dunia negara ini.

Ini menyebabkan Konvensi Undang-undang Laut 1982 yang didasarkan 'Konvensi Geneva Mengenai Laut Lepas 1858' ada digariskan bahawa laut lepas adalah kawasan laut yang tidak termasuk dalam zon ekonomi eksklusif. Dalam laut wilayah atau perairan pedalaman atau perairan negara kawasan ZEE boleh diubah jika ada negara telah menuntut pulau yang berada di perairan negara, kerana kawasan ZEE hanya meliputi hingga 200 batu nautikal dari pantai. Akibat kelewatan Malaysia mendaftarkan peta negara yang meliputi garis sempadan maritim dengan PBB, berapa banyak kes pelanggaran dan pencemaran sempadan yang dilakukan oleh negara asing baik dari segi ketenteraan, penguatkuasaan sumber semula jadi terutama tangkapan ikan laut dalam yang terlibat, bahawa negara kita sememangnya berada jauh ketinggalan dengan negara-negara jiran yang lebih jauh ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini patutlah diberitahu berapakah jumlah kerugian yang negara kita alami berikutan kelewatan dan kelalaian ini? Berapakah pula yang dapat dibawa ke muka pengadilan antarabangsa? Berapa yang tidak boleh dibawa ke pengadilan dan berapakah yang dibuang kes begitu sahaja? Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat tahu bahawa negara kita kini berhadapan dengan tuntutan bertindih sempadan maritim dengan beberapa negara lain di Laut China Selatan; Selat Melaka; dan Laut

Sulawesi; Kepulauan Spratly yang terletak di Laut China Selatan. Ini menjadikan rebutan negara Brunei, China, Filipina, Taiwan dan Vietnam selain Malaysia. Tuntutan bertindih juga berlaku dengan Thailand bila negara itu turut menuntut kawasan berbentuk segi tiga di laut pantai Kelantan, manakala di laut pantai Terengganu dalam kawasan berbentuk jalur negara Vietnam turut berpindah milik menutup selain Malaysia.

Pulau Batu Puteh yang dituntut oleh Singapura kini sedang dirujuk kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa ICJ. Di Selat Melaka pula tuntutan Indonesia supaya Malaysia mendapatkan garis sempadan zon ekonomi eksklusif walaupun ia tidak dibawa ke Mahkamah Antarabangsa, tetapi mengapakah perundingan memakan masa yang lama untuk mendapatkan sempadan sementara dua negara. Negara kita yang dilihat mempunyai kepentingan strategi di Laut China Selatan dari segi keselamatan, ekonomi dan sosial politik sepatutnya mengambil langkah menyegerakan pendaftaran peta baru walaupun Malaysia telah mengisytiharkan pada tahun 1979.

Tuan Yang di-Pertua, adalah satu kerugian yang besar bagi negara Malaysia jika kita tidak meneroka sepenuh sumber perikanan di Laut China Selatan yang dikenali sebagai sebuah kawasan perikanan yang terkaya di dunia. Perairan sekitar Pulau Spratly yang luasnya 250,000 kilometer persegi berupaya menghasilkan 100,000 tan ikan tuna setahun.

Nelayan kita yang lebih bertumpu kepada kawasan pantai sahaja perlu menerokai dan menjadikan nelayan laut dalam. Selama ini peluang-peluang tangkapan ikan laut dalam banyak dimonopoli oleh nelayan-nelayan dari Thailand, Vietnam, China dan Taiwan sahaja. Menurut sumber kajian Jabatan Geografi Amerika Syarikat bahawa kawasan sekitar Kepulauan Spratly yang dikenal pasti mempunyai rizab sehingga 100 bilion tong minyak dan lebih kurang 10,000 bilion kaki padu gas asli. Petronas yang telah mencapai taraf sebagai antara 500 syarikat terbesar di dunia dengan mempunyai kepentingan di 30 negara di dunia harus diberi laluan bagaimana boleh mana-mana merebut peluang ekonomi yang menanti di perairan Pulau Spratly berikutan China berjaya menggalakkan Vietnam dalam pertempuran pada tahun 1988. Pulau Spratly ini dituntut sepenuhnya oleh China. Usaha hendaklah dibuat supaya rundingan dengan China dijalankan bagi membolehkan Petronas merintis atau meneroka penggerudian minyak dan gas di permulaan Spratly secara usaha sama.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan hasil minyak yang menyumbangkan kepada pendapatan negara sebanyak 10 hingga 20 peratus dan kebanyakan telaga minyak terletak di Pantai Timur, Sabah dan Sarawak yang terletak di Laut China Selatan dan ditambah pula dengan kedudukan sebagai laluan laut utara dan talian komunikasi dasar laut yang merapatkan wilayah Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Apakah lagi dengan tuntutan bertindih di permulaan Spratly, Laut Sulawesi dan tuntutan Filipina ke atas Sabah yang masih berlanjutan. Maka keperluan penguasaan negara ke atas Laut China Selatan menjadikannya semakin penting. Langkah pembesaran TLDM di Laut China Selatan semakin perlu dalam tahun-tahun yang akan datang. Kita jangan alpa dengan perkembangan di lautan itu yang boleh mencetuskan sebarang kemungkinan. Malaysia pernah menuntut Kepulauan Layang-layang pada tahun 1983 dengan meletakkan pasukan tentera di sana. Dan kini dibangunkan sebagai destinasi pelancongan, pusat kajian perikanan dan kawasan perlindungan burung. Maka, apakah kita perlu berputus asa untuk menuntut hak di Pulau Spratly Pulau Batu Puteh dan Pulau Seputeh. Jawapannya tidak. Kelulusan dan penguat kuasa Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim menunjukkan Malaysia bertegas dalam isu tuntutan bertindih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah menyatakan semasa melancarkan buku Doktrin Pertahanan Malaysia yang dikeluarkan oleh TLDM pada 14 Mei 2001 bahawa Malaysia perlu mempunyai kekuatan maritim memandangkan ia mempunyai perairan yang kaya dengan sumber asli termasuk di zon ekonomi eksklusif seluas 500,000 kilometer persegi persisiran pantai sepanjang 4,500 kilometer dan perkongsian sempadan maritim dengan banyak negara.

Soalan saya, sejauh manakah kerajaan telah memperkuatkan angkatan Maritim Malaysia bagi menangkis sebarang kemungkinan yang wujud pada masa depan? Apakah dengan penubuhan Agensi Penguat Kuasa Maritim Malaysia atau ABMM, Malaysia sudah

berpuas hati dengan kemampuan anggota-anggota ABMM seperti pasukan maritim polis, kastam, TLDM, jabatan laut dan jabatan perikanan menjalankan tugas yang diamanahkan atau hanya dilihat sebagai sebuah kapal terapung di Sumatera yang luas. Cadangan supaya Malaysia, Singapura dan Indonesia mengutip cukai daripada lebih 50,000 kapal dagang yang menggunakan Selat Melaka setiap tahun adalah wajar bagi memantapkan lagi laluan ini dengan langkah keselamatan yang lebih padu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun jawatankuasa bersama barangan persatuan pasaran LOI London, baru-baru ini telah mengeluarkan laporan bahawa Selat Melaka telah dikeluarkan dari senarai zon risiko yang terang, yang membawa kepada penempatan kadar premium insurans pada 0.01% daripada nilai sesebuah kapal bagi setiap perjalanannya menerusi Selat Melaka berikutan berkurangan kes serangan lanun. Kita perlu memperketatkan tahap keselamatan menerusi kerjasama perjanjian pertahanan lima negara yang membabitkan Malaysia, Singapura, Australia, United Kingdom dan New Zealand kerana sebanyak 40% perdagangan dunia melalui Selat Melaka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

12.34 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jasin dan juga Yang Berhormat bagi Bukit Bintang yang telah pun memberi pandangan mereka dalam soal ini.

Perkara-perkara yang tidak ada kaitan dengan rang undang-undang ini, dan ada kaitan dengan kementerian lain, saya kira itu perlu dijawab oleh kementerian lainlah. Cuma di sini, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin iaitu berkenaan dengan walaupun Sipadan dan Ligitan telah pun diserahkan oleh mahkamah dunia kepada kita, maka katanya iaitu bahawa kita seolah-olah tidak bersungguh-sungguh kerana pemetaan masih lagi belum ditentukan. Ingin saya menyatakan di sini iaitu bahawa Sipadan dan Ligitan baru sahaja diserahkan kepada kita.

Maka oleh kerana itu, pemetaannya terpaksa dilakukan selepas mahkamah itu memberikan pulau-pulau ini kepada kita. Sebelum itu, dia merupakan kawasan yang bertindih tuntutan. Jadi untuk kita hendak memeta sebelum itu, adalah tidak sepatutnya dilakukan kerana ia adalah dalam kawasan pertikaian. Jadi oleh kerana itulah, pemetaan ini belum lagi dibuat walaupun Sipadan dan Ligitan telah pun diberikan kepada kita tetapi insya-Allah, kalau diluluskan pada hari ini, bermakna kita akan memetakan kedua-dua pulau ini dalam kawasan kedaulatan negara Malaysia.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang telah menyatakan iaitu bahawa mengapa baru sekarang yang hendak kita lakukan, tidak seperti negara-negara lain sebagai contoh Indonesia pada tahun 1961 tidak silap saya dan Filipina juga pada tahun 1961.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1961 Malaysia belum wujud lagi. Malaysia wujud pada tahun 1963. Kemudian kita tidak dapat membuat pemetaan lagi disabitkan juga kerana kita telah pun berlaku perpisahan di antara Malaysia dengan Singapura pada tahun 1965. Jadi oleh kerana negara kita pada ketika itu belum lagi dapat menetapkan iaitu negara kita berkembang daripada Malaya kemudian 1963, tambah kepada Sabah dan Sarawak dan Singapura, kemudian berpisah. Jadi ini suasana yang tidak menentu terutamanya, mengapa kita tidak memeta lebih awal.

Yang kedua, kita kena ingat Yang Berhormat iaitu apabila kita memeta, kita kena ingat iaitu bahawa ia adalah muktamad. Jadi apabila muktamad, kita mesti berhati-hati. Bermakna, apabila kita mengisytiharkan menerusi rang undang-undang yang kita bentangkan pada hari ini, selepas ini apabila kita isytiharkan kawasan maritim kita, selepas ini kita tidak boleh membuat tuntutan lebih daripada apa yang telah kita isytiharkan. Jadi sebab itu dalam hal seperti ini, kita mesti berhati-hati supaya jangan lagi ada kawasan yang tidak dituntut oleh kita, oleh kerana ia *finale*. Jadi mesti kita pastikan kerja yang tempat, yang betul dilakukan. Baru kita boleh isytihar. Kalau kita masih lagi merasakan ada lagi kawasan yang kita perlu menuntut, maka kita mesti berhati-hati dan tidak mengambil kerana

hendak ikut macam negara-negara lain. Jadi kita pun buat cepat-cepat tetapi mungkin ada yang tertinggal.

Juga Yang Berhormat, saya ingin sebutkan di sini, walaupun kita terlewat, tetapi pengisytiharan ini ialah pengisytiharan untuk kita. Walaupun Indonesia telah mengisytiharkan pada tahun 1961, saya percaya pada tahun 1961, sudah tentu Sipadan dan Ligitan masuk dalam kawasan pengisytiharan dia tetapi peta yang dia buat itu ialah untuk Indonesia. Tidak semestinya diterima oleh negara-negara jiran yang lain. Jadi daripada segi kerugian *territory*, ia tidak berlaku kerana pengisytiharan itu untuk Indonesia. Pengisytiharan Malaysia untuk Malaysia. Kalau disabitkan oleh kerana kita lambat, maka kita kerugian *territory*. Mana mungkin kita menang Sipadan dan Ligitan kerana saya percaya Sipadan dan Ligitan juga telah pun diisytiharkan dalam peta yang Indonesia keluar pada tahun 1961. Jadi ini bermakna bahawa tidak bangkit soal terlambat dan kita akan rugi kawasan-kawasan.

Saya percaya kalau peta negara Filipina, kalau di isytihar itu peta dia, peta dia masuk Sabah. Peta yang di isytihar pada tahun 1961, ia memasuki Sabah sebagai kawasan dia. Sebab itu dalam Perlembagaan dia, dia masih lagi mengatakan iaitu bahawa Sabah adalah sebahagian daripada negara Filipina. Jadi dalam petanya dia memasukkan Sabah sebagai kawasan dia tetapi dia boleh isytihar, pada 1961 dia isytihar. Kemudian dia isytihar lagi tetapi dia tidak ada apa-apa makna kepada negara jiran kalau negara jiran itu memiliki kawasan yang dituntut oleh mereka. Kawasan yang bertindih itu sudah pasti tidak ada muktamadnya.

Jadi, sebab itu kalau Yang Berhormat tanya, kalau kita terlambat apakah kita sudah rugi, kita tidak ada rugi kawasan kerana pengisytiharan yang kita buat itu ialah untuk kegunaan kita. Kalau kita tengok Indonesia, Filipina dan juga China mereka mengisytiharkan kawasan zon maritim atau ZEE mereka, masuk dalam kawasan kita tetapi ia merupakan kawasan pertikaian. Bila kawasan pertikaian, maka ia bukan muktamad. Jadi tidak terlambat seperti mana Yang Berhormat dakwakan, maknanya kalau kita lambat ini menyebabkan kita kerugian. Tidak. Kita lambat juga. Ini ialah kerana Malaysia sebuah negara yang mahu membuat perkara ini dengan betul. Sebab itu sebelum ini kita tidak mempunyai *expertise*...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, sekejap saja. Jadi kita tidak mempunyai *expertise*. Jadi seperti mana yang saya sebut dalam pembentangan rang undang-undang sebentar tadi, apabila kita mengadakan program hidrografi ini semua, macam tentera laut, kerja-kerja telah dilaksanakan oleh Cawangan Hidrografi Tentera Laut Diraja Malaysia bermula pada Julai 2002 hingga Ogos 2005. Itu tiga tahun. Laut luas. Ia bukan macam kita hendak mengukur sebidang tanah. Kawasan maritim Malaysia ini luas. Jadi, untuk melakukan kerja-kerja hidrografi ini juga sudah memakan masa tiga tahun.

Jadi kita hendak memastikan iaitu apabila kita melakukan kerja-kerja ini, kita hendak memastikan bahawa ia adalah muktamad dan ia adalah betul. Kita mahu supaya kita dapat apabila kita mengisytiharkan ini kawasan maritim kita, maka benar-benar kita mempunyai kedaulatan, kita dapat mempertahankan kedaulatan kita di Bangsa-Bangsa Bersatu. Apa guna kita isytihar, macam Filipina petanya, Sabah masuk dalam Filipina tetapi tidak dapat dikuatkuasa dan dipertahankan di Bangsa-Bangsa Bersatu. Kita tidak buat kerja seperti itu.

Sebab itulah kalau kita buat lambat sedikit ialah kerana seperti yang saya telah sebutkan sebentar tadi, iaitu bahawa ada kerja-kerja *expertise* yang pada masa kita merdeka dahulu kita tidak mempunyainya tetapi sekarang kita perolehi dan kerja-kerja ini memakan masa yang lama, itulah yang menyebabkan mengapa kita telah terlambat sedikit jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Namun kelambatan itu tidak menyebabkan kita kehilangan wilayah di mana-mana sekali pun, malah kita menang pula. Silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bertanya tentang tuntutan

bertindih antara Singapura dan Malaysia tentang Pulau Batu Puteh. Pulau Batu Puteh itu satu waktu dahulu adalah kepunyaan negeri Johor. Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Abu Bakar membenarkan Kerajaan British membuat rumah api di situ. Maknanya, kerajaan British memohon kebenaran dari Sultan Johor; maknanya Johor yang punya. Jadi macam mana agaknya keadaan semasa tuntutan kita yang telah pun dibawa ke Mahkamah Antarabangsa ini. Macam mana ceritanya?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti ini tidak mudah kita membuat satu kesimpulan yang *simplistic*. Sebagai contohnya, Tuan Yang di-Pertua, walaupun Johor memang menguasai Pulau Batu Puteh tetapi mungkin ada di sebelah pihak Singapura, mereka mempunyai dokumen-dokumen yang menunjukkan bahawa Pulau Batu Puteh itu telah diserahkan kepada *Straits of Settlement* pada ketika itu. Kalau ada dokumen mereka itu, ini bermakna bahawa mungkin mereka ada hujah-hujah yang kuat untuk mengatakan pulau itu adalah hak mereka.

Jadi, ini merupakan hujah-hujah yang ada. Kita ada hujah-hujah kita dan mereka juga ada hujah-hujah mereka dan apabila pertikaian berlaku, macam kita bawa kes ini ke mahkamah dunia di The Hague, jadi *status quo remain*. Maknanya Singapura yang mengendalikan rumah api di situ beberapa puluh tahun sebelum kita pertikaikan mereka telah menguruskan rumah api itu. Apabila berlaku pertikaian ia tidak bermakna bahawa kerja semua berhenti. Maknanya masing-masing semuanya kena pindah, Singapura kena pindah, Malaysia kena pindah. Tidak. *Status quo remain* dan *status quo* nya ialah selama ini Singapura yang menguruskan rumah api itu, sebab itu dia terus menguruskan rumah api sehinggalah keputusan dibuat. Kalau sekiranya ada kapal-kapal yang mendekati rumah api ini, maka saya kira, oleh kerana Singapura yang sedang mengurus, maka dialah yang mempunyai hak untuk memastikan rumah api itu tidak dicerobohi oleh mana-mana pihak.

Sebab itu bila *status quo remain* walaupun pertikaian itu berlaku di luar negara, pada ketika ini rumah api itu berada di atas Pulau Batu Puteh, dan Singapura yang menguruskan, maka dia akan terus menguruskan sehingga keputusan kepada pertikaian ini dibuat di masa akan datang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya tidak dapat terima hujah itu. Kalau pengurusan rumah api itu bermakna kepunyaan dia, bagaimana pula dengan Pulau Pisang? Pulau Pisang diuruskan oleh Singapura, tetapi Pulau Pisang jelas kepunyaan kita. Tidak ada tuntutan bertindih di Pulau Pisang. Jadi, jawapan itu saya rasa tidak begitu tepat dan saya rasa kita masih belum berputus asa. Pulau Batu Puteh masih hak kepunyaan kita. Kalau diukur pada jarak pun ia hampir sangat dengan Johor, jauh dengan Singapura dari segi jaraknya tetapi banyak lagi hujah-hujah yang berkaitan dengan sejarah.

Jadi, saya rasa belum putus lagi. Kita masih tidak mahu mengakui Pulau Batu Puteh kepunyaan Singapura kerana dia menguruskan rumah api di situ.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, jarak kita tidak boleh pakailah. Sebab sebagai contoh, kita tengok bahawa Mindanao adalah pulau yang paling selatan, yang besar di Filipina, beratus *nautical mile* jauhnya daripada kita tetapi sempadan Filipina adalah dekat dengan Sandakan. Macam mana itu?

Oleh sebab itu jarak tidak boleh digunakan kerana banyak kaedah lain. Dalam hal seperti ini juga saya tidak menyatakan itu bahawa kita telah melepaskan sebenarnya perkara ini dalam mahkamah di The Hague, tetapi *status quo* nya itu ialah sebelum kita pertikai. Maknanya kalaulah pertikaian itu berlaku pada tahun 2002 sebagai contohnya, sebelum itu Singapura yang menguruskan rumah api, tetapi ini bukan bermakna kita beri kepada dia, tetapi dia mengurus. Jadi, bila kita pertikai *status quo* itu *remain*. Maknanya dia teruslah menguruskan rumah api itu. Bila dia menguruskan rumah api itu dia jagalah keselamatan rumah api itu. Jadi kalau ada orang datang dekat, dialah yang halau sebab pulau itu dia yang menguruskannya.

Akan tetapi ini bukan bermakna bahawa kita mengatakan bahawa itu hak dia. Tidak. Sebab setiap pulau itu dia ada latar belakangnya sendiri sebab Pulau Pisang cukup *clear*. Memang dalam peta pun menunjukkan dia adalah hak Johor atau siapa, tetapi adanya pertikaian itu, adanya tuntutan bertindih itu bermakna ada fakta-fakta yang boleh

menunjukkan bahawa itu juga mungkin dia punya. Oleh sebab itu untuk menyelesaikan perkara ini kita serahlah kepada mahkamah dunia untuk menentukan.

Jadi... [*Menerima dokumen daripada Bentara*] Ini jawapan pun sampai berkenaan dengan soalan nombor 4 tadi, mengapakah Malaysia tidak mengisytiharkan titik pangkal di Pulau Batu Puteh, South Ledge dan Middle Rock kerana Malaysia sebelum ini berpendirian ia adalah miliknya. Jika tidak diisytiharkan adakah ini menunjukkan pulau-pulau tersebut bukan milik Malaysia walaupun mahkamah keadilan belum membuat keputusan. Soalan ini macam Yang Berhormat bangkitkan tadi.

Malaysia dan Singapura telah pun bersetuju untuk membawa isu tuntutan kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh, South Ledge dan Middle Rocks ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa. Ada tiga semua dalam International Court of Justice. Dalam hal ini kes ini telah menjadi kes mahkamah dan mahkamah akan memutuskan soal tuntutan kedaulatan ini. Apa-apa tindakan yang dilaksanakan oleh mana-mana pihak mengenai ini selepas tarikh timbul pertikaian pada tahun 1980 sebenarnya, tidak akan diambil kira oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa yang akan memberikan apa-apa kelebihan kepada Malaysia. Maknanya kalau hari ini kalau Singapura yang selepas tahun 1980, Singapura halau orang, itu bukan bermakna bukti menunjukkan itu hak dia. Ini adalah yang dimaksudkan.

Selepas 1980, kalau berlaku di mana Singapura menghalau rakyat Malaysia daripada datang dekat ke pulau, itu tidak boleh dijadikan sebagai bukti mengatakan bahawa inilah hak mereka, tidak boleh pakai. Kalau dia hendak halau, halaulah. Tidak kisah, tetapi dia tidak boleh digunakan sebagai bukti untuk menunjukkan Singapura berkuasa.

Apabila kes ini telah diputuskan dan dimuktamadkan oleh ICJ maka situasi akan menjadi jelas tentang kedudukan titik pangkal Malaysia dan seterusnya akan diisytiharkan oleh Malaysia. Begitu juga dengan Sipadan yang sudah saya sebutkan tadi, sebelum itu kita tidak boleh buat tetapi lepas ini sudah di isytihar, kita buatlah seperti mana yang kita akan buat pada hari ini.

Itu jawapan kepada Yang Berhormat. Perkara-perkara lain, saya ingat yang dibangkitkan itu semua telah pun saya jawab. Insya-Allah kerana untuk hendak menjaga kepentingan warga kita di dalam kawasan *fishing area* dengan izin, di lautan kita, itulah sebab kali ini kita akan memutuskan dan mengisytiharkan apakah kawasan maritim kita. Selepas ini kita boleh mengambil tindakan kalau sekiranya ada pencerobohan yang dibuat dalam kawasan kita. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengucapkan terima kasih berbanyak-banyak atas perbincangan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal 1 hingga 9 dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG ORDINAN NO. 7 (KUASA² PERLU)
DARURAT (PINDAAN) 2006**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.55 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Nombor 7 (Kuasa² Perlu) Darurat 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Silakan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada 3 Mei 2006 memutuskan supaya Malaysia mengisytiharkan Garis dan Titik Pangkal Zon Maritim melalui Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006 Ordinan No. 7 (Kuasa² Perlu) Darurat 1969 yang turut menyentuh mengenai garis dan titik pangkal juga perlu dipinda sewajarnya.

Rang undang-undang Ordinan No. 7 (Kuasa² Perlu) Darurat (Pindaan) 2006 dikemukakan pada persidangan Dewan yang mulia ini. Rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Ordinan No. 7 (Kuasa² Perlu) Darurat 1969 PU(A)307A/69. Huraian undang-undang ini adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memotong Seksyen 5 PU(A)307A/69 berbangkit daripada pembuatan Akta Garis Pangkal Zon Maritim 2006. Seksyen 5(1) dengan seberapa segera yang boleh selepas ini atau kemudiannya kelak dari semasa ke semasa sebagaimana didapatinya perlu, Yang di-Pertuan Agong hendaklah mengarahkan supaya disiarkan satu peta *scale* besar menunjukkan tikas-tikas air surut, garis-garis asas sempadan-sempadan luar dan kawasan-kawasan perairan wilayah Malaysia. Satu salinan peta itu hendaklah disiarkan dalam Warta untuk pemakluman umum.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda Seksyen 6 PU(A)307A/69 berbangkit daripada pembuatan Akta Garis Pangkal Zon Maritim 2006. Seksyen 6 ini ialah menurut apa-apa perjanjian yang dibuat antara Malaysia dengan suatu negara lain yang berpantai. Yang di-Pertuan Agong hendaklah dengan perintah mengubah suai kawasan perairan Malaysia dan apa-apa pengubahsuaian itu yang dibuat hendaklah disiarkan dalam Warta untuk pemakluman umum.

Fasal 4 bertujuan untuk memotong Seksyen 7 PU(A)307A/69 berbangkit daripada pembuatan Akta Garis Pangkal Zon Maritim 2006. Seksyen 7 ini ialah dalam apa-apa pembicaraan di hadapan mana-mana mahkamah dalam Malaysia jika soal timbul tentang sama ada sesuatu perbuatan atau ketinggalan telah berlaku di dalam atau di luar perairan wilayah Malaysia, maka suatu perakuan menyatakan yang demikian itu berupa ditandatangani oleh atau bagi pihak menteri yang bertanggungjawab atas hal ehwal luar negeri hendaklah diterima sebagai keterangan dan hendaklah menjadi bukti prima facie mengenai nyataan-nyataan yang tersebut di dalamnya.

Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Ordinan No. 7 (Kuasa² Perlu) Darurat 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, sila.

12.59 tgh.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Ordinan No. 7 (Kuasa² Perlu) Darurat (Pindaan) 2006. Saya hairanlah Tuan Yang di-Pertua, terdapat Rang Undang-undang Darurat dalam zaman sekarang. Khasnya Tuan Yang di-Pertua, saya tuju kepada Ordinan Ibu, Ordinan No. 7 (Kuasa² Perlu) Darurat tahun 1969 yang berkuat kuasa pada 10 Ogos tahun 1969.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya fikir ucapan panjang lagi. Yang Berhormat boleh berucap selepas tengah hari ini.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Baik, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, sila sambung.

2.32 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya nyatakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hairan rang undang-undang seperti mana di depan kita sekarang telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Tujuan rang undang-undang ini adalah untuk meminda Akta Ibu iaitu Ordinan No. 7 (Kuasa² Perlu) Darurat 1969 yang berkuat kuasa pada 10 Ogos tahun 1969. Akta Ibu itu, Tuan Yang di-Pertua, ada diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada masa itu pada 2 Ogos tahun 1999. Pada masa itu darurat.

Tetapi sekarang, dalam tahun 2006, soalan yang berbangkit adalah ini – adakah negara ini bawa satu proklamasi darurat. Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada latar belakang pengisytiharan darurat – tiga kali yang nasional dan sekali yang bagi negeri Kelantan. Proklamasi yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, proklamasi darurat yang pertama ada diisytiharkan pada tahun 1948 oleh penjajahan British untuk mengatasi, dengan izin, *the communist insurgency*.

Proklamasi darurat yang kedua, ada diisytiharkan pada 3 September tahun 1964 oleh Yang di-Pertuan Agong untuk mengatasi konfrontasi Indonesia. Selepas 13 Mei tahun 1969, Tuan Yang di-Pertua, Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan sekali lagi satu proklamasi pada 15 Mei tahun 1969. Adakah kita sekarang dalam satu keadaan darurat, boleh dikatakan selepas proklamasi yang pertama, apabila proklamasi yang kedua ada diisytiharkan, bermakna implikasi adalah proklamasi yang pertama luput. Bagi proklamasi yang kedua, apabila proklamasi darurat yang ketiga ada diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada tahun 1969, adakah ini bermakna proklamasi yang kedua luput.

Tuan Yang di-Pertua, ada peruntukan dalam Perlembagaan kita iaitu Artikel 150, Bahagian Ketiga di mana Parlimen ada kuasa untuk membatalkan sesuatu proklamasi darurat atau apa-apa ordinan yang ada dibuat bahawa proklamasi darurat itu. Ini bermakna bukan implikasi yang jadi ujian tetapi peruntukan di dalam Perlembagaan iaitu Artikel 150, Bahagian Ketiga harus digunakan oleh kerajaan. Kenapa kerajaan, selepas Parlimen bersidang pada 20 Februari tahun 1971, kerajaan tidak mengambil langkah-langkah untuk menutupkan ketiga-tiga proklamasi ini atau ia membatalkan. Apa tujuan kerajaan untuk mengadakan satu proklamasi darurat dalam negara. Adakah tujuan untuk menentukan apabila kerajaan tidak boleh mengatasi sesuatu keadaan atau peruntukan dalam ordinan-ordinan yang dibuat di bawah proklamasi itu boleh digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Keselamatan Dalam Negeri, walaupun akta itu ada dibuat bahawa Artikel 149, tetapi apabila kami meneliti isi kandungan *The Internal Security Act* yang dibuat oleh Parlimen pada tahun 1960, tetapi isi kandungannya adalah seperti mana

ada di dalam *The Emergency Regulations 1948*. Tuan Yang di-Pertua, apabila *The Emergency Public Order and Prevention of Crime, Ordinance No. 5 of 1969*, dengan izin, ada meneliti peruntukan-peruntukan dalam ordinan itu adalah untuk memberi kepada kerajaan khususnya kepada Menteri Dalam Negeri untuk menahan seseorang tanpa apa-apa percabaran dalam mahkamah. Kenapa, kenapa Tuan Yang di-Pertua, ketiga-tiga Perdana Menteri kita iaitu Tuanku Abdul Rahman, Tun Hussein Onn dan Tun Mahathir Mohamad tidak mengambil apa-apa langkah untuk membatalkan ketiga-tiga proklamasi itu di bawah Artikel 150(3)? Apa motif kerajaan untuk mewujudkan ketiga-tiga proklamasi ini ialah mengambil apa-apa tindakan di bawah Artikel 150(3). Saya boleh faham, Tuan Yang di-Pertua, Tun Mahathir Mohamad, seorang *political animal*, dengan izin...

Beberapa Ahli: Tarik balik!

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan tarik balik. Itu adalah menjadi kenyataan. Dia adalah seorang *political animal*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya rasa tidak eloklah...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini salah satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...Guna perkataan itu.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan tidak elok, Tuan Yang di-Pertua. Kami semua dalam politik boleh dikatakan *political animal*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Termasuk Yang Berhormatlah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, bukan kita *political animal*. Itu dikategorikan untuk diri sendiri. Tidak apa. Jangan kenakan orang lain.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tidak payah buang masa tarik balik, Tuan Yang di-Pertua. Itu bukan susah. Saya mahu dapat tahu daripada kerajaan, berapa Ordinan (Kuasa² Perlu) Darurat yang masih wujud dalam negara ini. Saya mahu dapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri, adakah tujuan kerajaan untuk dengan izin, *invoked the provision of Article 150(3) and revoke all the three proclamations* dan juga Ordinan-ordinan (Kuasa² Perlu) Darurat yang dibuat di bawah ketiga-tiga proklamasi ini.

Oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, untuk menarik *foreign investment*, kami harus menarik balik proklamasi darurat. Selepas tahun 1969, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *the entire country is security area*. Siapa *foreign investor* mahu *invest*, dengan izin, dalam satu *security area*. Satu tempat di mana ada satu darurat. Lebih baik untuk Parlimen ini, Tuan Yang di-Pertua, jika perlu membuat apa-apa yang munasabah yang ada dalam Ordinan-ordinan Darurat ini sebagai satu Akta Parlimen. Itu lebih baik, Tuan Yang di-Pertua, untuk kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu perbincangan yang pendek oleh saya dalam perbincangan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

2.44 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Dia telah membangkitkan berkenaan soal mengapa kita tidak menggunakan Artikel 150(3) untuk membatalkan semua ordinan darurat yang telah dikeluarkan pada tahun 1948, 1964 dan 1969. Saya telah pun menghubungi pihak *AG's Chambers* untuk supaya kita menimbangkan pandangan Yang Berhormat itu yang memang memerlukan kepada satu *exercise* yang besar-besaran untuk melihat berkenaan dengan peruntukan-peruntukan yang mana kalau sekiranya ia masih

diperlukan, maka kita harus memperaktakannya dan tidak lagi mengguna Ordinan-ordinan Darurat ini.

Jadi, dalam hal ini oleh kerana kita meminda maritim oleh kerana ordinan ini tidak dibatalkan, maka ia masih lagi menjadi undang-undang. Jadi dalam membincangkan rang undang-undang ini, maka sememangnya kita terpaksa meminda ordinan ini kerana ia masih lagi menjadi undang-undang...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bagaimana dengan proklamasi? Adakah tujuan kerajaan untuk membatalkan ketiga-tiga proklamasi itu oleh kerana Ordinan (Kuasa² Perlu) Darurat ada dibuat bahawa proklamasi tahun 1969, adakah tujuan kerajaan untuk membatalkan kesemua proklamasi ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya akan bincang perkara ini dengan pihak *AG's Chambers* untuk mendapat satu keputusan tetapi pada ketika ini ordinan itu tidak dibatalkan lagi kerana ia boleh dibatalkan menerusi perjumpaan Parlimen, keputusan Parlimen....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Proklamasi!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Belum lagilah. Maknanya kita belum lagi, tetapi ini maknanya kita akan melakukan satu *exercise* yang besar-besaran untuk melihat semua pengisytiharan Ordinan Emergency ini tahun 1948, 1964, 1969, kita lihat semua...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini adalah proklamasi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, belum lagilah maknanya proklamasi.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini bukan ordinan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Ya, proclamation.*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Proclamation* tahun 1948, 1969 dan 1964.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, sebab itu saya kata saya akan membawa perkara ini dengan pihak *AG's Chambers* untuk mendapatkan maklumat untuk memastikan supaya perkara yang dibangkit ini akan dapat diselesaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG ZON EKONOMI
EKSKLUSIF (PINDAAN) 2006**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada 3 Mei 2006, memutuskan supaya Malaysia mengisytiharkan garis dan titik pangkal zon maritim melalui Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006. Garis dan titik pangkal ini turut disentuh dalam Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984. Justeru itu beberapa seksyen akta ini juga perlu dipinda sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif Pindaan 2006 dikemukakan pada Persidangan Dewan yang mulia ini. Rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984, Akta 311. Huraian rang undang-undang ini adalah seperti berikut:-

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memotong subseksyen 3(3) Akta 311 yang berbangkit daripada pembuatan Akta Garis Pangkal Zon Maritim 2006, dan seksyen 3(3) Yang di-Pertuan Agong boleh menyebabkan had-had Zon Ekonomi Eksklusif disiarkan dalam peta atau carta dari semasa ke semasa. Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Zon Ekonomi Eksklusif Tahun 1984, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah ini kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 2006**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pihak Kementerian Kewangan.

[Tiada wakil]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri belum sampai, jadi terpaksa saya tempohkan mesyuarat selama 15 minit.

Mesyuarat dtempohkan pada jam 2.57 petang.

Mesyuarat disambung semula pada jam 3.13 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya memohon maaf di atas kelewatan tadi, oleh sebab saya pun tidak menjangka bil ini akan sampai dengan cepat. Saya ambil kesempatan itu untuk pergi buat *medical check-up* di *Sepang Hospital*.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama rang undang-undang untuk meminda Akta Kastam 2006. Rang undang-undang ini adalah bertujuan meminda Akta Kastam 1967 sebagai susulan kepada peruntukan langkah-langkah pelindung di dalam Akta Undang-undang Pelindung 2006.

Rang Undang-undang Pelindung 2006 yang sedang dibahaskan oleh Dewan yang mulia ini adalah merupakan langkah yang boleh diambil oleh Malaysia lanjutan daripada pendirian Pertubuhan Perdagangan Dunia atau WTO, membenarkan ahli-ahlinya mengambil tindakan untuk menyekat kemasukan sesuatu produk import dan bila berlaku peningkatan import secara mendadak. Tindakan ini adalah sebagai langkah pelindung *safeguard measures*, yang boleh dilaksanakan bila berlakunya kemudaratan atau ancaman kemudaratan yang serius kepada industri tempatan sesebuah negara akibat dari peningkatan import yang mendadak. Perundangan pelindung melibatkan kutipan duti pelindung.

Oleh demikian, pindaan ke atas Akta Kastam 1967 perlu dibuat bagi menguatkuasakan kutipan duti pelindung. Definisi duti dalam seksyen 2, Akta Kastam 1967 akan dipinda sebanyak duti pelindung diambil kira sebagai salah satu duti yang boleh dikutip oleh Jabatan Kastam Diraja bagi pihak Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai tiga fasal seperti berikut:-

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa menteri untuk meletakkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 235 untuk memasukkan duti pelindung dalam tarif duti kastam dan bertujuan untuk meminda seksyen 122(c) Akta 235 supaya apabila perlu untuk membuktikan amaun duti pelindung, pengeluaran satu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah menyatakan amaun duti pelindung adalah mencukupi bagi mahkamah untuk membuat penghakiman bagi amaun itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang terhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Santubong, sila.

3.16 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun dah lama tak cakap Tuan Yang di-Pertua. Bagilah saya peluang cakap sikit-sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hari ini baru *start* mesyuarat...
[Ketawa]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Daripada sesi yang lepas saya tidak cakap Tuan Yang di-Pertua. Bukan sebab saya tidak hendak cakap, tapi kadang-kadang tengok kawan sudah ramai cakap, jadi saya bagi peluang dekat kawanilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, memang hati baiklah Yang Berhormat .

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi hari ini, alhamdulillah. Saya pun ada peluang bercakap dan undang-undang pun sudah ada dibentang dan undang-undang ini amat relevan untuk dibincang dengan panjang lebar.

Tuan Yang di-Pertua, pertama kita kena berbincang soalan kastam. Kastam telah mendapat tarikan umum beberapa sesi yang lepas oleh sebab beberapa sebab yang tertentu. Jadi, sebenarnya Jabatan Kastam ini memang satu jabatan yang ke hadapan sekali dalam apa sahaja persoalan. Jadi apabila satu-satu agensi kerajaan yang begitu aktif dan banyak memberi perkhidmatan bahkan sumbangan kepada negara ini. Kalau dikatakan daripada nilai sumbangan, daripada kutipan dari kastam, saya cukup yakin Jabatan Kastam ini mempunyai satu prestasi yang amat tinggi sekali untuk memungut cukai dan apa sahaja bayaran yang perlu kepada pihak kerajaan berlandaskan cukai yang perlu dikenakan kepada pihak-pihak yang tertentu.

Daripada perkara ini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, berapakah pungutan cukai pada tahun kastam dipecahkan mengikut industri pada tahun 2005 lepas? Kerana sekarang, 2006 belum berlalu lagi. Jadi, tidak wajarlah saya tanya soalan 2006. Saya bertanya soalan ini ialah berbangkit daripada liberalisasi yang telah berlaku khususnya di kawasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Hemm! Saya tak bagi, belakang kena hentam. Kena bagi jugalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Santubong. Saya tertarik dengan awal perbahasan Yang Berhormat bagi Santubong tadi, bahawa kastam begitu popular pada sesi yang lalu. Saya mengikut dengan dekat antara pertelingkahan. Minta maaf, kalau boleh saya katakan perkataan pertelingkahan atau pertentangan atau perbalahan atau perbahasan atau konflik....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa lagi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Antara Yang Berhormat bagi Jasin dengan kastam, sehingga berlarut-larutan. Di mana asal puncanya, apabila Yang Berhormat bagi Jasin mengemukakan pandangan-pandangan, pendapat-pendapat yang menyentuh tentang kastam itu sendiri. Ini menjadi gawat. Menjadi gawat. Gawat tahu, apa gawat itu? Menjadi huru-hara, kerana Ketua Pengarahnya menjawab kemusykilan, kritikan, pandangan, pendapat..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Seorang Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah Yang Berhormat mengambil alih Santubong untuk berucap?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak. Ini saya, nak menyoal Santubong sambil didengar oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan yang menjaga kastam.

Apabila soalan itu dijawab oleh kakitangan kerajaan, sedangkan saya difahamkan Yang Berhormat bagi Jasin mengemukakan soalnya kepada kementerian dalam Parlimen. Tidak sepatutnya dijawab oleh agensi berkenaan secara langsung melalui akhbar. Saya rasa ada sedikit ketempangan, ada sedikit kepincangan, ada sedikit kesalahan atau ada sedikit tidak kena dalam urusan ini. Saya berharap semua jabatan tidak perlu menjawab apa yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen di dalam Parlimen dan kalaupun hendak menjawab ialah oleh kerajaan, menteri, timbalan menteri atau setiausaha Parlimen. Mereka diberikan kuasa untuk menjawab dan Ahli Parlimen rasa dia dihargai.

Akan tetapi apabila dijawab oleh pihak kakitangan Kerajaan, pegawai Kerajaan di akhbar dia sudah menjadi sesuatu yang, sebagai peribadi, tidak molek kemudian berlarut-larutan berpanjangan sehingga ada tuduhan menyatakan Ahli Parlimen pula cuba hendak memburukkan jabatan kerajaan dan ada juga pendapat orang ramai bahawa jabatan kerajaan pula lebih berkuasa daripada Ahli Parlimen. Jadi masing-masing menunjukkan pelbagai contoh yang ditafsir oleh umum. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Santubong, apakah wajar perkara itu kita boleh benarkan. Jadi bagaimana pendapat Yang Berhormat bagi Santubong tentang perkara ini?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar soalan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Walaupun dianggap orang sebagai membawa perkara yang telah kita bincang begitu banyak dan kita bercakap dalam media begitu banyak, persoalan masalah berbangkit daripada episod atau satu *chapter* dalam sejarah Parlimen berhubung dengan Yang Berhormat bagi Jasin, membangkit satu-satu perkara dan dijawab oleh agensi Kerajaan secara terbuka di hadapan media. Jadi mencetuskan satu boleh dikatakan iaitu satu perang media berlaku. Jadi saya melihat perkara ini dalam satu sudut. Pertama iaitu, hak seseorang Ahli Parlimen membawa satu-satu isu di Dewan Parlimen ini, hak ini tidak boleh tergugat dan tidak boleh digugat.

Jadi dengan sendirinya kalau hak seorang Ahli Parlimen itu digugat, kita secara dengan tidak langsung telah mempersoalkan hak Parlimen itu sendiri membangkitkan apa sahaja isu sama ada benda ini satu kepincangan, kesalahan, kelemahan ataupun daripada segi dasar dan pelaksanaan oleh mana-mana pihak sekalipun. Kerana Parlimen adalah badan yang terunggul dalam negara ini. Tidak ada yang lebih tinggi daripada Parlimen untuk apa persoalan sahaja, sama ada soalan itu soalan politik, soalan itu soalan ideologi, soalan itu berhubung dengan pentadbiran ataupun pengurusan kerajaan itu sendiri ataupun tingkah laku seseorang itu sendiri. Tidak ada satu badan yang lebih tinggi boleh mempersoalkan apa sahaja selain daripada Dewan ini.

Maknanya tidak seorang pun hamba Allah dalam Malaysia ini berhak melainkan hak-hak itu telah ditetapkan dalam Perlembagaan boleh mempersoalkan tugas dan tanggungjawab Ahli Parlimen dalam Parlimen ini. Jadi ini kita kena jaga, dalam kita meniti satu jambatan yang begitu tipis sekali, kita jaga dalam penitiran kita itu tersalah langkah membuat perkara yang salah. Jadi dalam keadaan sedemikian daripada awalnya tingkah laku dan perbuatan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Jasin itu adalah betul. Apa yang menjadi salah ialah apabila perkara isu ini dibawa ke hadapan ramai dan di bawa menjadi satu pertelingkahan oleh pihak agensi-agensi kerajaan yang hendak membetulkan fakta-fakta yang dianggap kurang betul.

Walau bagaimanapun, saya masih berpendirian bahawa jawapan yang dibuat sepatutnya disalurkan menerusi menteri yang bertanggungjawab kepada *Custom Department*, bukan Jabatan Kastam itu sendiri membuat jawapan secara terus...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua Yang Berhormat yang bangun Yang Berhormat?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Bagi Yang Berhormat bagi Jerai. Saya minta maaf, bagi Yang Berhormat bagi Jerai dahulu. Lepas ini Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Saya amat tertarik kerana Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, ialah tempat kita mengeluarkan rintihan daripada rakyat, masalah daripada rakyat yang kadang-kadang orang berpendapat bahawa remeh-temeh kadang-kadang. Benda ini memanglah kadang-kadang setiap tahun Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Santubong kita cakap fasal jalan luar bandar, kita cakap fasal itu tidak habis-habis kerana benda ini tidak selesai dan kadang-kadang mungkin ada kepentingan. Kepentingan itu kerana kita mengalami.

Contohnya kalau Ahli Parlimen itu berniaga, dalam urusan perniagaannya di samping ia menjadi Ahli Dewan Rakyat dia mengalami juga masalah-masalah yang melibatkan kepentingan perniagaan dia dan Ahli Parlimen dibenarkan berniaga. Ini tidak salah, kalau kita pegawai Kerajaan memang tidak boleh. Jadi kalaulah Ahli Parlimen yang berniaga itu menghadapi juga masalah-masalah dalam kerjayanya sebagai seorang peniaga, apatah lagi orang biasa yang berniaga?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah semua ini berkaitan dengan kastam, *bili* yang kita bahas?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Fasal Tuan Yang di-Pertua, pendapatan daripada kastam, balik kepada kerajaan, kerajaan memberi pembangunan kepada rakyat... [Ketawa]

Rakyat berurus niaga, dia, dia berkait Tuan Yang di-Pertua, dia berkait kerana ini pendapatan rakyat kepada kerajaan, daripada kastam kepada kerajaan dan balik kepada rakyat dan wang ini digunakan untuk urus niaga dan sebagainya. Jadi ini melibatkan antara rakyat termasuklah orang berniaga, orang tidak berniaga dan sebagainya dengan agensi-agensi kerajaan. Jadi pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat bersetuju bahawa kita kena terbuka, minda kita terbuka menghormati liku-liku perundangan yang kita bahas dan luluskan di Dewan yang mulia ini. Jadi dia ada perenggan dia. Perenggan dia macam ini, kalau kita hakim ini dia perenggan dia, kalau kita peguam ini perenggan-perenggan bidang kuasa dia. Kalau kita ketua jabatan ini perenggan-perenggan dia.

Dia kena faham dan memahami. Begitu Yang Berhormat bagi Sri Gading, faham-memahami tentang tugas dan tanggungjawab dan kita kena anggap wakil rakyat ini bukan untuk menyusahkan kerajaan, tidak. Wakil rakyat adalah untuk menyenangkan kerajaan kerana kerajaan dipilih oleh rakyat. Jadi yang kita bimbang, kita takut kalau kita tidak menyuarakan sesuatu daripada rintihan dan keluhan rakyat, akhirnya rakyat akan menolak kita sebagai wakil yang tidak bertanggung jawab. Jadi kadang-kadang memang nasib kita Yang Berhormat bagi Santubong, ibarat lilin membakar diri untuk menerangi yang lain. Biar kita terkorban asalkan rakyat bahagia.

Jadi saya haraplah antara pegawai kerajaan dengan wakil rakyat ini, mereka adalah satu pasukan, satu keluarga Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kesemua ini nanti siapa nak jawab?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: SUP Kementerian Kewangan. Dia menjaga semua, duit ringgit semua dia jaga. Semua kementerian mai daripada Kementerian Perbendaharaan turun kepada semua-semua. Saya bersimpati Yang Berhormat, Yang Berhormat pun tidak sihat, jaga diri Yang Berhormat. Ya, jangan ini... Saya berdiri tidak apa. Kita manusia. Kita merancang Yang Berhormat, Tuhan

menentukan. Jadi Yang Berhormat lambat tadi, Yang Berhormat merancang tetapi Tuhan menentukan, Dia lambat. Jadi jangan marah kat Dia lah. Jangan marah ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lambat sepuluh minit sahajalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi Yang Berhormat bagi Santubong. Kita mahu hubungan di antara pegawai-pegawai kerajaan dengan wakil rakyat ini seperti abang dan adik kerana pegawai kerajaan menjalankan dasar yang kita luluskan dan yang kita bahaskan. Kita tak boleh usik dasar ini, kita hanya boleh bahas tapi kita hendak *implement* kan dasar ini, pegawai kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Nak habis dah. Lama tak bercakap, cuti panjang. Jadi ada peluang ini, mintak sedikitlah. Jadi Yang Berhormat bagi Santubong, saya berharap kita wakil rakyat pun memahami rintih pedihnya pegawai kerajaan. Jadi dengan dua ini, kita saling hormat-menghormati, sayang menyayangi dan insya-Allah semua akan beres. Setuju Yang Berhormat bagi Santubong dengan pandangan yang cukup bernas daripada saya? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ada kaitan, ada kaitan. Terus boleh jawab sekali. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Yang Berhormat bagi Jerai mengenai pengasingan kuasa. Pengasingan kuasa antara eksekutif dengan *legislative* dan *judiciary*.

Saya rasa mungkin dalam dekad yang lalu ada kekeliruan. Saya minta penjelasan ya. Kekeliruan mengenai peranan ketiga-tiga komponen ini. Kalau kita mengambil Jabatan Kastam dan apa budaya yang telah terjadi dalam penggal yang lalu yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading itu, saya rasa ini adalah suatu yang betul, suatu yang 'begitu cacat sekali' tidak harusnya berlaku tetapi sudah berlaku.

Mungkinkah ini disebabkan oleh kerana dalam satu dekad ini peranan Parlimen ini sendiri sudah goyah sedikit. Contohnya di mana kita letakkan *AG Chambers*? Di bawah *judiciary* atau di bawah eksekutif? Satu. Saya minta penjelasan kerana saya tahu Yang Berhormat bagi Santubong seorang yang tahu mengenai hal-hal Perlembagaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sangat jauhlah keluar daripada tajuk.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tidak ada, tidak ada. Sekejap, ada. Ada kaitan dengan jabatan eksekutif, Tuan Yang di-Pertua. Eksekutif adalah Jabatan Kastam. Ada kaitan. Tepat sekali nanti. Saya hendak tanya satu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah Yang Berhormat. Ini bahaslah semasa perbahasan *budget*, boleh.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya hendak tanya satu lagi. Adakah ini kerana baru-baru ini ada usaha dalam tempoh dua tahun ini untuk meletakkan balik Parlimen dalam konteks yang sebenarnya. Ada usaha nampaknya. Adakah ini disebabkan oleh kerana tiba-tiba Parlimen telah menonjol dalam peranannya dan eksekutif rasa bahawa budaya sudah berbeza dan inilah proses demokrasi yang perlu kita kekalkan dan amalkan. Minta pandangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Nanti yang jawab bukan menteri, Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Santubong, Tuan Yang di-Pertua. Ha, beliau

layak menjawab. Minta penjelasan. Adakah ini satu yang positif dan yang baik, konflik-konflik sebegini?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bagi kelonggaran sedikit kepada kami bersidang dan berbahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, Yang Berhormat sudah lama tidak berucap tidak apalah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi oleh kerana lama dah cuti dah, jadi kawan pun nak cakap. Jadi saya itulah bagi peluang dengan kawan hendak cakap. Jadi, ya, memang ada hubung kait sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Sebagaimana yang dikaitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Yang Berhormat bagi Jerai berhubung dengan perhubungan di antara eksekutif ataupun pegawai kerajaan yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerai dengan Ahli Parlimen Cameron Highlands iaitu *legislature*.

Jadi perhubungan ini memang jelas. Sebagai dasar dan hakikatnya, bahawa ada perbezaan di antara tiga badan kerajaan. Tiga badan kerajaan ini, kerajaan ialah seluruh Malaysia ini, macam mana ia ditadbir dan untuk menjalankan pergerakan pentadbiran itu ada tiga organ kerajaan yang bergerak.

Iaitu satu ialah Parlimen. Tugas Parlimen ialah untuk mengeluarkan perundangan, mengeluarkan dasar, memantau pelaksanaan, meluluskan sumber kewangan dan melihat supaya sumber kewangan ini dilaksanakan, dibelanjakan dan digunakan oleh pihak eksekutif sebagaimana dengan semangat dan suratnya, *the letters and spirit*, kelulusan daripada Parlimen itu sendiri. Dalam mereka memantau ini, kerana eksekutif dianggap satu badan lagi wujudnya lain, yang hanya tugas dia melaksanakan dasar yang ruang lingkupnya begitu besar sekali oleh Parlimen.

Dalam pelaksanaan itu, perhubungan itu mesti erat. Kalau tidak pincanglah pergerakan, perjalanan, pentadbiran negara ini oleh kerana pengeluar dasar, pengeluar undang-undang tidak sehaluan dengan pelaksanaan. Jadi dalam mereka memantau, Parlimen memantau, bukan Parlimen yang boleh bercakap. Batu dan kayu ini tidak boleh bercakap. Yang bercakap ialah Ahli Parlimen.

Jadi dengan menggunakan mulut, mata dan telinga Ahli Parlimen itulah, Parlimen ini bercakap memberitahu kepada pegawai-pegawai kerajaan. Kadangkalanya ada daripada persepsi ataupun pandangan, ataupun fikiran Ahli Parlimen itu sahaja mungkin kurang tepat dan kurang betul dipandang daripada kaca mata pihak pentadbir iaitu pegawai eksekutif yang menggunakan semua kebijaksanaan, *technicalities* dan teknologinya.

Jadi di sanalah letaknya kadang-kadang ada pertelingkahan sedikit. Jadi dalam soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands kerana beliau salah seorang daripada rakan yang terlibat dalam jawatankuasa untuk menyelidik soalan bagaimana hendak mempertingkatkan martabat Parlimen itu sendiri supaya ia menjadi satu organ yang sama tahap di antara organ eksekutif yang diketuai oleh Perdana Menteri dan badan Parlimen yang juga Perdana Menteri menjadi *the Leader of the House*. Diketuai oleh *Speaker* dan badan kehakiman yang diketuai oleh hakim yang menginterpretasikan undang-undang diluluskan oleh Parlimen.

Kalau undang-undang itu dibuat, ia tidak selari dengan cara penginterpretasian ia, hakim boleh mengatakan undang-undang ini tidak betul. Dia boleh mencemuh atau dia mengkritik Parlimen kerana undang-undang kurang tepat. Jadi, berbalik saya kepada soalan undang-undang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kalau kita meluluskan undang-undang, saya cukup yakin pandangan saya, pandangan peribadi saya sepatutnya penggubalan undang-undang atau *draughtsman of laws*, sepatutnya di bawah Parlimen kerana di sanalah letaknya kelulusan, di sana letaknya kritikan, di sanalah letak aspirasi rakyat yang boleh diisi ke dalam undang-undang dan di

sanalah letaknya kita boleh membawa kepada pihak rakyat apakah input-input rakyat yang boleh dibawa kepada Parlimen dan dimasukkan ke dalam perundangan yang agak akhirnya nanti menjadi dasar dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dah pergi ke Lautan Pasifik dah Tuan Yang di-Pertua. Jalan oleh kerana soalan kawan terpaksa dijawab. Debat saya itu tertinggal ke belakang masih di Parlimen Malaysia. Sekarang minta mohon Tuan Yang di-Pertua, saya balik ke Parlimen ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada cakap lagi?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Sikit. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan tambahan sedikit kepada Yang Berhormat bagi Santubong. Baru-baru ini saya terlibat dalam Jawatankuasa Integriti yang telah memanggil kedua-dua Jabatan Kastam dan Datuk untuk berbincang sama mengenai hal ini. Baik, ini saya bukan hendak masuk ke isu sana. Mengenai apa yang telah berlaku dalam *hearing*, dengan izin.

Apa yang penting sekali saya berbalik kepada isu tadi. Dengan adanya pelbagai jawatankuasa baru-baru ini, kita nampak bahawa hubungan antara *legislative, legislature* dan eksekutif semakin bermakna. Maka mungkin selama ini, proses ini tidak nampak oleh kakitangan-kakitangan kerajaan. Maka dengan adanya konflik sebegini, saya rasa telah menyuburkan lagi pemahaman kakitangan kerajaan khususnya Jabatan Kastam contohnya, mengenai apakah peranan kita dan apakah peranan mereka. Dan saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Santubong, adakah kebebasan ini sesuatu yang harus kita suburkan lagi atau pun kita harus berjaga-jaga, perlahan-lahan dalam memantapkan lagi institusi parlimen dan institusi eksekutif kerana kita nampak masih ada kekangan dari segi kewangan kita, pentadbiran di Parlimen kita. Dan apakah pandangan Yang Berhormat bagi Santubong terhadap memantapkan lagi institusi ini ke arah kecemerlangan? Terima kasih

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, Yang Berhormat. Ini berbalik kepada persoalan Parlimen. Kastam hanya digunakan sebagai merintiskan jalan untuk masuk ke Parlimen. Jadi, walaupun bagaimana oleh kerana persoalan telah pun dibangkit, cabaran telah dibuat, saya terpaksa menjawab Tuan Yang di-Pertua. Jadi, memang saya bersetuju dengan apa yang disebut ataupun diimbis oleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Oleh kerana saya sebenarnya sebagai individu dan sebagai Ahli Parlimen. Pada semenjak tahun 1995 dahulu apabila saya memasuki penggal kedua Ahli Parlimen, berkumpul dengan tiga orang empat orang kawan Ahli Parlimen Malaysia pada ketika itu pada tahun 1995 cuba hendak mewujudkan Jawatankuasa di Parlimen sebagaimana yang telah kita buat sekarang.

Jadi, pada masa itu kita bertindak bersendirian tidak ada *backup* daripada *backbenchers club* dan tidak ada *backup* daripada sesiapa pun kita berbincang di antara sendiri. Kerana pada pandangan kita, Parlimen Malaysia sepatutnya mempunyai jawatankuasa-jawatankuasa tertentu, penyelidikan-penyelidikan jawatankuasa tertentu, dan *select committee* yang tertentu dalam satu-satu isu. Khususnya apabila isu itu berbangkit dan melibat masyarakat umum Malaysia dan melibat satu perkara yang kontroversi, melibat satu perkara yang mungkin kita perlu input daripada masyarakat umum. Jadi dalam ketika itu kita menyelidik salah satu jawapan dan kekangan yang kita dapati apabila kita memasuki banyak internet di seluruh dunia, di South Amerika, di Afrika, di England, di Eropah, New Zealand, Australia. Kita masuk internet mereka untuk mencari persoalan apakah kekangan-kekangan yang bakal dan telah dihadapi oleh pihak jawatankuasa-jawatankuasa Parlimen tersebut. Jawapannya dua yang menyerlah;

- (i) persoalan sokongan sumber kewangan daripada pihak kerajaan-kerajaan di seluruh dunia; dan
- (ii) persoalan sokongan *staffing* iaitu *human resource support* kepada badan-badan yang ditubuh oleh Parlimen itu sendiri.

Parlimen berkuasa untuk melulus, tetapi perangkaannya mesti telah dirangka oleh pihak *Ministry of Finance*. Di mana-mana pun, khususnya amalan dalam negara-negara Komanwel. Jadi dalam keadaan yang sedemikian kita melihat bahawa apabila kerajaan bermula dengan melantik Jawatankuasa, *Select Committee* khas untuk mencari pandangan

masyarakat umum untuk meminda perundangan jenayah dan peraturan jenayah Malaysia, kita melihat perkara ini adalah perkara yang amat positif sekali.

Jadi saya sebagai Ahli Parlimen dan sebagai wakil rakyat mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kerana saya cukup yakin kalau Perdana Menteri yang ada sekarang ini tidak menduduki tempat Perdana Menteri, wujudnya Jawatankuasa ini mungkin masih dalam impian orang macam saya sahaja. Jadi dengan tertubuhnya Jawatankuasa ini menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah membuka satu ruang dan satu langkah baru untuk menunjukkan bahawa Parlimen bukanlah agensi di bawah Perdana Menteri, tetapi satu badan, satu organ, yang berdiri di atas kakinya sendiri yang akan mencari satu jawapan kepada beberapa macam soalan untuk dasar negara untuk dilaksanakan oleh negara.

Jadi dengan keadaan sedemikian saya cukup yakin tindakan ini adalah amat elok dan sempurna sejajar dengan pandangan-pandangan kebanyakan Ahli-ahli Parlimen sekarang yang mempunyai pendidikan yang tinggi yang mempunyai kebolehan yang banyak. Dengan keadaan sedemikian, soalan cepat atau lambat, sama ada kita perlahan sangat ataupun cepat sangat itu pada masa sekarang saya tidak melihat ia satu persoalan yang menjadi persoalan yang besar sangat. Memang kita melihat apabila dua Jawatankuasa *Select Committee* bersidang dengan sendiri Parlimen sendiri menghadapi masalah *human resource* untuk menyokong perkara ini. Kita melihat sendiri saya sudah tahu 1995 saya sudah tahu masalah akan berlaku apabila Jawatankuasa ditubuh dan tidak mencukupi ahli-ahli pegawai kerajaan dalam Parlimen itu untuk menyokongkan Jawatankuasa itu sendiri.

Kita melihat bagaimana diusul dalam Dewan ini supaya Jawatankuasa ini boleh bersidang semasa Parlimen bersidang untuk mengatasi beberapa masalah yang berlaku. Apabila dua Jawatankuasa bersidang sekali, tiga bersidang sekali, saya dengar pegawai-pegawai kanan daripada pejabat setiausaha sekejap di Kuala Lumpur. Dalam masa sehari yang sama kita dengar dia ada di Johor Bahru, ada seorang pula pergi ke Sarawak ataupun ke Sabah. Memang Yang Berhormat secara panjang lebar saya mengulaskan kekangan-kekangan yang bakal kita hadapi ialah soalan *human resource requirement* dalam Jawatankuasa ini dan amalan dia.

Dan kedua, soalan sumber kewangan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini. Jadi di sini bukanlah tempatnya untuk saya hendak memohon kepada kerajaan untuk mengaturkan peruntukan yang jauh lebih banyak, menambahkan banyak lagi *human resource* kepada Parlimen supaya banyak lagi Jawatankuasa ini boleh dilaksanakan. Biarlah saya kembali Yang Berhormat dengan jet pejuang yang laju, sampai balik ke Parlimen untuk debat persoalan undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua.

Kembali saya kepada soalan cukai tadi dan liberalisasi yang saya sebut tadi dan akta dan WTO yang saya sebutkan awal tadi, yang saya nak minta pihak kementerian menjawab kesan-kesannya kepada industri-industri kita.

Apabila industri automotif dilaksanakan, salah satu keputusan yang dibuat oleh akta ialah mengatakan mana-mana pengusaha dan syarikat-syarikat yang ingin mendapatkan kemudahan untuk kemudahan dalam kawasan ASEAN mereka mestilah mempunyai *local content* tidak kurang daripada 40% dan *local content* ini Tuan Yang di-Pertua kepada orang yang bukan dalam industri. Dia kata *local content* mestilah daripada - kalau MODENAS umpamanya, saya sebut MODENAS, minta maaf MODENAS saya promosi MODENAS di sini tidak ada gaji. MODENAS kena mempunyai 40%, komponennya dibuat di Malaysia ini juga tetapi pembuat *part* dan komponen di Malaysia ini tidak boleh menyokong keperluan yang MODENAS kehendaki.

Akhirnya pengusaha kita bertindak bijak, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bertindak bijak. Saya tidak mengkritik, saya kata bijak. Dia beli *part* daripada negeri lain umpamanya daripada Thailand di mana *part* ini murah, dibeli daripada Taiwan di mana *part* ini murah, dimasukkan dalam negara kita ini dia buat bungkus sahaja. Lepas bungkus, dijual kepada MODENAS dengan ditunjukkan bahawa *part* ini kita yang keluar kita yang punya dan dapatlah 40% *local content* kepada MODENAS itu tadi bekalan yang mencukupi. Padahal *part* ini sebenarnya bukan dibuat di Malaysia ataupun di mana sahaja, di negara-

negara yang tertentu, tetapi diimport daripada luar negeri atas nama lain dan diberi kepada pemasang negara tersebut atas nama yang lain.

Jadi saya terlibat sedikit dalam industri ini, kecil sahaja penglibatan saya. Saya dapati dasar akta ini adalah tidak wajar, tidak boleh membantu *assemblers* dan *manufacturers* ini. Yang nak cuba kita buat iaitu untuk mewujudkan *manufactures of component and part* tidak mendatangkan hasil oleh kerana *volume* dia kecil tetapi untuk menyokongkan industri *assemblers* dan *manufacturers* kita dia tidak mendatangkan hasil kerana mungkin kita tidak kompetitif dengan harganya. Akhirnya *the complete product* yang kita jual, misalnya MODENAS tadi saya sebut ataupun *assembler* lain yang saya sebut akan menjual produk yang *complete* dengan harga yang mahal oleh kerana *part* yang dia beli sendiri ini sudah kalau tidak dibuat sendiri dia sudah mendapat untung lain. Diimport tadi *dire-brand*, lepas itu dijual. Dia dapat untung orang pertengahan itu dapat untung sedikit tetapi kepada *assembler* dia akan beli *part* yang lebih mahal kalau di *allow to buy direct*, dengan izin.

Jadi saya berbincang dengan seorang profesor nama Gerald Raise daripada Cardiff Universiti United Kingdom, pakar dalam bidang automotif industri. Dia kata memang kalau kita hendak buat sendiri dan *supply* kereta sendiri, dikatakan *local content* ini, dia tidak akan mendatangkan hasil yang baik kepada *Assemble* dan *Automotive Manufacturer*, tetapi sepatutnya sebagai satu kawasan Asia, kita sepatutnya *local content* maknanya ASEAN *content* bukan *the national content*, kalau *assemble* itu di Malaysia, *part* dan komponen beli boleh di *outsource*, *outsource* ini *is the business by itself*, dengan izin, tetapi *supply* nya kepada *assembler* kita supaya automotif kita, kereta kita, motor kita lebih kompetitif as a *complete* produk.

Dalam masa yang sama, orang ini bukan jadi *assemble* atau *manufacturer* tetapi sebagai *trader*. Singapura menjadi kaya raya bukan menjadi *manufacturer* tetapi sebagai *trader and re-brander*. Jadi kenapa kita tidak lihat, dalam kita memajukan *business* ini menggubal dasar ini, kita melihat kepentingan *businessman* itu sendiri. Jangan lihat daripada dasar kerajaan, fikiran kerajaan yang tidak terlibat dengan *business*. Jadi dalam keadaan sedemikian saya berharap pihak kementerian memikirkan soalan 40% *local content* atau beberapa peratus *local content* bukan daripada industri tempatan tetapi daripada ASEAN itu sendiri. Barulah dasar AFTA itu, memberi makna kepada semua pihak.

Jadi kalau kita lihat di Europe umpamanya, Europe menjadi kaya raya, dia hanya eksport keluar daripada Eropah hanya 40% sahaja benda-benda yang di *manufacture* atau pun di pelan di Europe itu di jual keluar negara. Itu adalah kenapa *European is not the biggest world trader* pada masa sekarang. Yang *biggest world trader* ialah Amerika, Eropah tidak, dia berjual sesama sendiri, dia *highly specialize*, satu negeri, satu produk nampak dia. Macam Jerman umpamanya *specialize in producing, very highly - high quality* kereta, jual *Mercedes*, jual *BMW* semua teknologi ini daripada Germany, orang *engineer* dia semua bijak pandai dan pandang tinggi, gaji pun besar. Jadi dia *high specialize*, kalau hendak jual bunga-bunga dan sebagainya itu, ada satu negeri yang jual, satu negeri lagi jual benda-benda yang lain. Jadi dia *trading among themselves*, apa yang *you* tidak ada, *I* jual, apa yang *I* tidak ada, apa beli pada *you*. Dia macam itu, jadi kenapa pula, ASEAN tidak boleh berlegar dalam keadaan sedemikian walaupun kita baru.

Saya tahu bahawa apabila *common market* mula difikirkan dahulu pada tahun 1970-an, sebenarnya sebelum daripada itu, tahun 1972 direalisasikan. Perkara-perkara *common market* ini diperbincangkan di Eropah jauh lebih lama daripada itu. Jadi pada ketika itu, mereka juga masih kelam kabut, persoalan undang-undang, persoalan *supremacy* Parlimen dia, *interference* daripada *European Parliament*, bermacam-macam lagi tetapi dalam masa yang sama, Eropah itu jauh perbezaannya dengan ASEAN, ASEAN kita semua pulau, dari Philippine pergi Malaysia pulau, daripada Malaysia pergi ke Indonesia pulau, daripada ini menerusi Malaysia baru sampai ke Thailand dan sebagainya, dan hanya sikit tanah besar, iaitu Indo-China, makna Laos, Vietnam dan Cambodia dan sampailah ke Myanmar dan Thailand. Selain daripada itu kita pulau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tunggu Yang Berhormat, tunggu saya habis sikit sahaja. Jadi dalam keadaan kita pulau itu, persoalan pengangkutan, *the reality of* pengangkutan, kita belum *established*. Yang mana di Eropah semenjak peperangan Napoleon dulu dia punya negara itu memang satu tanah, hanya di buat *boundary imaginary*. Jadi perhubungan mereka, senang di buat dan senang diolah. Kerana *barrier* dia adalah *artificial, imaginary* dan boleh dibuka dengan begitu sahaja. Jadi negara kita masih *diisolate*, diasingkan oleh sungai, laut dan batasan-batasan lain. Jadi ini perlu kita wujudkan satu polisi dan satu dasar dari awal lagi bila kita hendak tubuhkan *common market* di kawasan ASEAN ini kita merancang supaya *shipping lane* kita dibuat. Pada masa sekarang tidak ada *lane* pun daripada Puntianak hendak pergi ke KK, *lane, shipping lane* tidak ada, baru sekarang orang hendak bincang.

Tuan Yang di-Pertua saya pun baru terdengar dua, tiga minggu lepas, orang *shipping lane* daripada Puntianak iaitu Kalimantan Indonesia, pergi ke Sarawak, Sabah, tidak ada. Baru sekarang dua minggu lepas, *shipping lane* tidak ada. Macam mana kita hendak *trade among ourselves*, macam mana kita hendak buat *trading* macam *we must trade among ourselves, we must campur among ourselves, we must do business among ourselves, shipping lane, transportation lane* pun kita tidak ada, perhubungan pun payah. Jadi ini patut dirangka daripada awal, selain daripada soalan *customs, taxation, policy, NAFTA, AFTA* dan sebagainya. Baiklah Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Tadi Yang Berhormat saya tertarik tentang *local content* tadi. Yang Berhormat menyebut tentang MODENAS. Saya hendak bercakap di sini tentang perkara yang sama, tentang bagaimana Yang Berhormat melihat tentang Naza Ria. Maknanya macam mana *judgment* kita terhadap apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, tentang masa depan industri automobil kita. Kita melihat Naza Ria hanya menciplak, mengambil *totally* bahan komponen daripada Korea, tukar lambang sahaja, maka jadi Naza Ria, daripada Kia Karnival jadi Naza Ria. Kemudian satu lagi model iaitu Kia Caren ciplak, bukan ciplak, import keseluruhannya masuk ke Malaysia, kemudian jadi Naza Citra. Jadi masalahnya Yang Berhormat apabila kita bercakap tentang *local content* tadi dan kita bincang juga tentang masa depan Proton, jadi macam mana Yang Berhormat melihat perkara ini, sedangkan Yang Berhormat tadi melihat tentang kesan AFTA, kita perlu bersaing di peringkat yang lebih global dan seumpamanya. Jadi industri-industri yang seperti ini apa kesan terhadap Proton yang telah dibina selama ini. Minta penjelasan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Dua persoalan yang besar Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang pertama cukup besar dah, iaitu persoalan tentang Naza iaitu bawa *part component 100%* lepas itu datang sini pasang, sudah pasang cop dia punya *brand* sebagai Naza, Naza nama dia, itu nama kereta itu? Naza! Naza! Jadi dengan sendirinya nama yang asal itu, daripada Korea, apa sahaja nama daripada Korea tidak keluar lagi. Sebenarnya orang Melayu pun susah hendak cari, orang kita daripada Malay Archipelago ini kita tidak tahu Tuan Yang di-Pertua. Kita dulu dikatakan *the first wave of migrations, the second wave of migrations, the third wave of migrations*, di mana orang daripada negeri China lari ke Malay Archipelago dan adanya dijadikan orang Melayu, adanya jadi orang asli, ada jadi orang Bugis, ada jadi orang Jawa. Asal usulnya kata pengkaji sejarah ialah kita ini memang asal daripada satu tempat yang sama, yang *because of first wave, third wave migrations house* oleh pihak yang di pertengahan Asia itu dulu.

Jadi *migrations of part and component* daripada Korea itu pada saya *is part of the trading business of the world*. Kalau pihak Singapura boleh menerima buah rambutan Malaysia, lepas itu diterima dalam satu guni, di pek kecil-kecil, pasang esok buah rambutan Singapura, saya tidak lihat kenapa pula kita tidak boleh copkan Naza punya *part and component* menjadi Naza esok hari, *made in Malaysia*, jadi menunjukkan kecerdikan pihak yang berkenaan. Jadi pada saya ini adalah satu *business*. Kita kena tanya sendiri Tuan Yang di-Pertua, apa sebenarnya tujuan *business* ini, saya hendak tanya *what is the purpose of business*. *The purpose of business* ialah hendak cari duit, hendak buat duit, membuat kekayaan kepada individu yang terlibat dalam *business*. Jadi kalau di objektif,

sudah boleh di capai, apa cara sahaja yang halal itu, bukan mencuri, merompak dan menipu orang itu, dia halal, dia betul Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya bukan mempertahankan Naza, bukan mempertahankan sesiapa sahaja, tetapi *business repacking, rebranding and renaming* ini is a world wide and multi billion dollar enterprise.

Kalau tidak ada itu Tuan Yang di-Pertua, kita bagilah katakan kita sendiri *we are talking about the open market*, kita *talking about* AFTA, kita bercakap soal WTO, kita cakap *globalization*, kita bercakap soal *free market* dan di sini kita hendak *narrow* kan dia. Tuan Yang di-Pertua, maknanya di sini cakap lain di sana cakap lain. *We are talking about globalization, free market economy*, inilah dia. Ambil barang daripada Korea, Korea tidak mampu hendak *market* semua harta benda dia bawa ke sini *rebrand* dia. Kalau you dapat untung, dapat duit, dapat *business*, *you sell it out*, orang kita dapat kerja, tanah kita dapat dibangunkan, pengusaha dapat duit, jadi kaya-raya. Maknanya dengan sendirinya *the objective of business* itu telah tercapai. Ini jawapan saya Yang Berhormat. Objektif *business*.

Jadi dalam kita mencapai objektif *business* apa keuntungan negara. Saya hendak tanya dengan Setiausaha Parlimen. Minta "perisai" Tuan Yang di-Pertua. Saya panjang bercakap ini. Kena jawapan panjang-panjang juga dan tepat. Selama ini berapa banyak *collection* duit dan eksais yang telah dibuat ke atas pengusaha-pengusaha motor, kereta dan sebagainya di Malaysia dan khususnya Naza. Bukan saya hendak *target* Naza. Saya hendak tahu berapa pulangan yang telah diberi kepada kerajaan yang Naza buat. Kalau Naza import banyak ini berapa juta diberi balik sebagai cukai kepada pihak kerajaan yang akan akhirnya masuk ke poket pegawai-pegawai kerajaan, masuk poket Ahli Parlimen sebagai gaji, elaun dan imbuhan dan buat jalan, buat titi, buat jambatan, buat apa sahaja.

Saya hendak tanya persoalan ini tiap-tiap industri. Jadi Yang Berhormat, soalan itu adalah soalan *business* tapi persoalan yang kita bangkitkan ialah macam mana hendak melicinkan lagi persoalan *business* ini supaya menyenangkan orang menjalankan *business* supaya kerajaan boleh mengenakan cukai kepada mereka dan kerajaan akhirnya mendapat pulangan secara lain bukan cara buat *business*. Undang-undang saya pun hilang Tuan Yang di-Pertua kena kertas.

Soalan automatif ini tadi. Jadi saya sebut juga soalan 40% *content* itu tadi. Kita kena fikir semula. Kena fikir semula. Jadi berbalik juga kepada soalan automatif Tuan Yang di-Pertua mintalah bawa cerita orang-orang yang terlibat ini termasuk saya sendiri kepada kerajaan supaya jangan ada perbezaan di antara Nazakah, di antara Protonkah, di antara Modenaskah. Persoalan proton belum jawab lagi Yang Berhormat ya ataupun DNC Asiaticah yang keluar motor Demak kepunyaan saya. Sepatutnya tidak ada beza *the big player* dengan *small player* dalam persoalan *tax exemption* dan *structure tax*. Kalau kita hendak bagi yang besar Modenas ini diberi 50% keuntungan oleh kerana dikatakan *National Automotive Company* dan *Proton national company* dan yang satu lagi walaupun dia 100% orang Malaysia tapi dia tidak diberikan kemudahan yang sama dan membuat *business* di Malaysia tidak diberi kemudahan yang sama.

Kita kena melihat adakah sebenarnya kita menolong industri ini ataupun kita menolong spesifik *group of people*. Jadi kita kena lihat. Jadi kalau jawapan Yang Berhormat mengatakan oh, kita hendak tolong spesifik *group of people*, saya terima. Saya akan terima. Kita hendak sokong yang besar tidak apa, yang kecil itu kalau dia hendak habis, habislah. Gulung tikar, gulung tikarlah. Jadi kita kena sikap adil dalam mana-mana satu industri. Kita mesti *treat everybody equally* supaya dia boleh benar-benar mencari jalan maju tapi kalau ada yang lain mendaki pinang, ada yang lain mendaki nibong, payahlah. Apa sahaja industri akan membangun kerana kita akan menyokong monopoli ataupun oligopoli iaitu banyak industri dalam satu industri, banyak *company* dalam satu industri yang kita *protect*. Ada yang lain kita hendak sisih dan kita akan bunuhkan secara sistematik oleh pihak kerajaan. Sepatutnya dielakkan. Kita hendak benar yang kecil untuk menyokong yang besar biar semua boleh hidup.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, berpindah saya kepada soalan anti *dumping* dan *safeguard* ini. Ini baru soalan pindaan seksyen 122C. Ini akta ibu pegawai kerajaan Parlimen yang hantar. Akta ibu depan saya ini. Ini sebenarnya untuk masalah orang semua bimbang melihat negara China, melihat India membangun. Negara yang begitu besar

khususnya negara China yang boleh mengeluarkan apa sahaja benda daripada yang sofistikated yang canggih kepada benda yang senang dibuat. Negara China semua boleh buat.

Jadi orang semua seluruh dunia bimbang dibuka WTO, kalau China kurang sedikit pembuatan dia daripada apa yang dikehendaki semua negara akan terjejas. Di lambak oleh China kain-kain tekstil ke Eropah, semua pengeluar kain di Eropah hampir menangis, bimbang takut beribu-ribu tan kain dihantar ke negeri Eropah akan menjejaskan pasaran di Eropah padahal kalau dipandang dari segi anti *dumping*, dia tidak sebenarnya berlaku. *Dumping* ini kalau kita jual di negara kita sendiri satu harga dan kita jualkan ke negara lain dengan harga jauh lebih murah baru dia jadi *dumping*. Jadi ini tidak. Dia jual dengan harga yang sama. Di China pun sama, di sana pun sama. Jadi dengan sendirinya negara-negara lain, pengeluar lain apa sahaja benda yang dikeluarkan, mengehendaki satu perubahan dibuat. Di sini kita *react* kepada kehendak dunia supaya kita membuat perkara yang sama tetapi sebenarnya anti *dumping* ini undang-undangnya berkehendakkan *players* dalam satu-satu industri itu bertindak bukan tindakan oleh pihak kerajaan.

Jadi dalam keadaan sedemikian, orang-orang industri mestilah mengetahui satu sistem. Kedua, undang-undang dan selepas itu mengetahui untuk mengambil tindakan untuk mempertahankan dan menjaga *business* mereka sendiri. Begitulah kenapa kelembapan yang berlaku apabila persoalan cetak rompak di negara ini berbangkit. Kebanyakan pihak yang terlibat dengan pengeluaran apa sahaja, sama ada mengeluarkan video, *tape*, mengeluarkan gambar wayang untuk video, untuk TV dan untuk nyanyian semua mendesak pihak kerajaan mengambil tindakan tetapi mereka yang dalam industri ini sendiri tidak mengambil tindakan. Dia tidak mengambil tindakan. Dia hanya sebulat suara minta kerajaan mengambil tindakan. Kalau tidak ambil tindakan keluarlah dalam TV, keluarlah dalam surat khabar mendesak pegawai kerajaan mengambil tindakan. Kalau pegawai kerajaan tidak ambil tindakan dikatakan pegawai kerajaan ini bersekongkol dengan pihak yang menipu mereka.

Padahal mereka sendiri sepatutnya Tuan Yang di-Pertua mengambil tindakan. Kalau kumpulan persatuan badan-badan penyanyi, badan-badan pelakon, badan-badan siapa sahaja mestilah mempertahankan barang-barang mereka sendiri. Umpamanya saya diberitahu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pakai beg Gucci yang dibeli daripada negara kita di sini di Asia ini memang banyak. Pergi ke negara China dapat Gucci, pergi ke Thailand dapat Gucci, dapat Polo dapat macam-macam. Semua murah dengan harga mungkin 50% dengan harga sebenarnya.

Tetapi kalau bawa barang itu ke Eropah, di lapangan terbang boleh ditangkap, kena hukum sampai beratus-ratus ribu dolar Amerika kerana penguatkuasaan ini bukan agensi kerajaan yang menjadi mata telinga untuk memastikan barang ciplak ini masuk ke nagara itu, bukan pegawai kerajaan sahaja, tetapi badan-badan yang mewakili kepentingan mereka yang terlibat dalam industri itu memberitahu dengan pegawai kerajaan untuk mengambil tindakan. Jadi mereka mungkin tidak mempunyai kuasa undang-undang, tetapi mereka boleh menjadi mata telinga dan menjadi *spy* kepada agensi-agensi kerajaan.

Jadi saya berharap industri kita pun sepatutnya demikian juga. Kalau kita hendak mengatasi masalah cetak rompak, kalau kita pun hendak mengatasi masalah ciplak, saya pun sudah pandai sebut cakap..., ciplak ini pihak yang terlibat mestilah terlibat sama dengan penguatkuasaan undang-undang. Jangan nyanyi sana nyanyi sini beritahu saya ini penyanyi yang besar, yang *famous*, yang pemerlang, pulangan saya mesti besar pendapat saya mesti besar pakaian saya pun elok, suami saya pun besar, orang kaya.

Akan tetapi dalam masa yang sama dia berkehendak pegawai kerajaan menjadi penjaga kepada industri mereka, kepentingan mereka. Ini saya cukup yakin pihak kementerian boleh mengambil pendekatan-pendekatan supaya mereka ini diberi nasihat dari masa ke semasa, tidak kira dia berapa *famous* sekalipun sama ada Siti Nurhaliza kah ataupun dia Mawi kah, ataupun apa saja nama dia yang *famous-famous* ini mesti diberi pengetahuan bahawa mereka mesti dengan sendirinya mempertahankan kepentingan mereka dalam industri itu, tidak boleh mereka berharap dengan pegawai-pegawai kerajaan, pihak kerajaan untuk mempertahankan mereka sepanjang masa.

Kerajaan, kementerian, pegawai-pegawai kerajaan yang ditugas untuk menjalankan kerja-kerja yang tertentu ada kerja-kerja lain yang lebih besar daripada mempertahankan mereka ini. Kita buat ini kerana kita tidak mahu Malaysia ini menjadi sebuah negara dikatakan negara cetak rompak yang terbesar. Itu sahaja kita tidak hendak, kerana di dalam dunia, di dalam global *market* kita tidak mahu negara kita dicemarkan dengan nama sebagai negara pengeluar barang-barang cetak rompak yang terbesar.

Di sini kita sudah melihat negara Malaysia dipakai, diguna sebagai satu landasan untuk mengeksportkan bermacam-macam. Kita juga dikatakan transit *centre* untuk jual cetak rompak, saya hendak tanyalah dengan menteri kalau boleh jawab ini kalau tidak terkeluar, betulkah negara ini menjadi *transit centre*? KLIA itu canggih, elok tetapi menjadi transit untuk penjualan barang-barang cetak rompak. Sebagaimana disebut semasa saya baru balik daripada Ho Chi Minh menghadiri satu persidangan *on Trafficking Women and Children...*, dikatakan Malaysia bukan sahaja negara *transit centre* sebelum budak-budak kecil dan wanita ini dibawa dan dieksport ke Eropah dan Amerika ataupun ke Australia, dia transit di Malaysia.

Pertuduhan begini didengar, jadi kita rasa tidak elok dan Malaysia juga dikatakan *transit centre* untuk penjualan dadah. Malaysia juga dikatakan *transit centre* bermacam-macam apabila *airport* kita menjadi canggih dan menjadi efisien. Jadi persoalannya dibangkit semula, adakah kastam kita, pegawai kita di lapangan terbang mempunyai kecanggihannya dan kebolehan memantau perkara ini. Ada kelemahankah daripada undang-undang kita ataupun daripada perkakas yang kita guna pakai, *equipment* kita adakah kelemahan?

Kalau ada kelemahan adakah jabatan sudah bawa kepada kerajaan supaya satu-satu *instrument*, perkakas ini dibawa kepada kerajaan untuk dibeli dan diguna pakai untuk melaksanakan tugas-tugas mereka supaya Malaysia tidak lagi disebut bukan sahaja sebagai pengguna, disebut sebagai "pengguna" maknanya ada wanita-wanita dari Vietnam, dari Laos, dari Cambodia dibawa ke Malaysia untuk diperdagangkan. Jadi persoalannya di mana pegawai penguat kuasa kita khususnya pihak yang menjaga lapangan terbang dan jalan masuk ke Malaysia iaitu port.

Manusia boleh dibawa mengikut ceritanya dalam kontena. Kalau yang mati di dalam kontena dibuang terus ke laut, tetapi yang hidup boleh sampai ke Malaysia. Jadi semasa saya datang ke satu rumah dikatakan di *shelter* untuk *women in need*, saya pergi berjumpa dengan seorang budak perempuan yang berumur 17 tahun dikatakan baru sahaja kembali daripada Malaysia telah dibawa ke Malaysia sebagai orang perdagangan secara *force*, secara paksa tetapi malang bila saya berjumpa dengan Yang Berhormat bagi Gelang Patah, wanita itu tidak pandai bercakap bahasa Melayu. Jadi saya berasa curiga sedikit.

Kalau dia setahun di Malaysia saya cukup yakin dia boleh berbahasa Melayu. Jadi dia tidak boleh berbahasa Melayu jadi saya rasa curiga tetapi apakah buktinya menunjukkan bahawa dia bukan datang daripada Malaysia kerana *authority* di Vietnam mengatakan dia baru balik daripada Malaysia, dieksport oleh pihak yang tertentu dari Cambodia sebelum dihantar ke Malaysia telah didagangkan akhirnya dibawa kembali oleh pihak-pihak NGO daripada Vietnam kembali ke Ho Chi Minh City dan saya jumpa.

Jadi saya hendak bertanya apakah mekanisme yang patut diwujudkan oleh pihak kerajaan khususnya pihak-pihak kastam, pihak-pihak di lapangan terbang untuk mengenal, memastikan bukan sahaja import barang ini tetapi import manusia. Janganlah manusia itu dibuat satu *repackaging* juga sebab maklumat disebut ada *repackaging* manusia dibuat di Cambodia sebelum dieksport pergi ke Malaysia. Jadi indah betul cerita ini, tetapi masalahnya kita mendengar sahaja kita tidak ada bukti untuk mengatakan yang perkara ini tidak berlaku. Orang Vietnam dibawa ke Cambodia selepas itu dibawa ke Malaysia dikatakan ini orang Cambodia, kerana orang Malaysia ini tidak faham cakap Cambodia dan tidak faham cakap Vietnam tidak ada beza kata orang di Vietnam.

Jadi budak ini dia jumpa kita sebagai budak daripada Cambodia, *repackaging* di Cambodia sebelum dieksport ke Malaysia. Jadi Malaysia juga sebagai *user of human trafficking* khususnya *women trafficking*. Jadi saya tidak tahulah siapa punya tugas poliskah, kastamkah, penguatkuasaannya memang ada kemasukan nampaknya indikator mengatakan kemasukan-kemasukan orang daripada luar negara khususnya daripada

kawasan-kawasan *South East Asia* ini masuk ke Malaysia dan didagangkan terlibat dengan penjualan manusia.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Apa kata orang jual barangan ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Kuala Langat bangun.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: *Flesh trade.*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *Flesh trade* ini di Malaysia. Jadi mana letaknya penguat kuasa kita? Yang Berhormat sila.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Setujukah Yang Berhormat kalau saya katakan bahawa kastam juga mengambil bahagian dalam masalah *repackaging* yang diperkatakan tadi, dan kalau kita lihat daripada angka-angka yang silam, bahawa Kastam telah juga memainkan peranan selain daripada apa yang kita bagi kepada imigresen dan juga RELA untuk membanteras laluan yang telah sedia ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kuala Langat, saya hendak penjelasan sedikit. *Repackaging* yang mana satu itu? Sebab saya sebut dua *repackaging* tadi, automatik industri pun ada *repackaging* saya sebut. Dan satu lagi yang dalam konteks *human trafficking*, jadi *repackaging* yang mana satu Yang Berhormat?

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Saya menyatakan mengenai *human trafficking*.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih. Saya membuat laporan panjang lebar Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Semasa saya balik daripada Ho Chi Min City setelah menghadiri mesyuarat berhubung dengan *Trafficking of Women and Children*, di Ho Chi Min City. Saya buat laporan panjang lebar dan saya buat saranan kepada pihak kementerian mengambil tindakan yang khusus. Salah satu daripada tindakan yang saya cadangkan dalam kertas kerja saya kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ialah satu, untuk mengadakan perundangan yang khusus bagi menangani masalah *trafficking in women*.

Jadi *trafficking in women* semasa Mesyuarat IPO di Ho Chi Min City jangan dikatakan *trafficking in women* sahaja mestilah *trafficking in human* termasuk lelaki dan anak-anak. Ini undang-undang yang khusus kerana undang-undang yang khusus ini dikehendaki oleh dalam *United Nations Convention* berhubung dengan *trans border crime*. Malaysia belum lagi menandatangani. Di sini Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Luar Negeri masuk, ada persoalan telah dibangkit kenapa Malaysia belum menandatangani tiga protokol di bawah *United Nation Convention on the cross border crime* dan *crime* ini yang telah kita tangani tetapi protokol yang tiga kita serah kepada Menteri mengenai *convention* itu belum kita tandatangi. Saya meminta pihak Kementerian Dalam Negeri yang dipinta untuk menyelidiki protokol ini, sebelum ditandatangani untuk mengambil tindakan yang cepat.

Jadi yang saya hendak sebutkan ini ialah *infrastructure* undang-undang nasional kita. Patutnya undang-undang nasional ini dibuat dengan seberapa segera supaya dalam undang-undang ini saya cadangkan kita mesti ada mempunyai satu prasarana undang-undang itu sendiri untuk menangani apa yang masa ini kita tangani di bawah undang-undang jenayah biasa, di bawah undang-undang kastam, di bawah undang-undang *domestic violence* dan di bawah imigresen *law* tetapi malangnya undang-undang yang ada pada kita pada masa sekarang ini tidak membezakan di antara kesalahan *illegal immigrant* dengan *women victim in trafficking* ini. Tidak membezakan dua perkara ini. Jadi akhirnya yang dibawa ke Malaysia secara paksa ini secara sebagai *victim of human trafficking* telah juga di *treat* sebagai *illegal immigrant*. Dia tidak mempunyai layanan yang berlainan.

Di negara yang telah mempunyai undang-undang ini dia ada layanan yang berlainan diberi kepada mereka yang dibawa ke negara ini secara paksa dan mereka yang datang secara sukarela mencari nasib mereka di Malaysia ini. Jadi, ini kena kita lihat seberapa cepat yang boleh. Saranan saya yang ketiga dalam undang-undang ini saya sebut mesti kita mempunyai prasarana yang tertentu iaitu di mana *shelter for women in trouble* ini kerana saya juga dimaklumkan oleh kerana Malaysia dahulu adalah di bawah *tier II* dalam soalan menangani masalah *victim traffic women* ini tetapi sekarang Malaya telah diturunkan kepada *tier II 'watch list'*. Jadi oleh kerana kita tidak mempunyai tempat *shelter* untuk *the victim of women traffic*.

Beberapa lagi cadangan-cadangan telah saya ajukan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk penyelidikan. Dan saya juga dimaklumkan bahawa pihak *Attorney General* tidak setuju satu penggubalan undang-undang baru, mencukupi di bawah undang-undang yang ada pada masa sekarang ini. Jadi saya memberi pandangan saya bahawa saya tidak setuju dengan pendirian AG ini. Kita sepatutnya membuat satu *political decision*. Di sini sepatutnya AG tidak boleh membuat *political decision*, AG hanya dipinta untuk menggubal undang-undang apabila *political decision* telah dibuat.

Political decision ialah sepatutnya kita menggubal undang-undang berasingan untuk menangani masalah *traffic in women* ini. Dengan keadaan sedemikian Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Langat, sepatutnya kita mempunyai *infrastructure* undang-undang mencukupi. Kita sepatutnya mempunyai fizikal *infrastructure* untuk *shelter bodies women* dengan mencukupi dan kita mempunyai pegawai dalaman kita mencukupi. Tidak perlu saya kata, kita mewujudkan satu jabatan yang berasingan, kementerian yang berasingan untuk menangani *victim of traffic women* ini tetapi memadai dia diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sahaja dan diwujudkan satu unit untuk memantau mereka yang menjadi *victim* kepada *women traffic* ini. Jadi ini lah sedikit sebanyak yang saya cadangkan dalam kertas yang saya majukan kepada pihak kementerian untuk dipertimbangkan.

Berbalik saya semula kepada soalan kastam ini Tuan Yang di-Pertua. Dalam soalan kastam ini tadi, saya berharap pihak kastam dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka, melihatlah bukan sahaja barang-barang yang boleh di *tag*, barang-barang yang *in animate object* macam perkakas motor ke kereta, perkakas apa benda ke barang makanan yang kita hendak *tag* masuk ke negara ini. Sepatutnya kastam juga mengambil tugas untuk melihat sama ada kontena dalam tempat-tempat di mana manusia yang diimport dari negara lain yang datang dari negara China, Cambodia, Laos, Vietnam yang dikatakan dibawa ke Malaysia ini yang dikatakan telah diimport sampai ke lapangan terbang dibawa ke port-port di Malaysia ini sebelum mereka di *ship-out* dengan izin, ke negara lain ke Australia, New Zealand, Eropah, Amerika ataupun negara Arab.

Jadi kita kena memeriksa kerana kita bimbang, persoalan Malaysia menjadi *transit centre* bukan sahaja *consumer* pengguna wanita-wanita ini, kastam juga memantau bahawa tidak ada port kita, lapangan terbang kita diguna sebagai *transit centre*. Kerana tiap-tiap kali menghadiri persidangan sedemikian, kita mendengar tetapi kita tidak mempunyai fakta. Jadi, malang sekali Ahli Parlimen pergi mendengar negaranya disebut-sebut sebagai *transit centre*. Pada masa yang sama kita tidak mempunyai fakta yang sebenarnya.

Jadi perwujudan ASEANPOL atau *ASEAN Police* untuk membuat fakta yang menyeluruh untuk negara ASEAN supaya kita semua mengetahui bahawa benarkah tidak Malaysia ini telah diguna sebagai *transit centre*. Benarkah tidak port kita, *airport* kita diguna sebagai *transit centre* untuk mengeksportkan wanita-wanita yang dipaksa keluar dari negara-negara mereka sendiri sebelum dieksport ke negara-negara lain. Ini amat penting untuk menjaga nama baik negara ini. Jadi itu persoalan yang dibangkit berhubung dengan Jabatan Kastam. Jadi Jabatan Kastam memang pada saya adalah satu jabatan yang amat penting sekali, amat penting sekali. Jabatan yang telah memungut *revenue* mungkin kedua besarnya kalau dibandingkan dengan badan IRD untuk memungut sumber kewangan kepada kerajaan. Jadi kita tidak boleh mencemuh pihak kastam ini, tetapi dalam masa yang sama, pihak kastam....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak teruskan kah ataupun hendak habiskan?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kita ada usul Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Minta sambung.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kalau ada usul, saya boleh berhenti, sambung semula besok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Sila sambung besok.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sebab ini, saya macam mukadimah. Saya belum habis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

KEHADIRAN BERTERUSAN ISRAEL DI BUMI LEBANON

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang masa telah pun 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah pun dibuat pada pagi tadi, satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbahasan usul itu seperti yang telah pun diputuskan tadi. Pihak pencadang akan diberi 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi Gombak, sila mulakan.

4.31 ptg.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana telah membenarkan saya untuk membahaskan usul ini. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri Luar kerana telah sudi hadir untuk menjawab usul yang akan saya bawa ini. Tahniah juga sebelum saya memulakan perbahasan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Luar kerana tindakan beliau yang sungguh membanggakan. Beliau baru sahaja kembali melawat Lebanon dan juga Syria untuk melihat kemusnahan yang berlaku akibat daripada kekejaman ataupun tindakan zalim Israel. Jadi syabas kita ucapkan kepada Menteri Luar yang telah memimpin beberapa Menteri Luar negara Islam untuk melawat kemusnahan, untuk melihat sendiri kemusnahan yang dilakukan oleh Israel terhadap Lebanon dan beliau juga telah melawat Syria.

Tuan Yang di-Pertua, dari detik tanggal 12 Julai sehinggalah gencatan senjata dikuatkuasakan pada 14 Ogos melalui Resolusi 1701, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dunia sekali lagi menyaksikan kekejaman Israel terhadap penduduk Lebanon. Tidak sampai enam hari Tuan Yang di-Pertua, selepas gencatan senjata ini dikuatkuasakan, Israel sekali lagi melanggar gencatan senjata ini.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan Israel ini, gaya dan gelagat Israel ini nampaknya tidak siapa yang boleh menghalang apa sahaja yang ingin mereka lakukan. Malahan, *White House*, Rumah Putih di dalam kenyataannya setelah Israel melanggar gencatan senjata ini menyatakan bahawa itu adalah tindakan yang tidak salah kerana tujuan tentera Israel menyerang Hizbullah adalah untuk mencegah penyeludupan senjata yang kononnya diseludup dari Iran dan juga Syria.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa berperikemanusiaan, tindakan Israel ini telah membunuh orang awam, kanak-kanak, orang tua, insan-insan yang tidak berdosa. Perbuatan ini dilakukan tanpa belas ihsan. Bangunan-bangunan dimusnahkan, kemudahan awam seperti jambatan-jambatan dibom. Infrastruktur yang berkepentingan ekonomi juga musnah. Berita yang saya dapati bahawa 15,000 apartmen hancur musnah dan sebanyak 140 jambatan juga musnah akibat tindakan yang zalim ini. Kehidupan harian masyarakat juga turut dimusnahkan. Kezaliman Israel lebih ketara dan di luar bayangan fikiran manusia

yang normal di mana di saat-saat sebelum gencatan senjata dikuatkuasakan, 20 letupan bom dilepaskan dalam masa dua minit.

Israel juga menghalang Pasukan Palang Merah Antarabangsa dari memasuki kawasan Hizbullah kawasan yang diserang, menghalang mereka, pasukan Palang Merah ini dari membantu orang awam yang tercedera mahupun yang telah terkorban. Konflik ini tercetus akibat dari penahanan dua tentera Israel oleh puak Hizbullah pada 12 Julai. Pihak Hizbullah menuntut supaya dua tentera Israel yang ditahan ini ditukar dengan 15 orang tahanan perang yang masih ditahan oleh Israel semasa mereka menduduki wilayah Lebanon dari tahun 1982 hinggalah tahun 2000.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, 'retaliasi' Israel ini terlalu berlebihan dan sehingga mencetuskan konflik yang besar, mencetuskan peperangan. 'Retaliasi' zionis ini melalui pencerobohan kedaulatan Lebanon serta membunuh dan menyeksa rakyat Lebanon yang tidak berdosa. Tindakan ini merupakan satu jenayah kemanusiaan, *crime against humanity* dan Perdana Menteri Lebanon, Fuad Sanora yang baru-baru ini bila melawat kemusnahan yang berlaku di Lebanon, juga mengatakan ini adalah satu bentuk *crime against humanity* yang terlalu dahsyat. Jenayah kemanusiaan yang dilakukan oleh Israel. Jenayah perang *world crimes* ini adalah juga merupakan perlakuan *genocide*. Akibatnya lebih daripada angka mutakhir yang saya dapat, 1,450 orang kebanyakannya orang awam Lebanon yang mati terbunuh dan hampir satu juta iaitu 900,000 menjadi pelarian.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, yang timbul adakah serangan Israel ini ke atas Lebanon atau Kumpulan Hizbullah didorong oleh Amerika Syarikat sebagai provokasi untuk berperang dengan Iran. PBB serta Majlis Keselamatan gagal mengambil tindakan menguatkuasakan gencatan senjata serta-merta apabila konflik ataupun perang bermula. Mengapa setelah ramai yang terbunuh, ramai yang kehilangan rumah tangga serta kemudahan-kemudahan awam yang musnah, baru Majlis Keselamatan dan PBB bertindak dan PBB bertindak hanya setelah 34 hari pembunuhan yang berleluasa dilakukan oleh rejim Yahudi.

Walaupun gesaan dari pertubuhan-pertubuhan di dunia seperti Liga Arab, OIC dan ASEAN menggesa gencatan senjata dikuatkuasakan. Walaupun pada masa itu Liga Arab, OIC dan ASEAN menggesa gencatan senjata dikuatkuasakan dengan segera. Secara jelasnya, Israel begitu berani mencabul kedaulatan Lebanon mahupun negara-negara lain kerana didokong oleh Amerika Syarikat dan Britain serta sekutu mereka yang lain yang sentiasa memberi sokongan moral membiarkan Israel melakukan jenayah kemanusiaan.

Malahan, membekalkan lagi persenjataan moden. Amerika Syarikat dan Britain membuat definisi keganasan mengikut kehendak politik mereka. Kepada mereka yang ganas dan *terrorist* itu Hizbullah, yang ganas dan *terrorist* itu Hamas, ganas dan *terrorist* itu Iran, yang ganas dan *terrorist* itu ialah orang Islam tetapi sebenarnya, Amerika Syarikat dan Britainlah bersekongkol dengan penganas *terrorist* paling utama iaitu Israel. Amerika Syarikat menyokong tindakan ganas Israel melakukan pembunuhan terhadap orang awam ini kerana inilah tindakan yang selalu dikatakan George Bush, *War on Terror*. George Bush ada mengatakan demokrasi ala Amerika di Timur Tengah adalah satu cara untuk melawan terorisme. Kita lihat apakah demokrasi ala Amerika ini yang mahu dibawa ke Iraq dapat menyokong apa yang dikatakan. Malahan, kita tengok apa yang berlaku lebih banyak kumpulan-kumpulan *terrorist* yang tumbuh akibat pendekatan Amerika Syarikat ini.

Hak asasi manusia yang selalu dilaungkan oleh PBB dan dunia barat terutama Amerika Syarikat dan Britain sebenarnya adalah slogan untuk menipu rakyat negara ketiga dan negara-negara Islam apabila mereka sendiri menghalalkan pencerobohan, pembunuhan, kemusnahan hidup bermasyarakat dan kehancuran harta awam. Walaupun gencatan senjata telah dikuatkuasakan pada 14 Ogos yang lalu, tetapi terma-terma yang sungguh rapuh. PBB melalui Majlis Keselamatan gagal dalam menyatakan tindakan Israel itu adalah jenayah pencerobohan, *crime of aggression* dan gagal menyatakan tentera Israel seramai 30,000 orang harus meninggalkan bumi Lebanon serta-merta apabila gencatan senjata dikuatkuasakan.

Di pihak Hizbullah pula, mereka diminta melucutkan senjata. Terma-terma yang rapuh lebih memihak kepada Israel ini boleh mengakibatkan terjadinya kembali konflik dan

peperangan. Itulah yang kita lihat, tidak sampai enam hari Israel telah mencabul, telah melanggar gencatan senjata ini.

PBB bercadang menempatkan 15,000 tentera pengaman untuk mengawal kawasan perang dan kawasan yang ditakluki oleh Israel, lagi 15,000 tentera dicadangkan daripada Lebanon sendiri. 15,000 adalah *International Peace Keepers*. Walaupun tentera pengaman ini mahu ditempatkan secepat mungkin iaitu pada mulanya dikatakan dalam masa 14 hari dan kemudian kita dengar pula 30 hari, seperti yang dinyatakan oleh Setiausaha Agung PBB, tetapi hingga ke hari ini masih kabur lagi. Yang betul-betul kita dengar komited ialah Malaysia, Indonesia dan Bangladesh. Negara-negara lain, kita masih lagi ragu-ragu untuk menghantarkan tentera pengaman. Perancis yang telah mengatakan mahu menghantar, cuma mahu menghantar 200 orang sahaja.

Kita khuatir ia akan memakan masa yang berbulan-bulan baru dapat dilaksanakan, baru tentera pengaman ini dapat dihantarkan di sana. Masih terdapat kekaburan dan kekeliruan sebagaimana contoh Israel memprotes negara-negara OIC iaitu Malaysia, Indonesia mahu pun Bangladesh tidak seharusnya menghantar tentera pengaman mereka kerana dikatakan negara-negara ini tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan negara Israel.

Kita juga telah mendengar kenyataan Menteri Luar, mengapa perlu ada hubungan diplomatik dengan Israel baru kita boleh menghantar tentera pengaman ini kerana yang hendak dijaga ialah di kawasan Lebanon bukannya kawasan Israel. Ini menunjukkan bagaimana sikap angkuh dan kurang ajar Israel.

Sehingga kini tentera Israel masih menduduki wilayah Lebanon. Kita menuntut PBB mengambil tindakan segera mengarahkan kesemua tentera Israel keluar serta-merta dari bumi Lebanon. Kita juga menuntut agar PBB mengambil tindakan terhadap Israel, terhadap pelanggaran ini; pelanggaran *International Humanitarian Law*, pelanggaran *International Human Rights Law*, pelanggaran *International Criminal Law*. Israel juga harus dipertanggungjawabkan ke atas pembunuhan rakyat Lebanon serta kemusnahan infrastruktur dan kemudahan awam.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kepimpinan negara terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah dapat mengadakan sidang tergepar Ketua-ketua Negara OIC yang telah menghasilkan Deklarasi Putrajaya pada 3 Ogos. Selain daripada itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah bersetuju seperti mana yang dikatakan untuk menghantar satu ketumbukan tentera seramai 1,000 orang untuk bertugas sebagai Tentera Pengaman PBB. Walaupun diprotes oleh Israel, kita dengar jaminan yang diberi, kita akan terus menghantar tentera kita kalau dibenarkan oleh PBB.

Kita tahu bahawa negara kita, Perdana Menteri tidak akan tunduk atas apa juga tekanan yang dibuat oleh Israel. Syabas juga kita ucapkan kepada Menteri Luar yang semasa Persidangan Menteri-Menteri Luar Negara ASEAN yang baru lalu telah memberi tekanan kepada Setiausaha Negara Amerika supaya beliau bersama dalam *Security Council* menyegerakan gencatan senjata, pada masa itu gencatan senjata belum lagi dikuatkuasakan.

Selain dari itu, seperti mana yang saya katakan tadi, Menteri Luar sendiri telah turun ke padang, telah turun ke Lebanon dan melawat Syria dan telah melihat sendiri kemusnahan dan pada hari ini kita mungkin dapat mendengar daripada beliau yang melihat sendiri keadaan dan mendapat berita yang lebih terbaru.

Tahniah juga kepada pasukan sukarelawan perubatan Malaysia kerana di antara yang terawal sampai membantu orang-orang Lebanon terutama kanak-kanak dan orang awam yang tercedera. Kita juga berasa bangga kerana rakyat Malaysia begitu prihatin dengan keamanan dunia. Banyak tunjuk perasaan yang dilakukan meminta gencatan senjata segera serta mengutuk pencerobohan Israel ini. Tunjuk-tunjuk perasaan ini terutama yang dianjurkan oleh Pemuda UMNO telah banyak membuka mata dunia. Ini juga menunjukkan kepada pemimpin-pemimpin dunia ketiga bahawa Malaysia sebenarnya ialah pemimpin dunia ketiga dan memberi perhatian yang sungguh serius tentang kesejahteraan manusia di dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kini apa yang ingin kita lihat segera dilakukan:

- (i) kita mahu pengunduran serta-merta kesemua tentera Israel dari bumi Lebanon;
- (ii) mengambil tindakan terhadap Israel yang telah melanggar gencatan senjata. Seperti mana yang saya katakan tadi, Kofi Annan menyifatkan pelanggaran gencatan senjata yang baru-baru ini dilakukan oleh Israel adalah satu-satu perkara yang serius, tetapi White House mengatakan ini adalah dilakukan kerana untuk menahan penyeludupan senjata dari Iran dan Syria kepada Hizbullah;
- (iii) kita mahu PBB jangan berlengah lagi dalam menghantar tentera pengaman ke bumi Lebanon;
- (iv) Israel harus dipertanggungjawabkan terhadap *genocide*, *crimes against humanity* dan *war crimes* dan *crimes of aggression*; dan
- (v) semua negara harus membantu Lebanon terutama negara-negara OIC supaya kembali dari kemusnahan masyarakat, ekonomi dan infrastruktur akibat tindakan zalim Israel ini.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Yang Berhormat Menteri Luar, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, kalau kita lihat PBB pada hari ini gagal di dalam memberhentikan penyeksaan sesama manusia, kalau kita lihat PBB ini gagal membuat sesuatu apabila peperangan itu meletus. Kalau PBB itu juga gagal dalam menjaga keamanan dunia dan satu lagi kita juga lihat PBB masih gagal di dalam membuat pendekatan pelbagai hala atau *multilateral* di dalam mencari penyelesaian dunia. PBB juga gagal mendengar suara negara-negara kecil. Saya ingin tanya dan mungkin mahu mendengar jawapan daripada Menteri Luar, kalau kita dapati bahawa PBB sudah tidak berkesan, apakah relevan Malaysia, OIC, NAM mahupun ASEAN terus menganggotai badan dunia ini kalau badan dunia ini sudah tidak lagi berkesan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja perbincangan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat bagi Jerai.

4.48 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan, saya memohon kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk kita bersama-sama sedekah Al-Fatihah kepada mujahidin-mujahidin dan pejuang-pejuang Islam di negara Islam yang terkorban kerana mempertahankan tanah air mereka.

[Membaca surah Al-Fatihah]

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Israel dan Amerika adalah *barbarian*. Mereka ini adalah pembunuh dan mereka ini adalah bangsa yang tidak bertamadun. Kalau kita lihat dalam kaca TV, berderainya tubuh insan manusia, mereka membedil negara-negara Islam, Lebanon dan Palestin tanpa ada belas kasihan. Apakah pemimpin-pemimpin negara ini, Israel dan Amerika manusia atau binatang? Binatang sendiri pun mempunyai perasaan, inikan manusia yang memimpin negara yang besar, yang berkuasa menggunakan kuasa dan kekuatannya untuk melenyapkan negara-negara Islam di bumi yang bertuah ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu penghinaan kepada dunia Islam. Ini adalah satu penghinaan kepada masyarakat-masyarakat Islam, penghinaan kepada pemimpin-pemimpin Islam. Di Palestin sendiri, Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Perdana Menteri Palestin dan juga Ahli-ahli Parlimen Palestin diculik dan dibawa balik ke negara mereka seolah-olah benua Arab ini kekuasaannya adalah di tangan-tangan orang Israel dan Amerika.

Rice sendiri dengan gigi yang renggang di hadapan itu datang ke Malaysia, kita boleh tengok wajahnya, wajah seorang pembunuh yang melagak-lagakkan diri, melambatkan keputusan PBB untuk menghentikan pembunuhan di bumi Palestin dan juga di Lebanon. Apakah ini seorang pemimpin yang diagung-agungkan oleh dunia Barat, menjelajah ke seluruh negara, kononnya untuk menyelesaikan pertelingkahan, tetapi sebenarnya untuk melambatkan supaya lebih banyak orang yang tidak berdosa terkorban di negara mereka sendiri.

Hizbullah, kumpulan yang mempertahankan Lebanon, bagi mereka dianggap sebagai gerila, tetapi mereka adalah pejuang-pejuang untuk mempertahankan tanah air mereka. Tanah air mereka dicerobohi, rakyat mereka dibunuh, bangunan diruntuhkan dan dilenyapkan. Hingga kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, apabila kita lihat di kaca TV, dengan tidak disedari linangan air mata kita, kerana kita tidak berkemampuan untuk menolong mereka yang sedang menderita di bumi mereka itu.

Kalau di negara-negara tersebut berlaku, adakah ini tidak mungkin tidak berlaku di negara kita? Kerana Amerika dan juga Israel akan cuba menguasai dunia, menguasai ekonomi dunia, menguasai ketenteraan dunia dan mereka akan menjadi abang yang biadab dan kurang ajar di dunia ini.

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan suara lantang Malaysia walau pun kita tidak berkemampuan dari segi ketenteraan dan kewangan boleh menyatukan dunia Arab dengan OIC. Supaya dunia Arab bersatu padu, bermuafakat untuk menentang Israel iaitu negara yang menjadi barua kepada Amerika Syarikat. Mereka harus ditentang, apakah dunia Arab tidak berkemampuan? Dengan kekayaan yang Allah S.W.T bagi ke dunia Arab, dengan begitu banyaknya orang-orang Arab yang berada di bumi benua Arab, maka mereka tidak mempunyai senjata yang cukup.

Apakah Arab Saudi tidak mempunyai tindakan yang cukup, dan bala tentera yang cukup untuk membantu menyelamatkan bumi Palestin dan Lebanon dan juga Iraq yang hari ini dijajah oleh Amerika Syarikat. Memang benar, saya akui Malaysia memainkan peranan. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita memainkan peranan hingga sanggup pergi ke Lebanon untuk melihat sendiri dengan mata kepalanya tentang jenayah yang dilakukan oleh pihak Israel tetapi kalau benua Arab ini tidak boleh bersatu, maka percayalah Tuan Yang di-Pertua, satu hari nanti keseluruhan benua Arab itu akan dijajah oleh Israel dan Amerika Syarikat. Kekayaan negara itu akan diambil oleh Amerika Syarikat dan Israel, dan percayalah di suatu hari nanti, seluruh dunia ini akan melutut di bawah tapak kaki Amerika Syarikat dan Israel. Apakah kita mahu ini berlaku?

Sekurang-kurangnya Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri kita dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita selaku Pengerusi OIC supaya memberi kesedaran kepada Arab-arab ini, pemimpin-pemimpin Arab ini, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita pun keturunan Arab juga, jadi satu nada satu bahasa Ya Habib! Yallah Bib, Yallah - gunakan, bagi tahu 'Tok Arab', keturunan kamu ini sedang dilanyak oleh Israel dan Amerika Syarikat. Arab tidak ada pemimpin Tuan Yang di-Pertua, selepas kewafatan Rasulullah s.a.w, sampai hari ini Arab tidak ada pemimpin dan hari ini kita berasa bangga bahawa Malaysia boleh memimpin dunia Arab. Walau pun kita sebuah negara yang kecil, walau pun kita bukan daripada keturunan Arab, tetapi Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita adalah keturunan Arab, dia boleh perbetulkan 'Tok Arab-Tok Arab' yang ada di benua-benua Arab...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik. Tamat Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Ya Tuan Yang di-Pertua, satu lagi Tuan Yang di-Pertua, *last*. Apakah harus kita lakukan? Saya menyeru kepada seluruh dunia terutama sekali Malaysia, kalaulah kita tidak mampu untuk turun ke bumi Lebanon dan Palestin, saya menyeru kepada seluruh umat yang ada di dunia ini yang ada bersimpati dengan tumpahan darah di benua Arab supaya memboikot keseluruhan barang-barang keluaran Amerika Syarikat dan Israel. Apakah ini pun kita tidak mampu lakukan? Apakah ini kita tidak berupaya melakukan, dengan menolak barang-barang keluaran Amerika Syarikat dan Israel...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau Israel menolak kita, tidak mahu tentera kita ke Lebanon kerana kita tidak ada hubungan diplomatik, apakah kita tidak boleh menolak segala barang-barang keluaran, sama ada terus daripada Israel ataupun melalui negara lain yang masuk ke dalam negara kita...

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan bersimpati di atas perjuangan umat Islam. Saya berdoa ke hadrat Allah S.W.T semoga kita akan melindungi bumi Arab dan menjatuhkan bala bencana kepada bumi Amerika Syarikat dan juga Israel. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Kubang Kerian.

4.56 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan saya mengucapkan tahniah kepada sahabat saya Yang Berhormat bagi Gombak yang membawa usul ini yang menunjukkan bahawa dalam isu tertentu kita boleh berdiri bersama di atas perjuangan rakyat Palestin dan Lebanon, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, esok insya-Allah saya juga mengucap tahniah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang akan menganjurkan *Pidato Perdana*, secara Perdana semua Ketua-ketua Pemuda PAS Malaysia, sama ada daripada pembangkang mahupun pihak kerajaan, kami akan bersatu atas satu suara esok dan insya-Allah di atas nama kemanusiaan, kita juga menyokong akan perjuangan umat Islam Palestin dan Lebanon yang menentang keganasan yang dilakukan oleh rejim Zionis Israel terhadap umat Islam di Timur Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya telah berada di Beirut mulai daripada 8 hari bulan hingga 14 hari bulan membawa misi kemanusiaan dan menubuhkan satu kem perubatan di tengah-tengah bandar Beirut. Ianya untuk kita menunjukkan sikap kita dan mewakili rakyat Malaysia amnya sebagai tanda betapa kita amat bersimpati dengan peperangan yang dipaksakan ke atas umat Islam di Lebanon.

Saya mahu mengambil beberapa contoh, khususnya daripada majalah terbaru keluaran terbaru *The Economist* yang menyifatkan peperangan yang berlaku di selatan Lebanon sebagai dengan izin, "*The accidental war, a pointless war that no one may have wanted and no one can win, it should stop now*".

Tuan Yang di-Pertua, apa yang meyakinkan kita adalah sikap yang ditunjukkan oleh rejim Israel yang dengan sengaja dalam masa enam hari telah dengan sengaja melanggar perjanjian damai ataupun *ceasefire* yang dianjurkan oleh PBB. Ini jelas menunjukkan betapa kemusnahan dan kesengsaraan yang dihadapi oleh rakyat Lebanon yang ada pada hari ini langsung tidak diambil kira oleh rejim pengganas Israel itu.

Semasa kami berada di Beirut, kami menyaksikan bagaimana penempatan awam, rumah-rumah pangsa, apartmen, pasar-pasar dibom dengan begitu zalim tanpa mengira adakah terdapat orang awam yang duduk dalam bangunan-bangunan yang telah saya sebutkan sebentar tadi. Ini menunjukkan bahawa apa yang berlaku di Lebanon ini semasa konspirasi yang sengaja diada-adakan untuk menghalalkan tindakan rejim Zionis Israel ini. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri Luar Negeri yang berada di dalam Parlimen pada hari ini, saya dengan ini meminta sekiranya Yang Berhormat Menteri ada maklumat, kerana apa yang kita sifatkan peperangan di Lebanon baru-baru ini adalah merupakan rentetan daripada pembunuhan bekas Perdana Menteri Lebanon, Rafik Hariri.

Adakah Rafik Hariri dibunuh? Adakah dia dibunuh dengan konspirasi daripada Amerika Syarikat? Adakah ini kerja CIA? Adakah ini kerja rejim Zionis yang berpakat untuk menghalau tentera Syria daripada bumi Lebanon? Adakah ini satu konspirasi yang berlaku yang sama semasa pembunuhan Ziaul Haq di Pakistan, yang CIA sanggup mengorbankan Duta Amerika Syarikat sendiri? Ini semua perlu diperjelaskan kepada dunia dan saya yakin dan percaya bahawa Menteri Luar Negeri kita yang ada banyak maklumat boleh memberitahu dunia, memberitahu Parlimen yang ada pada hari ini semua merupakan

rancangan CIA, rancangan jahat mereka dan kesempatan yang mereka ambil untuk melanyak, untuk membunuh umat Islam di dunia ini.

Maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga memberikan peluang kepada rakan-rakan lain untuk menyambung ucapan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Permatang Pauh, dalam tiga minit, sila.

5.00 ptg.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Pematang Pauh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga mengecam serangan terbaru Israel ke atas Lebanon dan juga memberi kepujian kepada Kerajaan Malaysia kerana sikap dan reaksi bersedia menghulurkan bantuan kepada Lebanon... [*Tepuk*] Kita juga mesti mengadakan satu persediaan untuk askar-askar kita dalam misi ini kerana di dalam misi ini bukan pengamanan yang biasa. Ini kerana kalau Israel mengebom dan membunuh pengamanan Bangsa-Bangsa Bersatu, empat daripada mereka terbunuh, apakah tidak kita mesti menyiapkan dan menyediakan askar-askar kita untuk menangani masalah di Lebanon ini. Dan juga janganlah kita melupai bahawa kompleksiti keadaan dalam Lebanon ini pelbagai mazhab dan agama. Kita tidak mahu tentera kita juga terlibat dalam persengketaan dalaman di Lebanon. Ini kerana apa yang kita dapati adalah Hizbullah mempertahankan tanah airnya dan apabila askar-askar kita diberi arahan untuk *disarm* Hizbullah, itu juga memberi satu..., akan menyebabkan mereka berbelah bahagi kerana kita adalah pengamanan, bukan mengambil bahagian di dalam persengketaan dan kita mesti memahami bahawa Hizbullah telah ditubuhkan kerana pendudukan Israel dalam Lebanon.

Apabila kita masuk menjadi pengamanan, askar-askar kita yang mengorbankan, yang bertarung nyawa mestilah bersedia sedia kerana kalau Israel boleh membunuh pengamanan Bangsa-Bangsa Bersatu askar kita mestilah diberikan persiapan untuk menghadapi masalah ini. Jadi, saya sekali lagi turut mengecam pencerobohan Israel dan menyokong tindakan dan persediaan Kerajaan Malaysia untuk menolong rakyat Lebanon.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

5.03 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil sedikit masa kerana kesuntukan masa, satu dua perkara. Lima tahun kebelakangan ini, Tuan Yang di-Pertua, dunia dipenuhi oleh tangisan, dunia dipenuhi oleh darah yang mengalir daripada tubuh-tubuh yang tidak berdosa. Darah mengalir di mana-mana dan yang melakukan keganasan menyebabkan tangisan dan darah yang mengalir ini, tidak lain tidak bukan ialah Bush, penganas nombor satu. Israel di belakangnya Amerika. Badan dunia Bangsa-Bangsa Bersatu sepatutnya memberikan perlindungan kepada negara-negara yang lemah, memberikan perlindungan kepada kemerdekaan, maruah dan martabat sesuatu negara, tetapi Bangsa-Bangsa Bersatu khususnya Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak berkemampuan melakukan sesuatu kerana di belakang Bangsa-bangsa Bersatu yang berkuasa ialah Amerika.

Majlis Keselamatan kalau membuat usul yang tidak menguntungkan Israel dan Amerika, Amerika akan veto. Maka itu Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan pendek ini, saya cadangkan kalau boleh Malaysia bawa usul ini disokong oleh negara-negara yang lain, Bangsa-Bangsa Bersatu yang tidak berfungsi ini dibubarkan, dibubarkan. Untuk apa kita berlindung di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu kalau Bangsa-bangsa Bersatu hilang fokus untuk menolong, membantu dan melindungi negara-negara yang kecil. Kita tubuhkan Bangsa-Bangsa Bersatu yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, dua askar Israel ditangkap oleh Hizbullah, apakah wajar – dua askarnya belum mati tetapi Israel bunuh 1,500 rakyat Lebanon yang tidak berdosa, 80% daripada kanak-kanak. Apakah ini bukan penganas nombor satu namanya. Tuan Yang di-Pertua, kita amat sedih dengan dunia yang penuh dengan kezaliman, yang diketuai oleh Amerika, dalangnya ialah Israel. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Tanjong.

5.05 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. DAP mengalu-alukan resolusi 1701 Majlis Keselamatan PBB mengenai konflik di antara Lebanon dengan Israel. Kami berharap komuniti antarabangsa akan berusaha dengan lebih gigih bagi memastikan kedua-dua pihak dapat menguatkuasakan resolusi ini dengan cara yang nyata dan ketara dan mewujudkan semula keamanan dan ketenteraman di Timur Tengah seawal-awal mungkin dan saya menyeru Kerajaan Malaysia memainkan peranan penting dalam proses ini.

DAP berharap resolusi yang diluluskan ini akan membentuk satu landasan yang lebih kukuh untuk memudahkan usaha-usaha yang akan diambil untuk mencapai penyelesaian politik yang berjangka panjang dalam wilayah ini. Tuan Yang di-Pertua, kami juga memandang serius bahawa kedamaian sementara kemungkinan akan terjejas memandangkan serangan udara komander Israel ke atas pasukan Hizbullah di Selatan Lebanon pada hujung minggu yang baru lepas.

Dunia harus memberitahu kedua-dua pihak bahawa kita tidak ingin melihat mana-mana pihak yang mengambil kesempatan membuat serangan dalam tempoh gencatan senjata ini dan merosakkan persetujuan untuk damai sementara. Ini penting memandangkan PBB telah mengambil masa yang begitu lama untuk mencapai satu persetujuan melalui resolusi itu. Kami juga ingin menyuarakan keprihatinan kami atas konflik ini yang telah menyebabkan satu bilangan yang besar kematian orang awam dan juga mencetuskan malapetaka kemanusiaan.

Sudah sampai masanya untuk bertindak dan pada masa ini ada mendesak bagi dunia untuk mengurangkan kesengsaraan orang-orang awam termasuk kanak-kanak, kaum wanita dan warga tua yang terperangkap dalam krisis ini. Oleh itu, kami menyeru supaya PBB dan pihak-pihak yang terbabit untuk menjamin akses untuk pertolongan kemanusiaan kepada populasi awam. Kami juga berharap komuniti antarabangsa dapat memastikan penempatan pasukan pengaman PBB dapat dikerahkan secepat mungkin.

Kami juga menyeru PBB supaya melancarkan siasatan yang menyeluruh tentang pencerobohan hak-hak asasi yang dilakukan semasa konflik di Lebanon. Di samping itu, kami juga berharap komuniti antarabangsa akan memberi komitmen untuk membantu dalam proses pembinaan semula di Lebanon dan ini juga harus membabitkan, mengukuhkan proses pendemokrasian di negara itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa memadailah setakat itu perbincangan mengenai perkara ini. Saya juga mendapat laporan baru-baru ini, di samping pihak Israel menyerang Lebanon, mereka juga telah menculik beberapa orang Ahli Parlimen, Timbalan Perdana Menteri dan Speaker Parlimen Palestin. Dengan itu saya menjemput Menteri Luar Negeri untuk memberi jawapan dan ulasan beliau. Silakan.

5.09 ptg.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Assalamualaikum, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Gombak kerana telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 18(1) dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, dari Jerai, Kubang Kerian, Pematang Pauh, Sri Gading dan Tanjong, yang menyentuh berkenaan dengan persoalan, pergolakan yang sedang berlaku di Lebanon dan juga di Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, setelah perang dunia kedua berakhir dan di atas jenayah yang dilakukan oleh pihak Eropah terhadap kaum Yahudi, rakyat Palestin dikorbankan dengan membahagikan wilayahnya bagi membentuk negara Israel pada 14 Mei 1948.

Israel seterusnya menjadi Ahli PBB pada 14 Mei 1949. Ini dilakukan kerana melalui *Balfour Declaration*, Deklarasi Balfour 1917 telah menjanjikan penubuhan negara Israel oleh Kerajaan British. Walaupun 55% daripada Wilayah Palestin diberikan, rakyat Palestin tidak langsung dirundingi untuk mendapatkan persetujuan mereka. Liga Arab yang pada ketika itu diwakili oleh anggotanya daripada negara Iraq, Iran, Lebanon, Mesir dan Syria

menentang dan membantah tetapi penentangan dan pembantahan mereka adalah satu suara yang boleh dikatakan tidak langsung tidak diambil kira oleh kerana masyarakat antarabangsa digerakkan oleh kuasa yang besar dan kuasa yang kuat.

Semenjak itulah Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini maklum, Timur Tengah tidak pernah mengenal keamanan dan kedamaian. Rantau tersebut terus terlibat dengan peperangan. Beberapa kali Jordan, Mesir dan Syria berhadapan dengan konflik terbuka dengan Israel kerana negara Israel terus didokongi oleh kuasa besar yang terkuat, maka wilayah di negara Arab terus ditakluki oleh Israel sehingga sekarang.

Negara Palestin walaupun dijanjikan pada tahun 1948 masih lagi tergantung dan terabai selagi PBB tidak berupaya merealisasikan tanpa persetujuan dan dokongan daripada Ahli Tetap Majlis Keselamatan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya habis ini sekejap, selepas itu saya bagi. Walaupun beberapa perjanjian damai telah diusahakan, namun Israel tidak merestuinnya dan kegagalan ini tidak dapat diatasi. Selagi Ahli Tetap Majlis Keselamatan menyekat apa jua usaha bagi mencapai penyelesaian, praktikal untuk mengembalikan keamanan jangka panjang dan menyelesaikannya secara politik, selagi itulah kita akan berhadapan dengan konflik dan berhadapan dengan keadaan yang tidak tenang dan tidak aman di Timur Tengah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya terpanggil juga untuk menyatakan pandangan saya. Pelbagai pandangan telah kita berikan kepada Amerika, Israel dan sekutunya yang terus mengganas hingga tidak langsung mempedulikan dan menghormati sebarang keputusan PBB. Apakah kemungkinan sudah tiba masanya seluruh dunia kecuali Amerika, Israel dan sekutunya, kita memberi amaran keras bahawa kita bersedia berperang dengan mereka ini terutamanya Amerika sebagai jalan keluar sekiranya mereka terus mengganas sehingga tidak mempedulikan segala suara simpati di atas segala keganasan demi untuk keamanan perpaduan sejagat kerana pepatah ada mengatakan, "Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh". Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larut yang telah menyentuh soal kita melakukan peperangan. Sebelum kita boleh melakukan peperangan, lebih baik kita membuat persediaan yang rapi dan cukup, apa juga yang hendak kita memasuki dalam bidang, kita mesti mempunyai persediaan yang amat cukup dan berkesan bagi kita menjanjikan keamanan, bukan untuk generasi masa kini tetapi untuk generasi akan datang juga.

Saya fikir apa yang Ahli Yang Berhormat sekalian telah menunjukkan ialah kita punya keprihatinan, penghayatan kita terhadap kezaliman sejagat yang sedang berlaku tanpa dapat dilaksanakan apa-apa tindakan yang berkesan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu. Apakah jawapan kita ialah semata-mata untuk kita membubarkan sahaja Bangsa-Bangsa Bersatu? Ini juga tidak akan menjadi penyelesaian kerana kita tidak mempunyai apa-apa alternatif kepada Bangsa-bangsa Bersatu.

Sebab itu Malaysia sebagai sebuah negara yang menjadi ahlinya, mencadangkan supaya kita merombak dan menyusun semula Bangsa-Bangsa Bersatu supaya ia dapat mencerminkan gambaran dan keperluan masa kini dan tidak tertakluk kepada kehendak selepas Perang Dunia Kedua kepada pihak yang telah menang...

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang mana, Yang Berhormat bagi Bera atau Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Bera ya?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bera dahulu.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa Bangsa-Bangsa Bersatu gagal dan kita telah mencadangkan untuk merombak Bangsa-Bangsa Bersatu sudah begitu lama, daripada zaman Yang Amat Berhormat bekas Perdana Menteri dahulu dan mengutarakan supaya dirombak Bangsa-Bangsa Bersatu, dihapuskan Security Council dan sebagainya, tetapi sehingga ke hari ini masih lagi gagal dan saya percaya akan terus gagal. Jadi apakah alternatifnya? Mungkin tidak boleh bubarkan Bangsa-Bangsa Bersatu, tetapi sebagai negara Islam, OIC, kita mempunyai banyak senarai nama negara Islam yang begitu panjang. Bagaimanakah kalau ada usaha untuk membawa keluar misalnya, negara-negara OIC daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu?

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Mungkin ini jalan pertama sebelum kita membawa NAM misalnya, keluar daripada Bangsa-Bangsa Bersatu.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab Yang Berhormat bagi Bera, biar saya menyentuh persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong usul ini. Selepas itu saya akan cuba menyentuh apa yang telah dinyatakan.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya pergi ke Lebanon dan bila saya melihat keadaan di sana dan bila kita memerhati apa yang dilakukan di Lebanon, kita semua lupa apa yang dilakukan di Palestin. Keganasan berterusan di Palestin dan pembunuhan dilakukan berterusan di Palestin. Inilah cara mereka tetapi kita tidak berupaya untuk mengambil tindakan yang lebih *assertive* lagi ataupun yang lebih keras lagi kerana tidak dapat kita mencapai kesepakatan untuk boikot Israel kah, untuk kita keluar daripada Bangsa-Bangsa Bersatu, apakah ia menjadi jawapan kita kepada badan yang dapat mewakili suara kita. Kalau kita langsung tidak mempunyai suara di mana-mana medan ataupun *pedestal* antarabangsa untuk kita menolak apa yang dilakukan oleh Rejim Israel yang selama ini pun daripada usul-usul semenjak 1968, usul-usul semenjak 81 usul yang dikemukakan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu, mereka tidak pernah mengendahkan usul-usul ini. 31 daripada usul-usulnya tidak dipatuhi.

Usul 252 Majlis Keselamatan misalnya, untuk berundur daripada wilayah dan kawasan yang diduduki sejak daripada perang 1967 tidak dipatuhi. Selagi kita ada sistem yang mempunyai kuasa veto, selagi itulah kita tidak dapat meneruskan niat dan kehendak kita untuk melihat keadilan dapat tercapai di rantau itu tetapi kita hendak membuat rombakan atau penyusunan semula. Malangnya Bangsa-Bangsa Bersatu mempunyai peruntukan untuk meminda ataupun menyusun semula Majlis Keselamatan, kita perlu juga kelulusan daripada Ahli Majlis Keselamatan itu sendiri.

Jadi dengan itu bermakna sistem dunia sekarang adalah pincang dan sistem ini tidak langsung membawa untuk melindungi negara-negara kecil. Sebab itu kita di dalam tiap-tiap pertemuan kita, kita telah mengatakan kepada Amerika Syarikat, telah mengatakan kepada Britain, yang bertanggungjawab banyak di dalam hal-hal untuk membawa keamanan dan kedamaian, mereka mesti memainkan peranan mereka dengan penuh jujur dan ikhlas. Kalau mereka tidak memainkan peranan dengan jujur dan ikhlas, kita akan melihat keadaan ini akan berterusan dan Israel akan menggunakan pelbagai helah untuk tidak mematuhi apa juga usul yang dibawa oleh Bangsa-Bangsa Bersatu.

Mungkin kita berasa bangga dengan 1701. Kalau kita baca 1701, dia mempunyai banyak bahasa yang kabur. Cara ianya dirangka tidak memenuhi apa yang dikehendaki melalui pelan 7 *point* yang kita persetujui semasa mesyuarat di Putrajaya. Jadi ini semua kita terpaksa bersetuju kerana untuk tentukan tidak diteruskan permusuhan yang boleh membawa kesan yang amat buruk kepada rakyat Palestin dan rakyat Lebanon. Rakyat Lebanon pada masa ini hanya dipersetujui di peringkat Majlis Keselamatan setakat *cessation of hostilities* iaitu pemberhentian permusuhan, bukan *seize fire* dan Israel menggunakan, kalau kita baca tiap-tiap peruntukannya, ia mempunyai cara untuk keluar. Sebab itu mereka telah masuk dan mereka didokongi oleh Amerika Syarikat.

Apabila didokongi oleh Amerika Syarikat, kita berhadapan dengan keadaan yang sebegini rupa. Sama ada kita menganggap bahawa pembunuhan Rafiq Hariri ataupun adalah satu pelan ataupun konspirasi, siasatan sedang dijalankan tetapi kita mempunyai tanda tanya. Tiap-tiap perjalanan dan pergerakan yang kita lakukan mempunyai tanda tanya, berapakah kejujuran dan kemahuan negara-negara Barat bagi menyelesaikan masalah ini. Ini bukan peperangan di antara Hamas atau di antara Hizbullah dengan Israel. Ini adalah peperangan untuk menentukan bahawa kebebasan dan kemerdekaan Palestin dan juga Lebanon dapat dipertahankan.

Kalau kita menjadi rakyat di dalam sesebuah negara maka negara kita diserang, dari apa kumpulan sekalipun, kita akan mempertahankan kedaulatan wilayah kita. Kita akan mempertahankan kedudukan rakyat kita supaya mereka tidak dizalimi oleh pihak yang lain. Israel berasa bahawa pada kali ini mereka telah kalah, dalam peperangan dengan Lebanon, jangan kita sekali-kali gunakan peperangan ini ialah peperangan di antara Israel dan Hizbullah. Ini digunakan sebagai satu isu teknikal mengatakan ianya adalah peperangan untuk menentang keganasan. Ini bukan menentang keganasan, ini adalah satu peperangan yang perlu dilakukan untuk mempertahankan kedaulatan dan maruah rakyat dan penduduk di Lebanon dan juga di Palestin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tan Sri. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Luar. Sebenarnya kita semua mengutuk PBB dan kezaliman yang dilakukan itu memang teruk dan berwatak keji. Saya nak bertanya Yang Berhormat, nampaknya kita tidak bermaya. PBB telah ditubuhkan 61 tahun, resolusi telah diluluskan, tetapi oleh kerana pengaruh Amerika Syarikat dan Israel mereka tidak mematuhi apa yang telah diluluskan. Jadi apakah tindakan daripada Yang Berhormat sebagai Menteri Luar bagi negara Malaysia dan juga pemimpin OIC, apa cara yang boleh kita buat? Adakah kita setakat mengadakan resolusi, forum ataupun tindakan apa yang boleh kita lakukan kerana dua dalang ini yang menyebabkan kita tidak boleh melakukan resolusi.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita oleh kerana keadaan yang berlaku, kita terus berasa kecewa dan tidak mahu lakukan sesuatu oleh kerana kegagalan PBB atau kita tidak dapat bertindak untuk menyekat Amerika Syarikat ataupun Israel daripada tidak meneruskan kezaliman yang sedang berlaku di Lebanon ataupun di Palestin, maka kita akan kalah. Boleh kata alhamdulillah, oleh kerana kita punya ketekunan, ketegasan kita maka lahirlah *sensation of hostility*. Kalau tidak ada suara daripada kita, dan tidak ada mesyuarat yang diadakan di Putrajaya yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri kita sendiri, maka suara untuk menyekat Israel terus melakukan serangan ke atas Lebanon akan berterusan.

Daripada segi sejarah Bangsa-Bangsa Bersatu, Bangsa-Bangsa Bersatu tidak pernah membiarkan untuk keganasan yang dilakukan oleh negara. Kita menganggap ini ada sebagai satu terrorism yang dilakukan oleh negara. *State terrorism* adalah seburuk juga sebagaimana *terrorism* ataupun keganasan yang dilakukan oleh individu. Apatah lagi apabila negara itu dibekalkan oleh peralatan dan senjata yang moden. Kita tahu bahawa di dalam bom-bom yang digunakan ada juga yang mengandungi bahan kimia, yang mempunyai kesan kepada orang yang terkena bom itu dan juga kesan jangka panjang terhadap kehidupan dan iklim dan kawasan di tempat itu. Sebab itu, saya fikir, suara kita terus kena lantang dan suara daripada Parlimen Malaysia adalah mustahak sekali untuk kita sampaikan ke peringkat dunia dan peringkat antarabangsa. Bukan jangan sekali-kali kita menggunakan alasan dua tentera Israel ditahan maka peperangan berlaku. Berapa ramai rakyat yang daripada Lebanon yang masih lagi di dalam tahanan, mereka di dalam peperangan, ini bukan satu penculikan.

Pada saya ini adalah satu *capture* di dalam peperangan yang berlaku, satu konflik terbuka, begitu juga kalau kita tengok Speaker, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat Palestin, bukan sahaja tangan dia digari, tetapi kakinya juga digari tetapi dengan keadaan yang sedemikian dia masih lagi berani bercakap dan terus menentang di Israel sendiri, di Tel Aviv apabila mereka memberikan dia di dalam satu *interview* dengan keadaan kakinya diikat dengan besi, kita tidak pernah pun ikat kaki dengan besi.

Mengapa dunia, mengapa negara-negara Barat masih lagi memberikan dokongan yang kukuh dan kuat ke atas kezaliman dan apa yang mereka lakukan bertentangan dengan undang-undang kemanusiaan hak asasi dan undang-undang jenayah antarabangsa. Sebab itu kita akan terus, kita telah membawa bersama-sama negara lain satu usul di peringkat Suruhanjaya Hak Asasi di Geneva dan kita berjaya membawa usul itu tetapi dia tidak boleh berhenti di sini sahaja, kerana 10,000 ribu rakyat Palestin masih lagi di penjara daripada kanak-kanak, Ahli Parlimen, Ahli Kabinet, Ahli Dewan Parlimen ini semua dilakukan di depan dunia dan dunia memerhati.

Kalau Malaysia juga Ahli-ahli Parlimen, sebab itu saya berasa amat bangga sekali, Ahli-ahli Parlimen kita berani membuat usul yang sebegini rupa dan ianya tidak kira parti, ini bukannya peperangan di antara umat Islam dan bukan Islam di Lebanon. Ini adalah peperangan yang melibatkan kemanusiaan dan keadilan. Sebab itu kita menyokong segala tindakan dan mereka bertanya kepada kita sama ada kita akan rela untuk *disarm* Hizbullah. Bukan itu tugas kita dan apabila saya berbincang dengan Presiden Lebanon dan juga Menteri Luar Lebanon, saya mengatakan bahawa kita tidak akan terlibat di dalam konflik dalaman Lebanon, itu bukan tugas kita untuk mencari keamanan supaya Israel tidak mencabul kedaulatan wilayah dan kedudukan Lebanon...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sebab itu saya fikir tidak perlu, kalau mereka mahu kita melucutkan kita tidak mahu menjadi pengganti untuk berperang dengan Hizbullah, membuat kerja yang dilakukan oleh Israel.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kita punya tujuan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita merasa sebak dan sesak tentang isu ini. Bagi saya Amerika yang disebut dengan izin *the champion of democracy* adalah *the champion of hypocrisy*. Israel ini sebenarnya dia berani kerana ada Amerika di belakangnya. Saya nak tanya Yang Berhormat Menteri, gencatan senjata yang sekarang ini berkuat kuasa, saya rasa pada bila-bila sahaja akan hancur kerana Israel akan merancang seperti latar belakangnya sebelum ini bahawa dia akan menggunakan berbagai-bagai justifikasi untuk menyerang kembali.

Apakah usaha kita Yang Berhormat Menteri selain daripada kalau saya di Sabak Bernam, Yang Berhormat Menteri, saya turun kepada rakyat, mereka memang marah, mereka memang sedih tetapi mereka tidak boleh berbuat apa-apa. Bolehlah kalau dalam konteks Islam kita melakukan Sembahyang Hajat tetapi selepas itu Dato' Seri ataupun Tuan Yang di-Pertua, bila kita dengar bahawa Israel dengan begitu bebas sekali, dengan begitu berani sekali menyerang kembali Lebanon, kita merasa bahawa kita macam langsung tidak berupaya walaupun kerajaan kita Malaysia, kita ucap tahniah kerana telah berbuat sesuatu. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat dari segi kekuatan ketenteraan dan semangat rakyat Lebanon dan semangat rakyat Palestin, kita akan merasa sedih dan terharu tetapi mereka dapat mempertahankan kedudukan negara mereka. Walaupun mereka bertalu-talu berhadapan dengan masalah dan berhadapan dengan pelbagai rintangan tetapi mereka terus berjaya untuk mempertahankan negara mereka. Pada kali ini hanya kalau kita tengok televisyen CNN atau BBC, mungkin kita akan hanya sebelah pihak sahaja. Kalau kita tengok televisyen daripada negara-negara di Timur Tengah, kita akan melihat keadaan yang sebenarnya, jadi kita perlu melihat kedua-dua saluran supaya kita mudah untuk mengetahui kedudukan sebenarnya.

Yang Berhormat terima kasih. Saya hendak bertanya, adakah kita tidak melihat bahawa Israel dan Amerika mempunyai agenda yang lebih besar? Bukan setakat Lebanon, tetapi lebih besar daripada itu. Sebab kalau kita lihat, semasa peperangan di Lebanon kedua-dua kuasa ini dan kuasa Barat yang lain tak henti-henti menyebut tentang

penglibatan Syria dan Iran di dalam peperangan itu. Kita menjangka bahawa, bukan setakat Lebanon, selepas Lebanon mungkin mereka akan menyerang, Iran, Syria selepas Iraq. Dan kita tidak tahu selepas itu adakah mereka akan datang ke tempat lain. Di ASEAN ini, Malaysia, Indonesia dan sebagainya mungkin tidak akan terlepas daripada agenda yang lebih besar...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Jadi saya hendak tahu, apakah tindakan awal kita, kalau kita menganggap bahawa agenda Israel dan Amerika lebih besar daripada itu, apakah tindakan awal kita? Negara-negara Islam misalnya, dan apakah harapan kita kepada penyatuan negara-negara Arab untuk menyekat perluasan kuasa Israel di tanah Arab ini.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan, penting sekali bagi tiap-tiap rakyat di beberapa negara, masyarakat antarabangsa untuk memberikan dokongan dan sokongan kepada perjuangan ini. Banyak perkara yang kita tahu ada agenda tersirat, ada perkara-perkara yang mereka mahu melakukan. Kita sudah menyuarakan bahawa kita tidak mahu diheret Syria dan Iran sebagai satu lagi medan peperangan dan ini akan membangkitkan suatu suasana yang bukan sahaja negara tersebut akan berhadapan dengan masalah tetapi juga negara-negara Barat akan bermasalah.

Jangan ingat kalau semua negara Islam diserang, dan negara-negara Islam dibabitkan dengan peperangan dia tidak akan mendatangkan masalah yang lebih besar kepada keamanan dan kestabilan dunia dengan secara yang menyeluruh iaitu Tuan Yang di-Pertua saya cuba menjawab secara ringkas dengan masa yang terhad dan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan banyak cadangan-cadangan dan bagaimana pendekatan yang perlu kita lakukan. Kerajaan kita akan terus berusaha dan saya berharap kita akan terus memberi sokongan terhadap segala usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan bagi membantu perjuangan rakyat Palestin dan juga rakyat Lebanon. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga hari esok, pukul 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang.